

"DARI 'Aisyah Radhiallahuanha bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Orang yang paling sempurna iman di antara orang-orang yang beriman ialah orang yang paling baik budi pekertinya dan paling lembut kata-katanya kepada isterinya". (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

MELAHIRKAN GRADUAN MAHIR DIGITAL, BERDAYA SAING

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Ogos. - Sejak penubuhannya, Universiti Brunei Darussalam (UBD) sentiasa berazam 'Ke arah Kesempurnaan Insan'. Azam ini merupakan tujuan sebenar pendidikan tinggi, bukan sekadar untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik, tetapi juga membentuk insan yang berakhlak mulia, pemikir dan berintegriti. Inilah matlamat yang tidak pernah berubah, walaupun dunia sentiasa mengalami perubahan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD bertitah demikian sempena Majlis Konvokesyen UBD Kali Ke-38 bertempat di Dewan Canselor UBD, pagi tadi.

Pada hari ini, titah baginda, pendidikan turut berhadapan dengan perkembangan pesat Kecerdasan Buatan (AI). AI telah turut mengubah cara belajar, cara bekerja dan cara membuat keputusan.

Pada hemat baginda, universiti tidak cukup sekadar melahirkan graduan yang mahir AI. Tetapi lebih penting graduan yang mempunyai kebolehan menggunakan teknologi secara berhemah dan bertanggungjawab, mengutamakan nilai, adab dan perhitungan matang.

"Bagaimanapun, mengenai teknologi, beta menyambut baik pelancaran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UBD Kali Ke-38. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

UBD Digital Transformation Blueprint sebagai hala tuju universiti dalam mentransformasikan pengajaran, penyelidikan dan tadbir urus melalui

teknologi digital. Tetapi beta mahu UBD biarlah benar-benar menjadi peneraju dalam perubahan ini.

>> Muka 2

Pencapaian rasmi MMN memperkukuh diplomasi parlimen negara

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah selesai dilaksanakan dengan selamat dan sempurna selama enam hari dan berjaya menyelesaikan empat perbahasan usul, 220 pertanyaan kepada menteri-menteri dan tiga kenyataan menteri.

Sepanjang Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN pada tahun ini pula, majlis telah meneliti dan meluluskan urusan utama



termasuk belanjawan negara, rang undang-undang serta meneliti isu-isu semasa berkaitan pembangunan sosioekonomi, pendidikan dan kesihatan dan lain-lain yang telah dibangkitkan dalam pertanyaan.

Turut dibincangkan ialah usul-usul yang berkaitan dengan langkah mempercepatkan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 serta perbincangan mengenai penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan bagi Ahli-ahli MMN. Setiap perbahasan telah memperkayakan persidangan ini dan

menyumbang ke arah pemikiran yang lebih matang serta menyeluruh bagi negara.

Demikian antara yang diujarkan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

>> Muka 9

Memperkukuh mekanisme pembangunan dasar, ambilkira *inputs*, pandangan rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Wawasan Brunei 2035 menetapkan hala tuju pembangunan negara, manakala kerangka kerjanya memperkukuh pensejajaran antara Matlamat Wawasan, Keutamaan Negara, Hasil-Hasil Pencapaian Kebangsaan dan Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (National KPIs) yang berkaitan. Pelaksanaannya pula, disokong oleh

Manpower Blueprint, Social Blueprint dan Economic Blueprint. Meskipun fokusnya yang berbeza, ketiga-tiga *blueprint* saling berkait melalui elemen bersama (*common elements*) seperti keupayaan institusi, tadbir urus yang berkesan, penyelarasan antara agensi, penggunaan sumber secara berkesan serta pelaksanaan dasar dan program yang berorientasikan hasil (*outcome oriented*

programmes).

Ini bermakna, pencapaian Wawasan bukan sahaja bergantung kepada perancangan yang baik, tetapi juga kepada keupayaan jentera kerajaan untuk menghubungkan dasar kepada tindakan dan tindakan kepada hasil yang dihasratkan.

>> Muka 9



Berita Utama



PERBAHASAN MMN landasan menengahkan isu menjadi perhatian, kepentingan rakyat

Muka 15



MEMPERKUKUH kompetensi, keupayaan negara menjalankan siasatan kemalangan udara, maritim

Muka 23



TINGKATKAN kesedaran mengenai kepentingan memelihara manuskrip

Muka 24



RENCANA

TOLERANSI sesama jiran cerminkan keharmonian

Muka 28

Melahirkan graduan mahir digital, berdaya saing



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-38 UBD bertempat di Dewan Canselor UBD.

>> Muka 1

"Jadikanlah platform digital ini sebagai pemudahcara dalam menjelmakan matlamat sebenar iaitu melahirkan graduan yang cemerlang dan kemahiran tinggi," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam lagi.

Dalam pada itu, tambah titah baginda, perlu pula diingat, bahawa kecemerlangan akademik sahaja tidak akan ada ertinya jika akhlak rendah atau rosak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah Hadis sahih riwayat Al-Bukhari, Baginda bersabda maksudnya :

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

"Sesungguhnya orang yang terbaik dalam kalangan kamu ialah mereka yang baik akhlaknya".

Atas kesedaran inilah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan usaha UBD melaksanakan Kurikulum GenBESTARI mulai September tahun ini.

"GenBESTARI bukan sekadar pembaharuan kurikulum, tetapi adalah satu pendekatan untuk melahirkan graduan yang seimbang, berilmu, berakhlak, berdaya tahan, celik digital dan sentiasa bersedia untuk terus belajar sepanjang hayat.

"Beta mahu kejayaan GenBESTARI tidak hanya diukur melalui bilangan program yang dilaksanakan, tetapi perkembangan pola fikiran dan peningkatan nilai insaniah setiap graduan mestilah juga diambil kira," titah baginda.

Selari pembaharuan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghargai usaha gigih UBD dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui bimbingan kerjaya dan latihan industri yang komprehensif sebagai langkah proaktif

untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan.

Titah baginda lagi, begitulah hendaknya, Institusi Pengajian Tinggi di negara ini hendaklah terus memperkasa kolaborasi strategik dengan pihak industri, serta sentiasa responsif dalam menyesuaikan program akademik dengan keperluan pasaran kerja.

Dengan persekitaran yang aman, titah baginda, stabil dan menjunjung tinggi nilai-nilai Islam, maka negara ini mempunyai keunikan tersendiri yang mampu untuk menarik pelajar dari seluruh dunia.

"Inilah jenama Brunei yang perlu kita pameran kepada dunia. UBD adalah nadi kepada jenama ini. Kehadiran pelajar antarabangsa adalah turut memperkukuh reputasi UBD," titah baginda.

Bertepatan dengan hasrat untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, maka baginda adalah menyambut baik projek Hab Inovasi UBD (UBD Innovation Hub) di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Kebawah DYMM berharap ia akan dapat turut memperkukuh budaya dan ekosistem inovasi

kebangsaan yang mampu memudahkan peralihan hasil penyelidikan kepada produk pasaran. Titah baginda lagi, semoga inisiatif ini akan dapat melahirkan graduan yang mahir digital serta berdaya saing.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-38 UBD pada pagi ini.

Kebawah DYMM dengan amat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Kejayaan ini titah baginda, tentunya merupakan hasil usaha serta doa para ibu bapa yang tidak berpenghujung.

"Akhirnya, beta mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga UBD, yang merangkumi para Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti, serta semua pihak yang telah mencurahkan bakti mereka kepada institusi ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan mereka mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda.

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	28	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
13	KHAMIS	29	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
14	JUMAAT	1 RABIULAWAL	4.47	4.57	6.17	6.39	12.26	3.42	6.34	7.45
15	SABTU	2	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.42	6.33	7.45
16	AHAD	3	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44
17	ISNIN	4	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.40	6.33	7.44
18	SELASA	5	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.32	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	HAZE
Pekan Bangar			
34 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	HAZE
Pekan Tutong			
34 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	HAZE
Kuala Belait			
34 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	HAZE

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

12 OGOS 2026

Tibanya bulan yang dirindui

TIDAK lama lagi kita akan melangkah ke bulan Rabiulawal. Bulan yang kelahiran Junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam bulan Rabiulawal adalah satu amalan mulia untuk melahirkan rasa cinta kepada Baginda sempena bulan kelahiran junjungan besar, di samping merebut ganjaran pahala serta syafaat di akhirat kelak.

Kenapa kita digalakkan memperbanyakkan di bulan Rabiulawal ini kerana menunjukkan tanda kasih melahirkan cinta sejati kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Mengharapkan mendapat syafaat supaya urusan kita sehari dipenuhi syafaat Baginda di akhirat. Setiap selawat kita lafazkan mendapat gandaan pahala akan sampai kepada Baginda dan dikurniakan kebaikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Selain daripada berselawat kita digalakkan untuk menghidupkan sunnah Baginda, dengan mendengarkan atau membaca sirah, dan memperbanyakkan sedekah atau amalan soleh yang lain.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam kita menghidupkan 12 malam pertama di bulan Rabiulawal dengan mengadakan majlis berdirir, memuji dan membesarkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara juga tidak melepaskan peluang mempelawa orang ramai untuk bersedakah. Dan ada juga dalam kalangan keluarga secara persendirian mengadakan dikir-dikir dan selawat-selawat dalam sama mengeratkan hubungan silaturahim kekeluargaan.

Tahun ini bulan Rabiulawal tiba tepat semasa cuti persekolahan. Lebih banyak peluang yang dapat dimanfaatkan untuk menghidupkan bulan Rabiulawal. Sidang Pengarang buat keluaran kali ini ingin sama-sama membawa para pembaca untuk menghayati sirah atau perjalanan Nabi Muhammad yang perlu kita teladani dan hayati bersama. *Allahumma Solli Ala Sayyidina Muhammad Wa 'Ala Ali Sayyidina Muhammad.* - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MENYEMPURNAKAN PENGURNIAAN IJAZAH KEPADA 793 GRADUAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 bagi meraikan para graduan Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor UBD (atas kanan dan atas kiri).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini menyaksikan Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 bagi meraikan para graduan Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada graduan yang

berjaya menamatkan pengajian.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor UBD.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Canselor, UBD, di sini, dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang

Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 turut mencatatkan beberapa detik bersejarah, antaranya buat pertama kalinya dalam sejarah konvokesyen UBD, seorang Al-Hafiz memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bagi memberkati majlis.

Pengiran Muhammad Abdul Majeed Ariffin bin Pengiran Haji Muhammad Abdul Aziz, graduan Ijazah Sarjana Sains dalam Biodiversiti, memperdengarkan bacaan Surah Saba', ayat 10 hingga 13 di hadapan para hadirin.

Selain kejayaan akademik, beliau turut menerima Ijazah Khas Hafaz Al-Quran 30 Juzuk daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun

2022 ketika masih menuntut di UBD. Acara kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan dari Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada seramai 793 graduan mengikut bidang masing-masing daripada graduan PhD, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Ijazah Sarjana

Muda Sains, Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi Digital.

Pada majlis tersebut turut menyaksikan kumpulan pertama graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Digital dalam Kecerdasan Buatan dan Robotik (Bachelor of Digital Science in Artificial Intelligence and Robotics Students).

>> Muka 4



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas kiri). Sementara gambar kiri, Pengiran Muhammad Abdul Majeed Ariffin bin Pengiran Haji Muhammad Abdul Aziz, graduan Ijazah Sarjana Sains dalam Biodiversiti memperdengarkan bacaan Surah Saba', ayat 10 hingga 13.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD serta paduka anakanda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan (atas). Manakala gambar atas kiri dan gambar-gambar di bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 3

Program pengajian selama tiga tahun itu memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai sifat pelbagai disiplin dalam bidang kecerdasan buatan dan robotik, termasuk elektronik, mekanikal dan pengkomputeran serta pengkomputeran fizikal bagi sistem pintar dan Internet of Things (IoT).

Program Kecerdasan Buatan dan Robotik di Sekolah Sains Digital UBD direka bagi melahirkan generasi baharu tenaga profesional dalam teknologi yang berupaya membangunkan sistem pintar untuk memenuhi keperluan dunia yang semakin bergantung kepada teknologi digital.

Kurikulum program berkenaan merangkumi asas sains komputer, kecerdasan buatan, pembelajaran mesin, robotik, sistem terbenam dan teknologi berasaskan data, di samping memberi penekanan kepada pengalaman praktikal, pengaturcaraan, reka bentuk sistem pintar dan pembelajaran berasaskan projek.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Pada tahun ini, seramai 1,181 graduan menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 56 graduan Ijazah Doktor

Falsafah (PhD), 304 graduan Ijazah Sarjana, 806 graduan Ijazah Sarjana Muda, lima graduan Micro-Master dan 10 penerima Diploma.

Sejurus selepas penganugerahan ijazah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat menyaksikan pameran khas yang mengetengahkan pencapaian UBD sepanjang tahun dan seterusnya berkenan melihat dan melancarkan secara rasmi 'UBD Digital Transformation Blueprint 2030', iaitu kerangka institusi yang menjadi panduan kepada transformasi digital UBD bagi tempoh lima tahun akan datang.

Kerangka strategik tersebut

bertujuan membentuk semula cara UBD beroperasi, mengajar, menjalankan penyelidikan dan melaksanakan tadbir urus, di samping menyediakan pengalaman digital yang lancar bermula daripada proses kemasukan sehingga tamat pengajian dan seterusnya.

Blueprint berkenaan distrukturkan berasaskan tiga tonggak utama, iaitu Infrastruktur; Dasar dan Pengurusan; serta Pendidikan dan Penyelidikan, yang dilaksanakan melalui platform digital bersepadu UBD, Nexus for Architecture, Data and Intelligence (NADI).

Pembangunannya dipandu oleh AISENSE yang bertanggungjawab dalam

pembangunan NADI serta tadbir urus kecerdasan buatan secara beretika. Antara pencapaian bersejarah UBD yang turut diketengahkan dalam pameran ialah pelancaran benih ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

Projek bertajuk 'Spaceflight-induced Seed Mutagenesis for Brunei's Food Security and Resilience' itu merupakan hasil kerjasama UBD melalui Institute for Biodiversity and Environmental Research (IBER), Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di bawah Kementerian Ekonomi dan Industri serta Space Faculty Pte. Ltd., Republik Singapura.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka anakanda baginda berkenan berangkat menyaksikan pameran semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 dan berkenan dijunjung bergambar ramai (atas kiri dan atas kanan).

SUASANA pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 (kiri dan kiri sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Projek berkenaan bertujuan mendedahkan benih padi tempatan kepada sinaran kosmik bagi mencetuskan variasi genetik yang berpotensi menghasilkan varieti tanaman baharu yang mempunyai hasil lebih tinggi.

Inisiatif tersebut diharap dapat memperkukuh kedaulatan makanan negara serta menyokong matlamat kelestarian global, di samping menjadi satu

langkah penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memanfaatkan teknologi angkasa untuk menangani cabaran alam sekitar dan keselamatan makanan.

Pameran ketiga menentangkan projek Sahabat-Care, iaitu projek yang memenangi AI Ready ASEAN Youth Challenge 2026. Platform penjagaan demensia berkuasakan kecerdasan buatan itu dibangunkan oleh calon PhD

daripada PAPRSB IHS dan Sekolah Sains Digital, iaitu Ummi Salwa Suhaime dan Hein Minn Tun @ Salman.

Mewakili NBD di bawah pasukan ΣHAI, projek tersebut menggabungkan analisis pertuturan dan bahasa, pemerhatian tingkah laku berasaskan video, kecerdasan buatan perbualan serta analitik ramalan bagi menyokong pengesanan awal kemerosotan kognitif, selain meningkatkan

akses kepada sokongan penjagaan yang diperibadikan.

Pencapaian tersebut menyerlahkan sumbangan UBD yang semakin berkembang dalam bidang kecerdasan buatan, kesihatan awam digital dan penyelesaian berteraskan inovasi bagi menangani cabaran sebenar masyarakat.

Sahabat - Care juga mencerminkan komitmen berterusan UBD dalam membangunkan teknologi

berpusatkan manusia dan berteraskan etika bagi menyokong akses kepada penjagaan kesihatan, kesejahteraan masyarakat dan kerjasama serantau.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai dan kemudiannya beramah mesra bersama para graduan dan ibu bapa serta penjaga mereka.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama para graduan (atas kiri dan atas).

SEKITAR Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 (kiri dan paling kiri).

PENCAPAIAN UBD CERMINKAN KEYAKINAN KOMUNITI AKADEMIK ANTARABANGSA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Ogos. - Usaha berterusan seluruh warga Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam memperkukuh kualiti pendidikan, penyelidikan dan kerjasama strategik kini semakin membuahkan hasil.

UBD terus mencatat peningkatan dalam penilaian universiti bertaraf dunia, termasuk Times Higher Education (THE) dan QS World University Rankings. Dalam THE Asia University Rankings pula, UBD melonjak 31 anak tangga ke kedudukan 113 terbaik di Asia.

Pencapaian ini didorong oleh peningkatan dalam beberapa petunjuk utama, termasuk aspek pengajaran, persekitaran penyelidikan dan industri. Ini mencerminkan peningkatan mutu akademik, kecemerlangan penyelidikan dan kerjasama industri serta masyarakat antarabangsa terhadap UBD.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle mengongsikan mengenai perkara itu dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD di sini, pagi tadi.

Kecemerlangan ini sembah beliau lagi, turut diterjemahkan dalam QS World University Rankings by Subject 2026, di mana sebanyak 10 bidang pengajian UBD kini tersenarai dalam penarafan dunia, dengan enam bidang mencatat peningkatan dan lima bidang mencapai kedudukan terbaik dalam rekod UBD.

Di samping itu, UBD School of Business and Economics (UBDSBE) juga telah diiktiraf di kedudukan ke-17 dunia dalam senarai Top 30 Business Schools of the Islamic Economy 2026, sekali gus membuktikan bahawa kecemerlangan tidak ditentukan oleh saiz sesebuah negara, tetapi oleh iltizam, kualiti dan usaha yang berterusan.

Dari segi penyelidikan, Naib Canselor UBD menyebarkan bahawa tahun 2025 menyaksikan UBD menghasilkan hampir 1,000 penerbitan iaitu jumlah tertinggi yang pernah dicapai UBD, dengan jumlah petikan melebihi 45,000 citations.

Naib Canselor UBD seterusnya menyebarkan UBD mengukir sejarah apabila menjadi institusi pertama di Brunei Darussalam melaksanakan misi penyelidikan yang menghantar benih tumbuhan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (International Space Station, ISS) menerusi misi SpaceX hasil kerjasama

strategik dengan Space Faculty dari Republik Singapura.

Pencapaian ini menunjukkan keupayaan penyelidikan UBD dalam bidang sains angkasa, dan membuka lembaran baharu kepada pembangunan kapasiti modal insan tempatan dalam bidang sains tumbuhan, sains angkasa, bioteknologi serta penyelidikan berkaitan ketahanan tanaman dan food security demi pembangunan mampan negara selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035, sembah Naib Canselor UBD lagi.

UBD juga sembahnya, turut memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara melalui penubuhan Brunei Aquaculture Innovation Centre (BAIC) hasil kerjasama strategik dengan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) serta rakan-rakan industri dalam dan luar negara bagi memacu pembangunan sektor akuakultur negara.

Selain itu, UBD juga memperkukuh tadbir urus universiti melalui penyelarasan pusat-pusat penyelidikan bagi mengurangkan *pertindihan* fungsi, memperjelas akauntabiliti, memperkukuh hubungan antara akademik dan penyelidikan serta meningkatkan kecekapan penyampaian.

"Dalam pada itu, UBD terus memperkukuh kedudukannya di persada antarabangsa apabila diterima sebagai ahli Association of Pacific Rim Universities (APRU), menjadi ahli pengasas University Strategic Alliance bersama The Education University of Hong Kong (EduHK), serta menyertai ASEAN Teacher Education Network (AsTEN), Asian Universities Alliance (AUA) dan University Social Responsibility Network (USRN).

"Pencapaian ini mencerminkan keyakinan komuniti akademik antarabangsa terhadap keupayaan UBD, sekali gus memperkukuh jaringan global dan membuka peluang baharu untuk kolaborasi," sembahnya.

Naib Canselor UBD juga sukacita menyebarkan bahawa seiring dengan kecemerlangan dalam pendidikan dan penyelidikan, UBD turut memperkukuh ekosistem inovasi dan pengkomersialan bagi memastikan setiap hasil penyelidikan bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan ilmu, malah diterjemahkan kepada teknologi, produk, perkhidmatan dan perusahaan yang memberi impak kepada masyarakat, industri serta pembangunan ekonomi negara.

Usaha ini juga bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan paduka anakanda baginda semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-38.

Hari Keputeraan baginda Ke-80, yang menzahirkan harapan agar generasi muda bukan sekadar menjadi penonton kepada perubahan dan penggunaan teknologi ciptaan orang lain, tetapi bangkit sebagai pencipta, pemikir dan pemimpin ber wawasan.

Naib Canselor UBD menyebarkan berlandaskan aspirasi tersebut, UBD akan terus memupuk budaya inovasi dan keusahawanan sejak awal pengajian di mana semua pelajar GenBESTARI akan mengikuti modul Venture Mindset pada tahun pertama.

Modul ini memberi penekanan kepada pembentukan pemikiran keusahawanan, kreativiti, kemahiran menyelesaikan masalah serta keupayaan mengenal pasti peluang sebagai asas melahirkan graduan yang inovatif dan berdaya saing.

Melalui UBD Entrepreneurship Blueprint dan UBD Commercialisation Pathway, UBD berusaha menyediakan ekosistem yang menyeluruh merangkumi pembangunan teknologi, perlindungan harta intelek, Pembangunan prototaip, pembiayaan awal, bimbingan keusahawanan, penglibatan industri serta akses ke pasaran.

Ekosistem ini diperkukuh melalui Venture Pathway, Venture-X, Startup Induction Grant (SIG), Innovation Grant, serta rangkaian mentor (UMEN) dan kerjasama strategik dengan rakan industri, agensi kerajaan dan institusi inovasi terkemuka seperti A*STAR (Singapura), MIMOS Berhad (Malaysia) dan Hong Kong Science and Technology Parks Corporation (HKSTP), bagi mempercepat penterjemahan hasil penyelidikan dan paten UBD kepada inovasi yang mampu menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

Kesemua inisiatif ini sembah beliau lagi, mencerminkan komitmen UBD, dalam membangunkan ekosistem yang

lebih bersepadu, menghubungkan pembangunan kerjaya dan kebolehpasaran graduan, keusahawanan, bimbingan mentor, pembiayaan syarikat pemula, pengkomersialan hasil penyelidikan dan kerjasama industri.

Menurutnya, ekosistem ini mula membuahkan hasil apabila inovasi dan bakat warga UBD terus mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, UBD menjuarai AI Ready ASEAN Youth Challenge 2026 di Singapura melalui pembangunan penyelesaian AI untuk penjagaan pesakit demensia, selain menerima Merit Award di International Space Challenge 2025.

Dr. Hazri seterusnya menyebarkan bahawa bagi melengkapi usaha memperkukuh kecemerlangan universiti, UBD turut melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi institusi bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperkasa pendigitalan serta mempertingkatkan kesejahteraan seluruh warga universiti.

Pada tahun ini, UBD telah melancarkan UBD Digital Transformation Blueprint 2030 sebagai kerangka strategik yang akan membimbing transformasi digital universiti.

"Blueprint ini disokong oleh pembangunan NADI (Nexus for Architecture, Data and Intelligence) sebagai platform digital bersepadu universiti, pengenalan UBD AiQ, penubuhan AISense serta pencapaian akreditasi ASEAN University Network Digital Transformation Capability Level 1 (CL1).

"Kesemua inisiatif ini meletakkan asas yang kukuh bagi membolehkan UBD memanfaatkan data, kecerdasan buatan dan teknologi digital untuk mempertingkatkan pengalaman pembelajaran, penyelidikan serta penyampaian perkhidmatan

universiti," sembahnya.

Bermula Sesi Akademik 2026 / 2027, UBD juga akan memperkenalkan UniStart sebagai pengalaman permulaan universiti yang lebih menyeluruh bagi membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan budaya universiti, memahami nilai-nilai UBD serta membina asas yang kukuh untuk kejayaan akademik dan pembangunan sahsiah.

Bagi memastikan persekitaran kampus yang selamat, inklusif dan saling menghormati, UBD tegasnya memperkenalkan Dasar Zero Tolerance terhadap buli, gangguan seksual, keganasan, penyalahgunaan dadah, alkohol, merokok dan vaping sebagai komitmen untuk melindungi kesejahteraan seluruh warga universiti.

Di samping itu, pelbagai projek penaiktirafan infrastruktur dan kemudahan kampus juga sedang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran kampus yang lebih kondusif, selamat dan selesa demi kesejahteraan seluruh warga universiti.

Selaras dengan komitmen terhadap pembangunan mampan sembahnya lagi, UBD turut melaksanakan Campus Greening Roadmap melalui penanaman pokok tempatan dan endemik serta pemuliharaan kawasan berhutan di kampus, bagi memperkukuh biodiversiti dan merealisasikan aspirasi UBD sebagai sebuah University in the Heart of a Living Forest.

"Segala perkembangan dan pencapaian ini bukanlah untuk mengejar penarafan dunia semata-mata, tetapi untuk membina sebuah universiti yang memberi manfaat kepada negara dan masyarakat sejagat.

"Berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) serta aspirasi Wawasan Brunei 2035, UBD akan terus melahirkan graduan yang berilmu, berakhlak mulia, berdaya saing dan mampu memimpin masa depan negara," sembah beliau.



NAIB Canselor UBD ketika menyampaikan sembah alu-aluan.

388 GRADUAN DIRAIKAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN UBD KE-38



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 Tahun 2026 (kanan dan atas).



Sarjana dalam Kaunseling, Ijazah Sarjana Pendidikan, Ijazah Sarjana Pengajaran, Ijazah Sarjana Sastera (Seni), Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Inggeris dan Linguistik), Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Inggeris), Ijazah Sarjana Sastera (Geografi), Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Melayu dan Linguistik), Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Melayu), Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi Profesional dan Media), Ijazah Sarjana Sastera (Sosiologi), Ijazah Sarjana Pengurusan, Ijazah Sarjana dalam Ekonomi Terapan, Ijazah Sarjana Kewangan Islam dan Ijazah Sarjana Pengurusan.

Para penerima juga terdiri daripada graduan dalam bidang Ijazah Sarjana Sains (Biodiversiti), Ijazah Sarjana Sains (Biologi), Ijazah Sarjana Sains (Bioteknologi), Ijazah Sarjana Sains (Kimia), Ijazah Sarjana Sains (Geosains), Ijazah Sarjana Sains (Matematik), Ijazah Sarjana Sains Kesihatan (Sains Bioperubatan), Ijazah Sarjana Sains Kesihatan (Sains Klinikal), Ijazah Sarjana Sains Kesihatan (Perbidanan), Ijazah Sarjana Sains Kesihatan (Kejururawatan), Ijazah Sarjana Kesihatan Awam Digital, Ijazah Sarjana Perubatan dan Ijazah Sarjana Kesihatan Awam.

>> Muka 8

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Ogos. - Seramai 388 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) menerima ijazah dan sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 Tahun 2026, yang berlangsung petang tadi.

Berkenan berangkat ke majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Canselor UBD dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sejurus Duli Yang Teramat Mulia berada di atas pentas, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan

Ijazah Sarjana kepada 304 graduan, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan kepada 31 graduan, Ijazah Sarjana Muda Sains Digital kepada 38 graduan, Ijazah Micro-Master dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada lima graduan, dan Diploma dalam Pendidikan Inklusif kepada 10 graduan.

Para penerima ijazah pada tahun ini terdiri daripada para graduan dalam pelbagai bidang jurusan, iaitu Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Brunei), Ijazah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Micro-Master dan Diploma kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara para graduan yang diraikan pada majlis tersebut.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 7

Seterusnya, Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Sistem), Ijazah Sarjana Sastera (Tamadun Islam dan Isu-isu Kontemporari), Ijazah Sarjana Dasar Awam dan Pengurusan, Ijazah Sarjana Pengajian Pertahanan dan Keselamatan, Ijazah Sarjana dalam Pengajian Asia, Ijazah Sarjana Sains Digital (Kecerdasan Buatan), Ijazah Sarjana Sains Digital (Sains Komputer), Ijazah Sarjana Kerajaan, Ijazah Sarjana Pengajian Pertahanan dan Keselamatan, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Sains Digital, Ijazah Sarjana-Mikro Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, serta Diploma dalam Pendidikan Inklusif.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Majlis konvokesyen pada tahun ini menyaksikan kumpulan pertama graduan bagi program Sarjana Muda Sains Digital dalam

Kecerdasan Buatan (AI) dan Robotik.

Program Ijazah Sarjana Muda selama tiga tahun berkenaan membekalkan para pelajar dengan pemahaman mengenai sifat multidisiplin AI dan robotik, termasuk bidang elektronik, mekanikal dan pengkomputeran serta pengkomputeran fizikal bagi sistem pintar dan Internet of Things (IoT).

Program AI dan Robotik di Sekolah Sains Digital (SDS)

merupakan program antara disiplin yang berorientasikan masa depan bagi melahirkan generasi teknologis yang berupaya membangunkan sistem pintar dalam dunia yang semakin berteraskan digital.

Program berkenaan menggabungkan asas kukuh dalam sains komputer, AI, pembelajaran mesin, robotik, sistem terbenam dan teknologi berasaskan data, di samping menawarkan kurikulum yang

mengimbangi ketelitian teori dengan pengalaman praktikal yang meluas.

Para pelajar didedahkan kepada pengaturcaraan, reka bentuk sistem pintar dan pembelajaran berasaskan projek melalui makmal berteknologi terkini, termasuk menangani cabaran dunia sebenar seperti navigasi autonomi, interaksi manusia-robot dan analisis data pintar.

UBD juga meraikan kumpulan pertama graduan Micro-Master dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, yang

ditawarkan secara bersama oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS).

Program berkenaan bertujuan melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam kesihatan pekerjaan serta kesihatan dan keselamatan alam sekitar, di samping kompetensi yang berkaitan bagi melaksanakan program untuk menggalakkan persekitaran tempat kerja yang sihat.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar ramai bersama graduan yang diraikan pada sesi petang majlis tersebut (atas, atas kanan dan kiri).



PARA graduan yang diraikan mengabadikan gambar kenangan bersama keluarga (kanan).



MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENCAPAIAN RASMI MMN MEMPERKUKUH DIPLOMASI PARLIMEN NEGARA

>> Muka 1

"Saya juga ingin menzahirkan rasa sukacita atas pencapaian penyertaan rasmi MMN sebagai ahli kepada Inter-Parliamentary Union (IPU) berikutan resolusi majlis ini dan sejak itu, majlis telah mengambil bahagian dalam dua Perhimpunan Agung IPU - satu langkah yang memperkukuhkan diplomasi parlimen negara dan membuka ruang pembelajaran daripada amalan terbaik antarabangsa.

"PERANCANGAN juga sedang dilaksanakan bagi penyertaan majlis sebagai pemerhati kepada Commonwealth Parliamentary Association (CPA). Sesungguhnya kehadiran dalam peringkat antarabangsa ini merupakan satu peringatan akan kepentingan majlis untuk sentiasa peka dan responsif kepada perkembangan antarabangsa, yang akan membantu dalam memastikan perkara-perkara yang dibincangkan di dalam dewan, kekal relevan dan berdaya tahan,"

"Perancangan juga sedang dilaksanakan bagi penyertaan majlis sebagai pemerhati kepada Commonwealth Parliamentary Association (CPA). Sesungguhnya kehadiran dalam peringkat antarabangsa ini merupakan satu peringatan akan kepentingan majlis untuk sentiasa peka dan responsif kepada perkembangan antarabangsa, yang akan membantu dalam memastikan perkara-perkara yang dibincangkan di dalam dewan, kekal relevan dan berdaya

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin**

tahan," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Secara amnya, Yang Berhormat amat menghargai perbincangan sepanjang tahun ini dan berharap agar segala pandangan yang telah dikemukakan dalam dewan ini akan terus menjadi dorongan bagi memperkukuh penyelarasan dan kerjasama, agar usaha kita bergerak seiring dalam satu arah yang sama.


Terdahulu dalam ucapan penangguhan, Yang Berhormat ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah

baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN pada tahun ini.

Di mana, titah baginda itu amat bijaksana dan penuh dengan pandangan yang jauh serta panduan yang jelas, yang telah memberikan panduan arah dan dorongan kepada kita semua dalam melaksanakan amanah serta tanggungjawab sepanjang musim permesyuaratan ini.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas penyertaan, komitmen, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang musim permesyuaratan tahun ini.

"Ucapan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan khusus kepada Jurutulis MMN, Pemangku



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Timbalan dan Penolong Jurutulis, Bentara-bentara Dewan, serta semua pegawai dan kakitangan yang telah terlibat, termasuk mereka yang ditugaskan daripada kementerian, jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan, atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang dicurahkan dalam menyediakan pelbagai keperluan yang membolehkan kita menyelesaikan segala urusan mesyuarat dengan lancar dan teratur," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Memperkukuh mekanisma pembangunan dasar, ambilkira *inputs*, pandangan rakyat

>> Muka 1

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad semasa menyampaikan perbahasan usul penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Dalam konteks ini, tambah Yang Berhormat lagi, Perkhidmatan Awam berperanan memperkukuh tadbir urus dan penyelarasan bagi memastikan dasar dan perkhidmatan dilaksanakan dengan berkesan, tanpa menjejaskan tanggungjawab kementerian dan agensi dalam bidang masing-masing.

"Penyelarasan dalam konteks ini bukanlah matlamat akhir, tetapi wasilah untuk menghasilkan tindakan yang lebih tersusun, pelaksanaan yang lebih terarah dan penyelesaian yang lebih berkesan, khususnya bagi isu yang merentas tanggungjawab beberapa kementerian dan agensi.

"Tanpa penyelarasan yang

berkesan, usaha boleh bertindih atau, lebih membimbangkan, meninggalkan ruang kelemahan atau *vulnerability* yang tidak disedari yang tidak ditangani oleh mana-mana pihak. Oleh itu, tindakan setiap agensi perlu saling melengkapi dan bergerak ke arah hasil yang sama," ujar Yang Berhormat.

Bagi masyarakat pula, jelas Yang Berhormat, keberkesanan kerajaan sering kali dirasai melalui pengalaman harian mereka, ketika berurusan untuk sesuatu perkhidmatan, membuat permohonan, mencari maklumat, menggunakan kemudahan awam atau mencari jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah.

Di sinilah pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan sebenarnya diuji dan dirasai oleh rakyat. Sehubungan itu, pihak kerajaan akan terus memperkukuh mekanisme pembangunan dasar dengan mengambil kira *inputs* dan pandangan rakyat, agar setiap dasar yang digubal akan benar-benar menepati keperluan rakyat dan memberikan impak yang bermakna kepada kehidupan mereka.

"Justeru, setiap penambahbaikan yang dilaksanakan mestilah membawa kepada pengalaman pengguna

yang baik - merangkumi urusan yang lebih ringkas, proses yang lebih cekap, maklumat yang jelas, tindak balas yang responsif serta penyelesaian yang berkesan bagi setiap masalah yang dihadapi," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat ingin menekankan pendirian serius pihak kerajaan untuk melaksanakan Wawasan Brunei 2035 dengan sebaiknya dan berkesan agar hasilnya nanti akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dan pendidik di NBD.

Ini bukan sekadar retorik. Tidak ada sebab bagi mana-mana pihak meragui atau menanamkan walau setitik pun keraguan terhadap usaha dan niat ikhlas atau *level of seriousness* pihak kerajaan dalam mencapai objektif ini.

"Demikianlah, antara yang dapat kita rumuskan daripada perbahasan ini adalah penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 tidak boleh terhenti pada peringkat dasar dan perancangan, tetapi perlu diterjemahkan kepada pelaksanaan, penyampaian dan akhirnya mencapai hasil yang dihasratkan," tekan Yang Berhormat.

Wawasan Brunei 2035 akan membawa makna yang paling besar apabila rakyat dan

penduduk dapat melihat dan merasakan kemajuan tersebut, melalui peluang yang terbuka, perkhidmatan yang diterima, kesejahteraan yang dinikmati serta keyakinan bersama terhadap masa depan negara.

"InsyaaAllah, di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran dan kestabilan negara, serta komitmen seluruh jentera kerajaan dan kerjasama semua lapisan masyarakat, usaha pembangunan negara akan terus membawa kemajuan yang bermakna dan kesejahteraan yang berpanjangan kepada rakyat dan penduduk NBD.

"Sebelum mengakhiri, marilah *kitani* semua sama-sama mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta seluruh kerabat diraja akan dikurniakan umur yang panjang, nikmat kesihatan, kesejahteraan dan kebahagiaan dan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal Alamin.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

"Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan yang mantap, kewibawaan, kebijaksanaan serta kesabaran dalam meneraju dan membimbing semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini di sepanjang permesyuaratan ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat turut memberikan ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Jurutulis dan Pemangku Timbalan Jurutulis serta seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah mengatur serta memastikan perjalanan MMN ini berlangsung dengan teratur dan jayanya.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KEPENTINGAN MENYELARAS, MELAKSANAKAN DASAR, PERANCANGAN BERKESAN

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad menjelaskan bahawa sepanjang perbincangan, pelbagai perkara berkaitan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat telah diketengahkan, termasuk peluang pekerjaan, pembangunan ekonomi dan perusahaan, keterjaminan bekalan makanan, kemudahan dan perkhidmatan asas, transformasi digital serta keberkesanan penyampaian

perkhidmatan kerajaan.

Walaupun setiap perkara mempunyai cabaran dan bidang tanggungjawab yang berbeza, pada hemat Yang Berhormat, yang penting ialah keupayaan untuk menyelaras dan melaksanakan dasar serta perancangan dengan berkesan agar hasilnya benar-benar dapat dirasakan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

"Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mencatatkan pelbagai kemajuan. Rakyat dan penduduk terus menikmati keamanan dan

kestabilan, akses yang baik kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan, kemudahan asas dan infrastruktur serta perkhidmatan kerajaan yang sentiasa ditambah baik.

"Kemajuan ini dibina secara berterusan di bawah naungan dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Namun begitu, persekitaran global dan domestik terus mengalami transformasi, teknologi berkembang pesat dan jangkaan atau ekspektasi masyarakat semakin meningkat. Realiti ini sebenarnya menuntut satu pendekatan yang lebih holistik dan

responsif dalam penyelarasan, pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan," jelas Yang Berhormat lagi semasa menyampaikan perbincangan usul penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Terdahulu dalam perbincangan usul penangguhan, Yang Berhormat mengucapkan terima kasih ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala saranan-saranan yang konstruktif yang sudah setentunya memberi nilai tambah kepada perbincangan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

dan penambahbaikan kepada dasar dan inisiatif kerajaan dan juga terhadap sikap kesabaran dan kefahaman yang bijaksana yang telah dipamerkan dalam perbincangan.

Pentadbiran negara suatu amanah merealisasikan maslahat, mencegah mafsadah

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Dalam kerangka tadbir urus berlandaskan syarak, pentadbiran negara bukan sekadar mengurus peraturan, institusi dan sumber. Ia merupakan suatu amanah untuk merealisasikan maslahat dan mencegah mafsadah. Maslahat ialah kebaikan yang diiktiraf syarak dan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Oleh itu, dalam mempertimbangkan sesuatu dasar, penilaiannya bukan sekadar sama ada ia boleh dilaksanakan, tetapi juga kebaikan yang dihasilkan, kemudahan yang dicegah, hak rakyat yang dipelihara dan keselarasan pelaksanaannya dengan syarak. Inilah erti pentadbiran sebagai amanah membawa kebaikan, menegakkan keadilan dan mencegah kerosakan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan berucap semasa menyampaikan perbincangan usul pada hari keenam Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, prinsip ini diperkukuh oleh kaedah fiqh yang dihidupkan oleh Imam al-Suyuti dalam al-Ashbah wa al-Naza'ir bermaksud 'Setiap keputusan dan tindakan pemerintah dalam mengurus hal ehwal rakyat hendaklah berasaskan kemaslahatan (iaitu yang diiktiraf, yang berpaksi kepada kebaikan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta)'.

Bertolak daripada prinsip ini jelas Yang Berhormat, dasar dan tindakan kerajaan digerakkan untuk merealisasikan kemaslahatan rakyat dan mencegah kemudaratan. Syura

menjadi kaedah tadbir urus yang menghimpunkan ilmu, pengalaman dan pandangan agar setiap keputusan dapat diperhalusi, serta dilaksanakan dengan adil dan berkesan.

"Allah Subhanahu Wata'ala memuji orang-orang beriman dengan firman-Nya dalam Surah al-Syura, ayat 38 dengan tafsir "Dan urusan mereka diputuskan dengan bermesyuarat sesama mereka". Ayat ini meletakkan musyawarah sebagai adab dalam mengurus urusan bersama. Setiap ahli hendaklah mendengar dengan terbuka dan menyampaikan pandangan dengan ilmu, amanah dan hikmah demi mencapai keputusan yang terbaik," kongsi Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat lagi, dalam acuan Negara Brunei Darussalam, MMN menghidupkan semangat tersebut menurut Perlembagaan, Peraturan-peraturan Mesyuarat dan falsafah Melayu Islam Beraja. Di bawah naungan pemerintahan beraja, Ahli-ahli bermuzakarah, mendapatkan penjelasan, membahaskan dasar serta mengemukakan pandangan dan cadangan demi agama, raja, rakyat dan negara.

Inilah nilai penting MMN iaitu pada mutu penelitian, kesediaan semua pihak untuk mendengar dan tindakan susulan yang lahir dari perbincangan, jelas Yang Berhormat lagi.

Sepanjang persidangan ini tambah Yang Berhormat, pertanyaan, kenyataan menteri dan perbincangan telah menyentuh kesejahteraan rakyat, pembangunan negara, kehidupan beragama dan tadbir urus.

Ujar Yang Berhormat, secara khusus bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), perhatian dewan antara lain tertumpu kepada penyampaian perkhidmatan agama, pengukuhan institusi dan penyesuaian dengan keperluan semasa. Pandangan yang

dikemukakan menjadi bahan muhasabah dan penelitian agar Kementerian terus relevan dan berkesan serta berpaksikan hukum syarak, Maqasid Syariah dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Pada kesempatan ini, Yang Berhormat turut menyentuh Usul Bilangan 4/2026, iaitu 'Usul Menyokong Penyelarasan Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035'. Usul ini telah dibahaskan dan diluluskan dengan persetujuan semua Ahli Yang Berhormat pada 6 Ogos 2026.

"Selaras dengan keputusan sebulat suara majlis, kaola menyambut baik tujuan usul berkenaan. Pelantikan tiga Menteri Penyelaras merupakan langkah strategik untuk memperkukuh penyelarasan rentas kementerian serta memastikan dasar kerajaan dilaksanakan secara lebih tersusun dan berkesan.

"Usul tersebut menekankan kejelasan tanggungjawab, kecekapan membuat keputusan, tumpuan kepada hasil dan penglibatan masyarakat yang hendaklah diterjemahkan kepada manfaat nyata bagi rakyat dan sudah setentunya prinsip Maqasid Syariah akan menjadi neraca dalam penyelarasan dasar dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat," kata Yang Berhormat.

Berpandukan neraca tersebut serta Pelan Strategik KHEU 2025-2029, Yang Berhormat beriltizam memastikan lima teras strategik kementerian diterjemahkan kepada tindakan yang berfokus iaitu memperkasa pendidikan agama dan Arab yang berkualiti; mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berinovatif; memperkukuh dakwah dan kesejahteraan sosial yang inklusif; memperteguh keutuhan modal insan yang mampan serta meneroka peluang pembangunan ekonomi yang dinamik, termasuk melalui keusahawanan, pemerkasaan sosioekonomi umat, pengurusan zakat dan wakaf serta

penyelidikan berimpak.

Pelan Strategik Kementerian ini, jelas Yang Berhormat telah disejajarkan dengan Wawasan Brunei 2035 serta *blueprint* dan agenda pembangunan kebangsaan yang berkaitan, dengan kemajuannya diselaraskan dan dipantau secara berkala agar manfaatnya benar-benar dapat dirasakan oleh rakyat.

KHEU memainkan peranan penting dalam mendukung agenda pembangunan negara melalui pendekatan bersepadu selaras dengan tumpuan Yang Berhormat Menteri - menteri Penyelaras khusus dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat, keharmonian negara dan pembangunan insan yang semuanya berteraskan nilai-nilai Islam, terang Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai Usul Bilangan 5/2026 mengenai Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN, Yang Berhormat berkata usul ini telah diluluskan dengan pindaan, supaya draf kod dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa untuk diteliti, diperhalusi dan dikemukakan semula kepada majlis dalam tempoh enam bulan.

Pada hemat Yang Berhormat, penggubalan kod ini bukan semata-mata soal peraturan, tetapi merupakan usaha memperkukuh budaya amanah, tanggungjawab dan profesionalisme dalam majlis. Kod yang dirangka dengan jelas, menyeluruh dan praktikal serta dilaksanakan dengan adil akan menjadi panduan bersama dalam memelihara kewibawaan majlis dan mengukuhkan keyakinan rakyat.

"Dalam kerangka yang lebih luas, kedua-dua usul yang telah dibahaskan adalah saling melengkapi. Usul menyokong Penyelarasan Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 memperkukuh hala tuju dan keupayaan pelaksanaan. Manakala Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

memperkukuh nilai amanah, integriti dan kewibawaan institusi. Apabila hala tuju, pelaksanaan dan amanah bergerak seiring, InsyaaAllah setiap usaha akan lebih berkesan serta mendatangkan maslahat kepada negara dan rakyat," tekan Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berucap menjadi Ahli MMN bukan sekadar suatu kedudukan, bahkan suatu amanah. Di dalam dewan yang mulia ini, amanah ini menuntut untuk menyampaikan pandangan dengan penuh tanggungjawab. Setiap pertanyaan, cadangan dan jawapan menuntut persediaan serta penelitian kerana semuanya menjadi sebahagian daripada rekod rasmi yang boleh dinilai oleh rakyat dan generasi akan datang.

"Persidangan ini memperlihatkan manfaat MMN sebagai wadah menghimpunkan pengetahuan, pengalaman pentadbiran dan pandangan masyarakat, supaya dasar dan ruang penambahbaikan dapat diteliti bersama.

"Hal ini tergambar melalui perjalanan persidangan yang tersusun. Pertanyaan menyediakan ruang mendapatkan penjelasan, perbincangan memperhalusi isu dan dasar, manakala usul membawa perkara tertentu kepada pertimbangan serta keputusan majlis," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PROJEK PERUMAHAN NEGARA MENGUNAKAN PAKAI KAEDAH IBS

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. – Projek-projek Perumahan Negara kini telah mengguna pakai kaedah Industrialised Building System (IBS) sebagai salah satu keperluan dalam Employer's Requirements.

Kaedah ini menggunakan teknologi pembinaan moden, termasuk sistem hibrid yang menggabungkan *aluminium formwork system* dan *precast components* bagi elemen tertentu bangunan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, menjelaskan perkara itu semasa menjawab pertanyaan

yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, juga Ketua Kampung Belimbing berkenaan dengan rumah cekap tenaga dan mesra alam khususnya bagi di Rancangan Perumahan Negara (RPN) pada hari keenam Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat lagi, selain meningkatkan kualiti dan mempercepatkan tempoh pembinaan, penggunaan IBS juga membantu mengurangkan

pembaziran bahan binaan, penggunaan sumber di tapak serta pelepasan karbon semasa proses pembinaan.

Justeru itu tegas Yang Berhormat, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) akan terus menjalankan kajian terhadap penggunaan teknologi pembinaan moden seperti modular atau *prefabricated houses*, termasuk sistem panel Polyurethane (PU) daripada pembekal tempatan dan sistem Prefabricated Monolithic Hybrid Beam-Column Frame Structure (PHF Building System) daripada pembekal luar negara.

Yang Berhormat menyatakan, teknologi-teknologi ini berpotensi mengurangkan pelepasan karbon, meningkatkan kecekapan pembinaan serta menghasilkan

rumah yang lebih mampan dalam jangka panjang. Malahan, bagi mengurangkan penggunaan tenaga dan kos utiliti, rumah-rumah di bawah projek Perumahan Negara yang baharu juga dilengkapi dengan lampu LED yang lebih cekap tenaga.

Di samping itu kata Yang Berhormat, pihak JKP turut mengkaji pelaksanaan ciri-ciri tambahan yang menyokong kecekapan sumber, seperti penggunaan kelengkapan paip yang menjimatkan penggunaan air (*water-saving fittings*), sistem *rainwater harvesting* bagi setiap rumah, serta penggunaan lampu luar dan lampu jalan berkuasa solar di kawasan perumahan, tertakluk kepada kesesuaian teknikal dan peruntukan kewangan.

Menurut Yang Berhormat lagi, pihak JKP juga sedang diusahakan untuk memenuhi penarafan bangunan hijau, termasuk memperoleh penarafan Gold di bawah sistem penilaian bangunan hijau yang berkaitan.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Sebagai langkah ke hadapan ujar Yang Berhormat, Kementerian akan terus menilai kesesuaian pelaksanaan dasar, piawaian dan teknologi baharu yang dapat menggalakkan pembinaan rumah yang lebih cekap tenaga, mesra alam dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi pembangunan mampan Negara Brunei Darussalam serta kemampuan peruntukan kewangan kerajaan dan kemampuan pemilik rumah.

Usaha pembasmian kemiskinan akan terus diperkukuhkan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. – Mengenai tahap keberkesanan peranan Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan, Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan dan program yang diunggayahkan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menilai keberkesanan usaha pembasmian kemiskinan berdasarkan keberhasilan dan impak bukan semata-mata berdasarkan jumlah bantuan atau program yang dilaksanakan.

Ke arah ini, fokus strategik Kementerian adalah untuk memperkukuh penyelarasan, memastikan pepadanan intervensi lebih bersasar dan bersepadu serta mempertingkatkan pemantauan berasaskan hasil bagi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan dan meningkatkan kemandirian sosioekonomi penerima secara berterusan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Zainal berkaitan dengan pembasmian kemiskinan khususnya berhubung dengan penilaian keberkesanan mekanisme dan juga pembasmian kemiskinan secara menyeluruh pada hari

keenam Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Sehubungan itu jelas Yang Berhormat, KKBS memperkukuhkan keberkesanan usaha mengurangkan kemiskinan dan kebergantungan kepada kerajaan melalui tiga pendekatan utama.

Kongsi Yang Berhormat, pendekatan utama tersebut ialah pertama memperkukuh pengintegrasian dasar dan pelan tindakan serta pelaksanaan intervensi agar ia selaras dan saling melengkapi melalui Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS. Jawatankuasa ini berperanan sebagai penyelar, pemantau dan penilai utama pembasmian kemiskinan secara inklusif dan komprehensif di peringkat kebangsaan.

Ini tambah Yang Berhormat, termasuk melalui penyelarasan dengan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia serta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mengurangi silo, memastikan peranan setiap agensi lebih jelas dan setiap inisiatif menghasilkan impak yang nyata dan boleh diukur sewajarnya.

Pendekatan Kementerian ini adalah selaras dengan apa yang telah dibentangkan dalam perbahasan Usul Menyokong Penyelaras Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 pada 3 Ogos yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu untuk menanganis isu kemiskinan yang bersifat multidimensi sebagai agenda nasional yang bertanggungjawab bersama jelas Yang Berhormat.

Kedua ujar Yang Berhormat, memastikan kesinambungan pelaksanaan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan 2020-2024 bagi memperkukuh ekosistem masyarakat progresif melalui kerjasama Kementerian dan agensi peneraju dalam bidang pekerjaan,

latihan keusahawanan, pembangunan keluarga kemahiran, pendidikan serta penyediaan ekosistem sokongan bagi membantu penerima meningkatkan keupayaan bantuan dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan sahaja.

Sehubungan dengan itu kongsi Yang Berhormat, beberapa pencapaian *cumulative* terkini dari tahun 2016 telah direkodkan dari aspek pelaksanaan dan penyertaan intervensi di bawah Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan seperti Pelan Pekerjaan yang telah membantu 1,037 penerima bantuan dan ahli keluarga memperoleh pekerjaan melalui pepadanan pekerjaan dan kerjasama dengan majikan; Program Keusahawanan bersama Darussalam Enterprise, DARE dan LiveWIRE yang telah disertai oleh 643 penerima bantuan; Program Latihan Kemahiran melalui Pusat Pembangunan Belia, LiveWIRE Brunei dan juga Darussalam Enterprise dan BIBD SEED yang telah memberi manfaat kepada 180 peserta; Program Inovasi Belia Berwawasan, PIBB yang memberi laluan pembangunan kepada anak-anak penerima bantuan dengan 86 penyertaan dan 49 daripadanya berjaya memperoleh pekerjaan.

"Juga melalui Program Tuisyen Percuma kepada anak-anak penerima bantuan yang telah menerima manfaat kepada 246 pelajar sebagai pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan; selain itu, Program Komuniti bersama Majlis Perundingan Kampung juga dilaksanakan bagi memberikan latihan, bimbingan dan sokongan pembangunan perusahaan di peringkat komuniti," tambah Yang Berhormat lagi.

Ketiga, memaksimumkan penggunaan Sistem Kebajikan Negara (SKN) sebagai mekanisme pemberian sokongan pengumpulan data dan maklumat serta menganalisis *data welfare mapping* yang teratur dan sistematik dalam merancang dan memberikan intervensi yang lebih bersasar, tepat dan inklusif terang Yang Berhormat.

Berdasarkan analisis data

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

daripada SKN jua jelas Yang Berhormat, perkembangan sosioekonomi semasa serta amalan terbaik serantau dan penilaian pelan tindakan terdahulu akan digunakan dalam memuktamadkan penyediaan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan 2026-2029.

Di sini tumpuan diberikan kepada intervensi yang lebih bersasar, pengukuhan *transition pathways* ke arah pekerjaan dan keusahawanan, pemerkasaan institusi keluarga serta mekanisme pemantauan yang lebih berasaskan hasil, *outcome-based monitoring* ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, menyentuh mengenai sejauh manakah Kementerian mempertimbangkan pendekatan *social contract* bagi penerima yang berkeupayaan, *able-bodied* untuk memperkukuh keberkesanan bantuan kebajikan, jelas bahawa dasar dan pelaksanaan bantuan kebajikan di bawah KKBS bukan sekadar bertujuan untuk memenuhi keperluan asas penerima tetapi juga menjadi pemangkin bagi memperkasa mereka agar mampu berdikari, meningkatkan taraf kehidupan dan akhirnya keluar daripada kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Prinsip ini tambah Yang Berhormat adalah selaras dengan pendekatan *social contract* yang menekankan tanggungjawab bersama antara kerajaan dan penerima bantuan dalam mencapai kesejahteraan yang lebih mampan.

"Setakat ini seramai 14,677 orang masih menerima bantuan kebajikan secara aktif. Daripada jumlah tersebut 14,079 orang atau 95.9 peratus merupakan penerima yang dikategorikan sebagai *able-bodied and able to work*. Bagi kumpulan ini, pendekatan Kementerian bukan hanya tertumpu kepada pemberian bantuan malah turut memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan, peningkatan kemahiran dan penyediaan laluan peralihan, *transition pathways* ke arah pekerjaan, keusahawanan dan kehidupan yang lebih berdikari.

"Walaupun pada masa ini pendekatan tersebut belum dilaksanakan sebagai satu syarat mandatori atau perjanjian formal kepada semua penerima bantuan, memandangkan setiap penerima mempunyai latar belakang, tanggungjawab, keluarga dan tahap keupayaan yang berbeza, JAPEM secara berterusan menggalakkan serta membimbing penerima yang berkeupayaan untuk menyertai pelbagai program pemerkasaan yang bersesuaian dengan keperluan mereka," kongsi Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat lagi, sebagai langkah ke hadapan dalam menangani isu kemiskinan yang bersifat multidimensi, Kementerian akan terus meneliti bagaimana pendekatan *social contract* ini boleh diperkukuhkan secara lebih sistematik dan seimbang termasuk memperkukuhkan laluan peralihan bagi penerima bantuan yang berkeupayaan melalui kerjasama yang lebih erat dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan organisasi masyarakat.

Pada masa yang sama jelas Yang Berhormat, Kementerian sedang dan terus memperkukuh mekanisme, pemantauan, pengurusan jurang pelaksanaan secara lebih strategik dan berasaskan hasil dan keperluan bagi menilai keberkesanan intervensi secara lebih menyeluruh khususnya dari segi peningkatan keupayaan, penyertaan ekonomi, pengurangan kebergantungan kepada bantuan serta menghasilkan laluan dan perubahan sosioekonomi yang lebih mampan kepada golongan sasaran.

"InsyaAllah, dengan pendekatan yang lebih bersepadu antaranya penggunaan kaedah Kerangka Keselamatan Sosial Berfaska Kehidupan atau Life Stage Social Security Framework bagi memastikan tiada keciciran dan intervensi awal dengan berasaskan data dan berorientasikan hasil. Kementerian yakin usaha pembasmian kemiskinan akan terus diperkukuhkan selaras dengan aspirasi Social Blueprint dan Wawasan Brunei 2035," kata Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERTINGKATKAN PENYELARASAN ISU DITANGANI SECARA PROAKTIF

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Kementerian Pembangunan mengambil maklum bahawa kelancaran sesuatu projek memerlukan penyelarasan awal dan berterusan antara agensi pelaksana, agensi teknikal dan penyedia utiliti, termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air, UNN dan agensi-agensi berkaitan.

Penyelarasan ini dilaksanakan dari peringkat perancangan dan reka bentuk, pembinaan sehingga pemeriksaan akhir dan pengeluaran sijil penyiapan. Bagi projek kerajaan, Project

Implementation Manual (PIM) turut digunakan sebagai rujukan standard dalam pengurusan dan pelaksanaan projek.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman atas soalan mengenai usaha penyelarasan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan negara.

Menurut Yang Berhormat, pemantauan dilaksanakan

melalui mesyuarat kemajuan projek dan pemeriksaan secara berperingkat bagi mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu lebih awal iaitu isu yang menjadi penyebab kelambatan.

"Antara faktor yang boleh menyebabkan kelewatan termasuk perubahan skop, kerja tambahan yang memerlukan kelulusan serta keperluan teknikal yang masih belum dipenuhi.

"Oleh itu, pendekatan Kementerian adalah untuk memperkukuhkan penyelarasan lebih awal supaya isu-isu tersebut diatasi lebih awal dan bukannya diselesaikan pada penghujung projek sehingga menjejaskan pengeluaran CPC atau CCC,"

kongsi Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Mengenai kelewatan pembayaran tambah Yang Berhormat lagi, tuntutan kontraktor dan perunding dipantau supaya diproses mengikut TPOR dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Antara punca kelewatan yang dikenal pasti ialah tuntutan yang tidak lengkap atau tidak betul dan memerlukan pembetulan serta tempoh yang diperlukan untuk mengesahkan kerja sebelum pembayaran dapat diperakukan.

Jelas Yang Berhormat, penyelarasan antara pegawai projek, perunding dan kontraktor perlu ditingkat terutama kompetensi pegawai dalam pemrosesan tuntutan dan penggunaan TAFIS 2.0, serta memastikan kontraktor mengemukakan tuntutan yang lengkap dan teratur.

"InsyaaAllah, usaha ini akan terus dipertingkatkan bagi memastikan kelulusan, pelaksanaan dan penyiapan projek serta proses pembayaran dapat dilaksanakan dengan teratur, tanpa menjejaskan pematuan kepada keperluan teknikal, kontrak dan tatacara kewangan kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Penyelarasan kerajaan penting pastikan Wawasan Brunei 2035 berimpak

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Tema Belanjawan tahun ini, 'Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035', bukan sekadar slogan, malah merupakan amanah, seruan dan peringatan agar setiap keputusan yang dibuat mampu membawa impak positif kepada rakyat.

Perkara tersebut ditekankan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam, ketika membentangkan usul penangguhan pada hari keenam Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, dalam situasi negara yang berdepan dengan defisit fiskal yang ketara, setiap perbelanjaan perlu menghasilkan impak, setiap projek hendaklah membawa hasil dan setiap dasar perlu diterjemahkan kepada tindakan yang berkesan.

Yang Berhormat turut menekankan bahawa perbelanjaan secara berhemah bukan sahaja merupakan satu disiplin, malah menjadi satu kemestian dalam memastikan sumber negara diuruskan secara optimum.

Sehubungan itu, peranan Menteri - Menteri Penyelaras adalah kritikal sebagai penghubung yang menyatukan tindakan kerajaan merentas sektor, di samping memastikan penyelarasan yang dilaksanakan mampu menutup jurang pelaksanaan serta

mempercepatkan proses membuat keputusan dan penyampaian hasil yang dapat dirasai oleh rakyat, jelas Yang Berhormat.

Dalam perbahasan terdahulu, Yang Berhormat bersama beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan lima Hasil Nasional (National Outcomes) yang perlu diberikan keutamaan dalam usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035, iaitu pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, pembasmian kemiskinan, keselamatan makanan dan keselamatan tenaga.

Usaha tersebut, terang Yang Berhormat, perlu disokong dengan lima proses pelaksanaan, meliputi kerangka yang jelas, mempercepatkan kelulusan projek, pepadanan tenaga manusia, memberi fokus kepada kualiti dan ketahanan serta mewujudkan *dashboard* nasional yang telus.

Lima proses berkenaan, menurut Yang Berhormat, merupakan satu bentuk 'sistem operasi negara' yang perlu digerakkan oleh Kabinet baharu dan diterajui oleh Menteri-Menteri Penyelaras.

"Walau bagaimanapun, semua strategi dan tindakan tersebut hendaklah berlandaskan kepada dua teras utama yang menjadi asas kejayaan dasar-dasar negara ke arah Wawasan Brunei 2035, iaitu keupayaan negara serta kepercayaan awam dan impak sosial," ujar Yang Berhormat.

Teras pertama kongsi Yang Berhormat, iaitu keupayaan negara, merujuk kepada

kemampuan jentera pentadbiran negara dalam melaksanakan, menyelar, memantau dan menambah baik dasar secara berkesan.

Dalam usaha mengoptimalkan keupayaan tersebut, Yang Berhormat menegaskan bahawa aspek integriti perlu diperkukuh, birokrasi dikurangkan, pemantauan berterusan dipertingkatkan, pelaksanaan *blueprint* dipastikan serta Perkhidmatan Awam perlu terus diperkasa supaya lebih cemerlang dan responsif.

Sementara itu, teras kedua, kepercayaan awam dan impak sosial, menurut Yang Berhormat, akan terbina apabila rakyat melihat dasar-dasar negara dilaksanakan secara telus serta memberikan perubahan positif yang nyata dalam kehidupan seharian.

Dalam hubungan ini, terang Yang Berhormat lagi, beberapa aspek perlu diberikan perhatian, termasuk memperkukuh institusi keluarga, menyediakan sokongan dan perlindungan kepada golongan rentan, meningkatkan keselamatan digital serta mempertingkatkan kualiti prasarana awam agar lebih inklusif.

Yang Berhormat turut menarik perhatian dewan terhadap beberapa agenda kritikal yang menjadi asas kepada ketahanan negara dalam jangka panjang dan memerlukan perhatian serta tindakan segera.

Antara agenda berkenaan ialah mempermudah laluan pemerkasaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), mempercepatkan usaha pembasmian kemiskinan secara bersasar, memperkukuh kesejahteraan sosial dan ketahanan keluarga,

meningkatkan pengeluaran makanan tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada import.

Selain itu, aspek menjamin bekalan tenaga negara serta memperkukuh pendigitalan, pendataan dan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara terarah turut ditekankan sebagai antara keutamaan yang perlu diberikan perhatian, tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa teguran, pandangan dan cadangan penambahbaikan merupakan sebahagian daripada proses kepimpinan yang sihat dan bukannya bertujuan melemahkan institusi, sebaliknya mengukuhkan lagi institusi berkenaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, keterbukaan terhadap pandangan Ahli membuktikan bahawa institusi berkenaan telus serta komited dalam menjunjung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar MMN sentiasa berada pada landasan tadbir urus yang berintegriti serta diyakini oleh rakyat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menghargai kepimpinan Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dalam memandu perbahasan ahli di dewan yang mulia tersebut.

Yang Berhormat turut menyatakan sokongan penuh terhadap Usul Pindaan bagi meneliti dan memperhalusi lagi draf Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN yang sedia ada, bagi memastikan kod berkenaan benar-benar berfungsi sebagai instrumen untuk memperkukuh integriti MMN, memelihara



AHLI MMN, Yang Berhormat Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.

keadilan kepada semua ahli serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi tersebut.

Sebagai penutup, Yang Berhormat menjelaskan bahawa semua langkah dan tindakan yang dilaksanakan bukanlah agenda yang terpisah, sebaliknya merupakan langkah bersepadu yang perlu diselaras bagi mencapai hasil yang nyata.

Menurut Yang Berhormat, keberkesanan penyelarasan akan dapat dinilai apabila rakyat merasakan urusan perniagaan menjadi lebih mudah, projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, peluang pekerjaan berkualiti semakin bertambah, manakala sokongan bersasar dapat disampaikan tepat pada masanya.

"Pada masa yang sama, golongan rentan perlu terus menerima intervensi awal yang responsif, sementara bekalan makanan dan tenaga negara kekal terjamin serta memenuhi keperluan rakyat. Keputusan bergerak kepada tindakan. Tindakan membawa hasil dan hasilnya dirasakan rakyat," tegas Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin berkata, negara masih berhadapan dengan perbelanjaan tahunan di tahap defisit. Mana-mana usaha untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan *revenue* negara wajar diberi sokongan padu.

Yang Berhormat mengambil maklum penjelasan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri bahawa negara sudah mempunyai pelbagai *blueprint*, *industry roadmaps* serta mekanisme penyelarasan bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

"Kaola percaya sektor perniagaan khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana turut menaruh harapan

MEMASTIKAN INISIATIF BELANJAWAN NEGARA, RKN DISELARASKAN

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

untuk dilibatkan sebagai rakan strategik, diberi sokongan yang bersesuaian agar mereka mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini," kata Yang Berhormat dalam Perbahasan Usul pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat turut menghargai pendekatan yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dalam menangani isu keterjaminan makanan dan bekalan tenaga serta menyambut baik penekanan menteri terhadap penilaian risiko, perancangan *scenario planning*, pemantauan berasaskan data melalui National Risk Monitoring Dashboard serta penggunaan *trigger points* bagi membolehkan tindakan awal diambil sebelum sesuatu risiko berkembang menjadi krisis.

Yang Berhormat juga

mengalu-alukan langkah-langkah yang diumumkan bagi memastikan bekalan makanan dan tenaga kekal mencukupi, mampu milik dan berdaya tahan melalui pengurusan stok strategik, kepelbagaian sumber bekalan, pemantauan harga serta langkah mitigasi kos sara hidup.

"Kaola percaya pendekatan ini setentunya dapat mempertingkatkan lagi tahap kesiapsiagaan negara secara lebih tersusun dan responsif. Rakyat berharap penuh pendekatan penyelarasan yang telah digariskan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat Menteri Penyelaras dapat diterjemahkan kepada sasaran, jadual pelaksanaan dan hasil yang jelas serta dikongsiakan perkembangannya secara berkala agar rakyat dapat melihat dan menilai kemajuan dan memberi respons sepatutnya.

"Kaola juga mengambil maklum dan menghargai penjelasan Yang Berhormat Menteri di JPM mengenai Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 melalui indeks Wawasan Brunei 2035 yang akan dilaporkan setiap

tahun.

"Langkah seterusnya yang juga penting ialah memastikan diterjemahkan kerangka kepada ini *target* pelaksanaan tahunan yang nyata, *map out* mengikut *priority* serta memastikan setiap inisiatif Kementerian termasuk belanjawan negara dan Rancangan Kemajuan Negara akan diselaraskan dan ini juga termasuk menyelaraskan sumber kewangan tenaga manusia, data, infrastruktur ICT serta keupayaan *project delivery* supaya setiap sasaran tahunan menjadi mempunyai sumber pemilik dan tempoh pelaksanaan yang jelas dan intervensi awal dapat mengelakkan keciciran," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menghargai kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua membenarkan pindaan Usul dan menyambut baik keputusan dewan untuk merujuk Draf Kod Etika pada sebuah jawatankuasa bagi diperhalusi dalam tempoh enam bulan. Secara peribadi, perbahasan ini juga telah memberikan pengajaran yang bermakna.

Sementara itu dalam membangkitkan beberapa kebimbangan mengenai isi kod, Yang Berhormat merasakan ada

pandangan Yang Berhormat disalah tafsir, disalahertikan tanpa diminta untuk memperjelaskan sepenuhnya.

Yang Berhormat tidak bercadang untuk merespons atau mendebatkan kesalahafsiran atas dasar menghormati Perkara 12, Item 4 dan 5 dalam Peraturan Mesyuarat, Standing Orders *kitani* sendiri.

"Kaola percaya inilah hakikat institusi yang matang apabila mempunyai berbeza pandangan dan tafsiran tetapi kita tetap saling menghormati perbezaan pendapat. Mohon berikan kesempatan untuk mengakhiri, terima kasih.

"Mereka yang mengikuti perbahasan Kod Etika telah menyaksikan lahirnya satu perkembangan positif, iaitu proses syura yang lebih matang dan alhamdulillah menghasilkan keputusan yang lebih baik, insyaaAllah.

"InsyaaAllah apabila kod ini diluluskan oleh dewan kelak, ini bukan sahaja akan memelihara martabat MMN, malah mampu memperkukuhkan peranan Ahli Yang Berhormat untuk terus berkhidmat dengan amanah, berintegriti dan profesional demi kepentingan agama, negara dan rakyat," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Persidangan ini bukan sekadar memenuhi tuntutan perlembagaan dan proses pentadbiran negara tetapi lebih penting lagi merupakan wadah bagi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) melaksanakan amanah untuk menyoal pandangan, mengemukakan cadangan, memberikan penelitian terhadap dasar kerajaan serta menyampaikan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan rakyat dan negara.

Setiap pandangan yang dikemukakan sama ada berupa sokongan, cadangan mahupun teguran yang membina adalah berlandaskan matlamat yang sama, iaitu untuk melihat Negara Brunei Darussalam terus maju, makmur dan sejahtera di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

MMN sebuah badan sentiasa mengutamakan kepentingan negara

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perkara berkenaan disuarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, juga Ketua Kampung Lumapas 'B' dalam Perbahasan Usul pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Namun demikian, pada pandangan Yang Berhormat perkara yang lebih penting selepas persidangan ini bukanlah berapa banyak perkara yang telah kita bahaskan namun, apa yang lebih penting ialah apakah yang akan kita lakukan selepas kita meninggalkan dewan ini. Kerana rakyat bukan sahaja mahu mendengar perbahasan, rakyat mahu melihat hasil, rakyat mahu melihat jalan raya diperbaiki, rakyat mahu melihat masalah saliran diselesaikan, rakyat mahu melihat peluang pekerjaan diwujudkan, rakyat mahu melihat ekonomi tempatan berkembang dan stabil. Rakyat mahu melihat anak-anak muda mempunyai masa depan dan rakyat mahu melihat setiap dasar dan perancangan kerajaan benar-benar sampai kepada mereka.

Persidangan ini juga kata Yang Berhormat telah memperlihatkan

pentingnya semangat saling menghormati dan menyampaikan pandangan. Walaupun terdapat perbezaan perspektif semuanya telah dibincangkan dalam suasana yang matang dan profesional. Budaya seperti inilah yang perlu terus dipelihara kerana ia mencerminkan kematangan institusi MMN sebagai sebuah badan yang sentiasa mengutamakan kepentingan negara mengatasi kepentingan lain.

"Pada masa yang sama, kaola berharap hubungan kerjasama antara Ahli-ahli MMN dengan Kementerian-kementerian akan terus diperkukuhkan bukan sahaja kepada ketika persidangan berlangsung malah sepanjang tahun.

"Dengan adanya komunikasi yang berterusan, pelbagai isu yang dihadapi rakyat dapat dikenal pasti lebih awal dan ditangani secara lebih berkesan.

"Kaola berharap selepas persidangan ini, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak terhenti setakat jawapan di dalam dewan. Kaola juga ingin melihat perkara ini dari sudut diri kaola sendiri sebagai ketua kampung dan pemimpin di peringkat akar umbi.

"Bagi kaola, menjadi ketua kampung bukan sekadar menjalankan tugas pentadbiran, ia adalah satu amanah untuk

mendengar menyampaikan suara rakyat dan kaola berada dekat dengan masyarakat, kaola mendengar masalah mereka, kaola melihat keperluan mereka, kaola berjumpa dengan warga emas, kaola berjumpa dengan golongan belia, kaola berjumpa dengan keluarga yang memerlukan bantuan dan kaola melihat sendiri potensi yang terdapat dalam kampung," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, apa yang diharapkan janganlah segala perbahasan kita tinggal sebagai catatan di dalam hansard, biarlah ia menjadi tindakan. Janganlah segala cadangan yang kita berhenti sebagai cadangan. Biarlah ia menjadi pelaksanaan dan janganlah suara rakyat hanya didengar ketika persidangan berlangsung, biarlah suara rakyat terus menjadi panduan kita selepas persidangan ini.

Kita mahu tambah Yang Berhormat lagi, pembangunan yang bukan sahaja nampak di bandar tapi dirasai di kampung. Kita mahu ekonomi yang bukan sahaja berkembang di peringkat negara tetapi memberi peluang kepada rakyat biasa dan kita mahu setiap titah dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diterjemahkan kepada hasil

yang nyata untuk rakyat.

"Kaola juga ingin menegaskan bahawa sebagai pemimpin akar umbi, kaola akan terus melaksanakan tanggungjawab kaola sebaik mungkin. Menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan serta berusaha memastikan apa jua peluang pembangunan yang ada dapat dimanfaatkan oleh masyarakat kampung.

"Dalam kita mengharapkan kerajaan terus berusaha melaksanakan berbagai perancangan untuk kepentingan negara dan rakyat, kaola juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada seluruh rakyat agar sama-sama memberikan sokongan dan kerjasama kepada kerajaan.

"Kerajaan tidak mungkin dapat melaksanakan semua perancangan dengan sempurna tanpa sokongan dan kerjasama daripada lapisan rakyat. Kita sebagai rakyat mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing, kalau ada kelemahan kita tegur dengan cara yang membina, kalau ada kekurangan kita cadangkan jalan penyelesaian dan kalau ada perancangan yang baik untuk kepentingan rakyat, marilah kita sama-sama memberikan sokongan supaya ia dapat dilaksanakan dengan jayanya," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Ada tiga perkara dalam kehidupan rakyat, iaitu kos sara hidup, pekerjaan dan pendapatan anak tempatan, serta perumahan.

Pertama, kos sara hidup dan kuasa membeli rakyat. Kita memahami bahawa harga barang dan perkhidmatan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk keadaan ekonomi dunia, kos pengangkutan, rantaian bekalan dan kadar pertukaran mata wang.

Namun bagi rakyat, kesan yang sangat mudah dirasakan, apabila harga meningkat, perbelanjaan keluarga turut meningkat.

Perkara berkenaan dinyatakan semasa Perbahasan Usul oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, bagi keluarga pendapatan yang tetap, mempunyai kenaikan kos makanan, pengangkutan, pendidikan dan

MEMPERKUKUH USAHA MENINGKATKAN KUASA BELI RAKYAT, MEMBUKA LEBIH BANYAK PEKERJAAN

keperluan harian boleh memberikan tekanan. Maka pada hemat Yang Berhormat, isu kos sara hidup tidak boleh dilihat hanya daripada sudut harga. Kita juga perlu melihat kemampuan rakyat untuk menanggung kos kehidupan.

Tambah Yang Berhormat lagi, harga mungkin tidak dapat kita kawal sepenuhnya tetapi kemampuan rakyat untuk menghadapi kos kehidupan boleh diperkukuhkan. Caranya ialah dengan memastikan rakyat mempunyai pekerjaan yang lebih baik, kemahiran yang lebih tinggi, peluang meningkatkan pendapatan serta sokongan yang berkesan kepada perusahaan tempatan.

"Kita tidak mahu rakyat hanya mampu bertahan. Kita mahu rakyat mampu menyimpan, memiliki rumah, membesarkan keluarga dan merancang masa depan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kedua, pekerjaan dan pendapatan anak tempatan. Kita mempunyai generasi muda yang berpendidikan, berkemahiran, bercita-cita dan bersedia menyumbang kepada negara.

"Persoalannya, adakah peluang yang tersedia benar-benar mampu membina masa depan mereka? Pada hemat kaola, kejayaan tidak seharusnya diukur hanya pada berapa ramai anak tempatan mendapat pekerjaan, tapi pada kualiti pekerjaan dan masa depan yang mampu dibina melaluinya.

"Adakah mereka berpeluang

meningkatkan kemahiran, berkembang dalam kerjaya, meningkatkan pendapatan dan yang paling penting membina kehidupan yang lebih stabil? Pekerjaan memberikan pendapatan hari ini, tetapi kerjaya memberikan masa depan," kata Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat, dalam usaha menangani pengangguran, belia mesti melangkaui sekadar menyediakan pekerjaan. Kita perlu memastikan anak-anak tempatan mempunyai kemahiran yang diperlukan industri, pengalaman melalui latihan serta laluan untuk terus berkembang.

Maka kata Yang Berhormat, kejayaan program pekerjaan belia juga perlu diukur dengan lebih bermakna. Berapa ramai yang kekal dalam pekerjaan, meningkatkan kemahiran, meningkatkan pendapatan dan berkembang dalam kerjaya. Kerana matlamat kita bukan sekadar melahirkan pekerja, tetapi membina tenaga profesional, usahawan dan pemimpin masa depan negara.

"Ketiga, perumahan untuk rakyat. Pada hemat kaola, perumahan perlu terus dilihat sebagai sebahagian daripada dasar kesejahteraan keluarga bukan sekadar projek pembangunan.

"Bagi golongan muda yang baru membina keluarga, rumah yang bersesuaian boleh menjadi asas kepada kestabilan hidup. Namun, jika kos perumahan terlalu membebaskan, ia boleh menjejaskan kemampuan keluarga

Oleh : Rohani Haji Abdul hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

untuk memenuhi keperluan lain.

"Maka dalam menilai dasar perumahan, kita bukan hanya perlu melihat berapa banyak rumah yang dibina, kita juga perlu melihat berapa banyak keluarga yang benar-benar dapat menikmati rumah yang bersesuaian dengan kemampuan mereka," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah bagi sebuah keluarga, rumah bukan sekadar tempat tinggal, tetapi asas kestabilan dan masa depan. Justeru kejayaan dasar perumahan bukan hanya pada berapa banyak rumah yang dibina tetapi berapa ramai keluarga yang benar-benar mampu memiliki rumah yang sesuai, selesa dan memenuhi keperluan mereka.

Pada hemat Yang Berhormat, rumah yang mampu dimiliki bukan sekadar tempat untuk berlindung, tetapi ia adalah asas untuk membina kehidupan yang lebih stabil dan sejahtera.

Jika kita lihat ketiga-tiga perkara ini kata Yang Berhormat lagi, kos sara hidup, pekerjaan dan perumahan, semuanya bertitik tolak daripada satu perkara asas. Kemampuan rakyat untuk membina kehidupan yang stabil dan masa depan yang lebih baik. Apabila anak muda mempunyai pekerjaan yang baik, mereka memperoleh pendapatan yang stabil. Dengan pendapatan yang stabil, mereka lebih mampu merancang masa depan, memiliki kediaman

yang sesuai dan membina keluarga yang sejahtera.

Apabila rakyat mempunyai kehidupan yang stabil jelas Yang Berhormat, masyarakat menjadi kukuh dan negara menjadi kuat. InsyaaAllah, dengan usaha yang lebih tersusun, kerjasama yang erat serta peranan para Menteri Penyelaras yang baru dilantik, kita yakin agenda ini akan terus diperkasakan dan menjadikan landasan penting ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Kerana pembangunan negara yang sebenar bukan hanya diukur melalui angka dan kemajuan fizikal, tetapi melalui sejauh mana rakyatnya mampu hidup dengan stabil, sejahtera dan yakin menetap masa depan.

"Maka marilah kita terus memperkukuhkan usaha meningkatkan kuasa beli rakyat, membuka lebih banyak pekerjaan dan kerjaya yang berkualiti, serta menyediakan perumahan yang bersesuaian dan apabila kehidupan rakyat semakin baik, maka negara juga akan menjadi semakin kuat.

"Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, demi kemajuan negara dan kesejahteraan seluruh rakyat," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

akan menjadikan pelaburan benar-benar menyumbang kepada pembentukan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan selaras dengan Wawasan Brunei 2035," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dalam pembangunan ekonomi dan tenaga kerja dengan etika serta tatakelola kerana etika bukan sekadar peraturan tentang apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan, tetapi merupakan amanah dalam melaksanakan dasar, mengurus sumber dan peruntukan negara, membuat keputusan serta memastikan setiap usaha pembangunan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Dasar yang baik dan peruntukan yang besar hanya akan menghasilkan impak apabila disokong oleh budaya kerja yang berintegriti, telus dan bertanggungjawab.

>> Muka 15

Perancangan perlu diterjemahkan kepada tindakan berkesan, menghasilkan perubahan nyata

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Wawasan Brunei 2035 bukan sahaja sebagai satu sasaran pembangunan, tetapi sebagai satu perjalanan yang memerlukan kesepaduan daripada pelbagai aspek.

Pencapaian Wawasan Brunei 2035 tidak hanya memadai dengan mempunyai dasar yang baik, perancangan yang tersusun serta peruntukan kewangan yang mencukupi. Ia juga bergantung kepada keupayaan untuk membangunkan sumber manusia yang berilmu dan berkemahiran, memperkukuhkan institusi yang cekap dan berkesan, membina ekonomi yang produktif serta memastikan budaya kerja yang berteraskan integriti dan amanah.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, juga Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong semasa menyampaikan Perbahasan Usul pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, sesemua elemen ini saling melengkapi dan tidak boleh dilihat

secara berasingan. Wawasan, modal insan, tatakelola dan etika dalam pelaksanaan perlu bergerak seiring sebagai satu ekosistem pembangunan negara kerana pada akhirnya, kejayaan sesuatu wawasan tidak diukur hanya melalui apa yang telah dirancang atau berapa banyak program yang telah dilaksanakan.

"Yang lebih penting ialah sejauh mana perancangan tersebut diterjemahkan kepada tindakan yang berkesan, menghasilkan perubahan yang nyata dan akhirnya membawa manfaat yang dapat dilihat, dirasakan dan dinikmati oleh rakyat.

"Bagi memastikan beberapa perkara penting dalam usaha menuju Wawasan Brunei 2035 dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan memberi impak nyata kepada rakyat, khususnya dalam pembangunan tenaga kerja.

"Pada hemat kaola, kita perlu beralih daripada sekadar mengukur output seperti jumlah pekerjaan, latihan dan pelaburan kepada *outcome*, iaitu sejauh mana usaha tersebut benar-benar meningkatkan kemahiran produktiviti, peluang kerjaya dan kerjasama rakyat seiring dengan perubahan dunia pekerjaan melalui AI, automasi dan digitalisasi," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyokong pengukuhan *reskilling* dan *upskilling*

sebagai sebahagian daripada budaya pembelajaran sepanjang hayat, selaras dengan Manpower Blueprint yang menekankan pembangunan kompetensi dan kemahiran secara berterusan. Peningkatan akses kepada pembelajaran, penggunaan teknologi dalam pembangunan modal insan serta penyelarasan antara pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), institusi latihan dan keperluan industri.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa cadangan bagi mempertimbangkan Pelan Peralihan Kemahiran Nasional yang menyatukan laluan pendidikan, TVET, pengajian tinggi, latihan industri, *upskilling* dan *reskilling* dengan keperluan majikan serta pekerjaan masa hadapan, supaya tenaga kerja bukan sahaja bersedia untuk pekerjaan hari ini, tetapi mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pekerjaan dan keperluan ekonomi sehingga tahun 2035 dan seterusnya.

Seterusnya Yang Berhormat menambah, bagi menyokong usaha kerajaan menarik pelaburan berkualiti ianya bukan sahaja pelaburan tersebut dan bukan sekadar membawa modal, tetapi membawa teknologi, kepakaran, inovasi, pekerjaan berkemahiran tinggi,

latihan, pemindahan ilmu serta peluang kepada syarikat tempatan untuk berkembang agar pelaburan hari ini dapat membina kapasiti dan daya saing negara untuk masa hadapan.

Pendekatan ini ujar Yang Berhormat selaras dengan Economic Blueprint yang menggariskan kepentingan pelaburan berkualiti dan peningkatan produktiviti bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berdaya tahan, di samping mempelbagaikan ekonomi dan menyediakan lebih banyak pekerjaan yang berkualiti. Malah, aspirasi Blueprint terhadap rakyat yang mahir, adaptif dan inovatif serta perniagaan yang produktif dan pesat menunjukkan bahawa pelaburan hendaklah turut berperanan dalam membangunkan bakat tempatan, memperkukuhkan ekosistem perniagaan dan meningkatkan keupayaan syarikat tempatan untuk bersaing.

"Dengan demikian, kita tidak hanya melihat pelaburan dari segi berapa besar modal yang masuk, tetapi juga berapa besar nilai yang tinggal dan berkembang dalam negara melalui pekerjaan berkualiti, peningkatan kemahiran, pemindahan teknologi, pertumbuhan syarikat tempatan dan peningkatan produktiviti.

"Inilah yang pada hemat kaola

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PERBAHASAN MMN LANDASAN MENGETENGAHKAN ISU MENJADI PERHATIAN, KEPENTINGAN RAKYAT



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Perbahasan yang berlangsung selama lima hari mencerminkan satu hasrat bersama supaya kemajuan negara bukan sahaja dirancang dengan baik tetapi dilaksanakan secara berkesan dan membawa hasil yang dapat dirasakan oleh rakyat dan penduduk.

Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi tahun 2026 ini memberi perhatian kepada perkara-perkara yang mempunyai kepentingan strategik kepada negara termasuk Usul

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin**

Menyokong Penyelarasan Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035.

Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan perkara itu dalam Usul Penangguhan pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, perbahasan mengenai telah membuka ruang untuk melihat secara lebih menyeluruh bagaimana dasar, strategi dan tindakan dapat diperkukuh agar bergerak dalam hala tuju negara yang sama.

Antara perkara yang jelas daripada perbahasan sepanjang persidangan ini ialah cabaran pembangunan hari ini semakin berkait, iaitu pendidikan berkait

rapat dengan pembangunan bakat dan peluang pekerjaan, pertumbuhan ekonomi dengan pelaburan, produktiviti dan daya saing, kesejahteraan masyarakat dengan perumahan, kesihatan dan perlindungan sosial dan daya tahan negara turut bergantung kepada keterjaminan makanan dan tenaga, infrastruktur, transformasi digital serta keselamatan negara secara menyeluruh.

Yang Berhormat juga menjelaskan, justeru, penyelarasan bukan bermaksud semua perkara perlu diurus oleh satu pihak. Sebaliknya, ia memastikan usaha Kementerian dan agensi saling melengkapi, isu merentas bidang dapat ditangani secara bersama dan keputusan yang dibuat mengambil kira kepentingan negara secara menyeluruh.

"Dalam konteks ini, peranan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri Penyelaras Dasar - Dasar Ekonomi, dan Menteri Penyelaras Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia adalah untuk

memperkukuh penyelarasan sedia ada tanpa mengambil alih mandat kementerian dan agensi masing-masing.

"Apa yang perlu diberi perhatian seterusnya ialah pelaksanaan. Rakyat dan penduduk mahu melihat dasar, pelan tindakan dan inisiatif yang dilaksanakan membawa kepada perkhidmatan yang lebih cekap, peluang pekerjaan yang berkualiti, persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif, bekalan keperluan asas yang berdaya tahan, penggunaan teknologi yang memberi nilai tambah dan penyelesaian yang memberi kesan terhadap perkara-perkara yang menyentuh kehidupan seharian," kata Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, inilah ukuran yang akhirnya memberi makna kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat serta penduduk.

Terdahulu Yang Berhormat menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepimpinan, kewibawaan dan keprihatinan berterusan baginda terhadap kesejahteraan rakyat, pengukuhan tadbir urus kerajaan dan kemajuan negara demi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Pada kesempatan itu juga, Yang Berhormat juga merakamkan setinggi - tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan panduan berterusan dalam memimpin perjalanan persidangan tersebut.

Yang Berhormat juga menzahirkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Jurutulis MMN dan Timbalan Jurutulis MMN, pihak urus setia serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat, yang telah bertungkus-lumus memastikan urusan permesyuaratan berjalan dengan lancar.

Selain itu, Yang Berhormat turut menzahirkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengetengahkan isu-isu yang menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini.

Terus membina sebuah negara mempunyai ekonomi lebih kukuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Dalam Perbahasan Usul, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menjelaskan, sepanjang persidangan, Yang Berhormat berpeluang mendengar pelbagai pandangan serta penjelasan yang telah dikongsikan oleh rakan Ahli-ahli Majlis Yang Berhormat dan Yang Berhormat Menteri-menteri.

Bagi Yang Berhormat, walaupun isu yang dibincangkan meliputi pelbagai bidang, kesemuanya sebenarnya

membawa kepada satu matlamat yang sama, iaitu bagaimana kita dapat terus membina sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang lebih kukuh, masyarakat yang lebih sejahtera dan masa depan yang terbaik untuk negara dan rakyat.

"Setiap perbahasan, sama ada mengenai pendidikan, infrastruktur, kesihatan, pembangunan, perusahaan mahupun pertanian mempunyai kaitan dengan keupayaan negara untuk terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang sedang berlaku.

"Pada pandangan kaola, inilah gambaran sebenar pembangunan pada hari ini dan kemajuan sebuah sektor bergantung kepada kekuatan sektor-sektor yang lain.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang semakin mencabar, antara

perkara yang perlu terus diberi perhatian ialah bagaimana negara dapat menghasilkan nilai yang besar daripada setiap usaha yang dilaksanakan," kata Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, kita tidak boleh hanya berpuas hati apabila sesuatu projek berjaya disiapkan ataupun sesuatu program berjaya dilaksanakan. Yang lebih penting ialah sejauh mana usaha tersebut meningkatkan produktiviti, membuka peluang baharu kepada rakyat, mengembangkan perusahaan tempatan dan mewujudkan aktiviti ekonomi yang berterusan.

Sepanjang persidangan ini juga kata Yang Berhormat, kita banyak membincangkan mengenai persediaan negara menghadapi masa hadapan.

Persediaan tersebut bukan hanya bermaksud menyediakan lebih banyak kemudahan ataupun memperkenalkan dasar-dasar baharu. Yang lebih penting ialah memastikan rakyat dan perusahaan tempatan mempunyai keupayaan untuk merebut peluang yang akan diwujudkan.

Hasil daripada perubahan tersebut tambah Yang Berhormat, kita mahu melihat lebih ramai usahawan tempatan yang mampu berkembang ke pasaran antarabangsa.

"Kita juga melihat sektor pertanian terus beralih kepada pengeluaran yang lebih moden dan bernilai tinggi. Kita juga mahu melihat lebih ramai belia memilih untuk menjadi pencipta pekerjaan dan bukan sahaja mencari pekerjaan. Apabila lebih ramai rakyat mampu mencipta nilai,



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

negara juga akan menjadi lebih berdaya tahan," ujar Yang Berhormat lagi.

>> Muka 14

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD) ujar Yang Berhormat, nilai ini hendaklah terus berakar kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), nilai kesetiaan kepada sultan dan negara, ajaran Islam serta keharmonian sosial yang menjadi asas kehidupan bernegara dan selaras dengan nilai teras Wawasan Brunei 2035.

Justeru kata Yang Berhormat, etika dan integriti hendaklah diterjemahkan melalui tindakan yang nyata, keputusan dibuat dengan amanah, perkhidmatan disampaikan secara adil dan profesional, sumber awam diurus dengan bertanggungjawab, prestasi dinilai berdasarkan hasil dan kepentingan rakyat sentiasa

menjadi keutamaan.

"Sehubungan itu, kaola menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan bahawa KPI hendaklah menjadi panduan dalam menilai kemajuan negara, di samping memastikan mekanisme penetapan dan semakan KPI sentiasa berdaya tahan serta adaptif, dan yang paling utama, pencapaian Wawasan Brunei 2035 hendaklah benar-benar dapat dirasakan oleh rakyat.

"Selaras dengan titah tersebut, kaola mencadangkan supaya pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 terus diperkukuhkan melalui prinsip dasar, Tindakan hasil,

akauntabiliti dengan setiap dasar mempunyai tindakan yang jelas, ukuran keberhasilan, pemantauan serta impak yang nyata kepada rakyat, agar kita beralih daripada *activity-based* kepada *outcome-based governance*," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mencadangkan pertimbangan Indeks Kualiti Pekerjaan, Indeks Keberkesanan Latihan dan Indeks Impak Pelaburan, yang dapat diselaras dengan data serta KPI yang sedia ada bagi mengukur kualiti pekerjaan, keberkesanan pembangunan kemahiran dan nilai sebenar pelaburan kepada ekonomi serta bakat tempatan.

Tambah Yang Berhormat, usaha ini sebagai sokongan dan nilai

tambah supaya pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation dapat digerakkan dalam satu arah melibatkan kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan, industri, masyarakat dan rakyat. Pada akhirnya, Wawasan Brunei 2035 adalah tentang manusia dan masa depan. Justeru itu, modal insan, ekonomi, kualiti kehidupan dan etika perlu bergerak sebagai satu ekosistem yang dipandu oleh tatakeloa dengan penuh amanah dan berintegriti.

"Sebagai mengakhiri ucapan kaola bahawa Wawasan Brunei 2035 hendaklah diterjemahkan melalui dasar yang jelas, tindakan yang tersusun, hasil yang boleh diukur dengan manfaat yang benar-benar dirasa oleh rakyat,

bukan sekadar menjadi dokumen perancangan tetapi menjadi budaya pelaksanaan dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerjasama seluruh pihak melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation.

"Marilah kita bersama-sama melangkah dengan yakin menuju 2035 demi mencapai rakyat yang berpendidikan, berhemah tinggi dan berjaya, kehidupan yang berkualiti serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan serta petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM BERKUALITI, MUDAH DIAKSES TERUS DIUSAHAKAN

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melihat pengangkutan awam bukan semata-mata sebagai satu perkhidmatan komersial, tetapi sebagai satu kemudahan awam yang penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat, menyokong aktiviti ekonomi dan menghubungkan kawasan-kawasan di negara ini.

Menurut Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali

Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, matlamat kementerian bukan hanya untuk menambah bilangan bas atau laluan, tetapi untuk membangunkan satu sistem pengangkutan awam yang lebih efisien, mudah diakses, bersepadu dan berdaya tahan, bersesuaian dengan keperluan penduduk.

Dalam perkara ini, kementerian sedang giat meneliti pendekatan yang bersesuaian dalam memastikan agar perkhidmatan pengangkutan awam dapat terus disediakan secara

berkesinambungan, berkualiti dan mudah diakses oleh orang ramai.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menjawab soalan secara serentak kerana ketiga-tiga soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat adalah saling berkait.

"Kementerian melihat pendekatan perkhidmatan pengangkutan awam ini kepada dua model utama iaitu: - Yang pertama ialah perkhidmatan bas di laluan-laluan utama, khususnya di

kawasan yang mempunyai permintaan penumpang yang tinggi, dengan laluan dan jadual yang tetap; dan yang kedua ialah Perkhidmatan bas berkonsepkan Transit Responsif Atas Permintaan (Demand Responsive Transit atau DRT). Melalui pendekatan ini, perkhidmatan bas adalah lebih fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut permintaan orang ramai. Pendekatan ini khususnya bersesuaian bagi kawasan-kawasan yang kurang mendapat liputan ataupun yang tidak mempunyai permintaan penumpang yang mencukupi untuk laluan bas tetap," ujar Yang Berhormat.

Dari segi pelaksanaan, menurut Yang Berhormat lagi, Kementerian telah melalui beberapa peringkat proses penilaian: - Pertama - Request for Information (RFI) bagi Core Bus Network Services dan Smart Transportation System yang telah dikeluarkan pada 6 Disember 2023 dan ditutup pada 1 Februari 2024, dan Kedua, Request for Proposal (RFP) bagi penyediaan, pengendalian, pengurusan dan penyelenggaraan perkhidmatan pengangkutan awam telah dikeluarkan pada 2 Oktober 2024 dan ditutup pada 11 Mac 2025.

Yang Berhormat berkata bahawa hasil daripada penilaian tersebut, insyaaAllah, sebuah syarikat telah dikenal pasti berpotensi untuk menawarkan perkhidmatan DRT. Sehubungan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

itu, Jabatan Pengangkutan Darat telah mengeluarkan 'License to Operate' kepada syarikat berkenaan pada 30 April 2026.

Sungguhpun demikian, setentunya perkara tersebut masih memerlukan pengemaskinian dan persediaan lanjut, khususnya dari segi kesiapsiagaan pihak pengendali, operasi dan infrastruktur yang diperlukan.

"Jadinya, berhubung dengan persoalan sama ada perkhidmatan ini akan mula beroperasi pada awal tahun 2027, Kementerian bercadang untuk memulakan perkhidmatan DRT ini secara berperingkat. Pada peringkat awal, perkhidmatan ini akan melibatkan dua zon terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke zon-zon yang lain," ujar Yang Berhormat lagi.



DARI kiri... Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Digital Brunei 2030 meningkatkan produktiviti, inovasi, daya saing perusahaan tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos menjelaskan bahawa Digital Brunei 2030 merupakan pelan hala tuju transformasi digital kebangsaan yang menyediakan rangka kerja bagi membangunkan ekosistem digital Negara Brunei Darussalam, merangkumi sektor kerajaan, masyarakat dan pemiagaan sehingga tahun 2030.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, penyediaan Pelan Digital Brunei 2030 telah dilaksanakan melalui beberapa siri sesi libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan, termasuklah Chambers of Commerce, bagi mendapatkan pandangan dalam usaha untuk memastikan pelan yang dirangka mengambil kira keperluan dan aspirasi pelbagai sektor.

Yang Berhormat menjelaskan demikian bagi menjawab pertanyaan mengenai usaha kementerian memastikan pelaksanaan Digital Brunei 2030 dapat memberikan hasil yang nyata kepada perusahaan tempatan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi

bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi memastikan transformasi digital ini dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti, inovasi dan daya saing perusahaan tempatan, Yang Berhormat berkata kementerian memberi tumpuan kepada empat strategi utama yang saling melengkapi iaitu Digital Government, Digital Society, Digital Business, serta Data dan AI.

"Pertama, melalui Digital Government. Kementerian berusaha untuk memperluaskan penggunaan perkhidmatan dan aplikasi digital dalam setiap penyampaian perkhidmatan kerajaan di samping memperkemas proses dan mengurangkan birokrasi.

"Kedua, Digital Society. Dengan memberi tumpuan kepada peningkatan literasi dan kemahiran digital rakyat serta tenaga kerja dalam memastikan Negara Brunei Darussalam mempunyai sumber manusia yang bersedia memenuhi keperluan ekonomi digital dan menyokong pertumbuhan perusahaan tempatan.

"Ketiga, melalui Digital Business. Kementerian komited untuk menggalakkan penggunaan teknologi serta pembayaran digital yang selamat dan cekap, memudahkan urusan pemiagaan, mengurangkan kos transaksi dan membantu perusahaan tempatan meningkatkan kecekapan operasi.

"Keempat, Data dan AI akan memperkukuh keupayaan perusahaan untuk memanfaatkan data, Kecerdasan Buatan dan analitik dalam membuat keputusan, meningkatkan produktiviti serta menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif," jelas Yang Berhormat lagi.

Keempat-empat strategi utama ini menurut Yang Berhormat, mempunyai hubungan langsung dengan produktiviti, inovasi dan daya saing. Proses yang lebih cekap meningkatkan produktiviti. Akses kepada Data dan AI merangsang inovasi, manakala tenaga kerja yang berkemahiran digital memperkukuh daya saing perusahaan, termasuk di pasaran serantau.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa kementerian menyedari bahawa pelan yang baik hanya akan memberikan impak sekiranya pelaksanaannya berkesan. Oleh itu, kita tidak hanya boleh bergantung kepada perancangan semata-mata, tetapi juga turut memberi perhatian kepada pelaksanaannya, pemantauannya dan penambahbaikannya dibuat secara berterusan.

"Ini dapat dilaksanakan melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, khususnya sektor swasta, institusi akademik dan pemain industri, bagi memastikan dasar dan inisiatif yang dirangka benar-benar mengambil kira keperluan semasa. Sesi libat urus

juga akan terus dilaksanakan dan dipertingkatkan bagi mendapatkan maklum balas, menilai kemajuan serta mengenal pasti cabaran, agar pendekatan yang diambil sentiasa relevan dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa," ujar Yang Berhormat.

Dalam perkara yang berkaitan juga, kementerian akan secara terus-menerus memberikan sokongan kepada perusahaan tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana, melalui inisiatif-inisiatif seperti adaptasi digital, pembangunan kemahiran dan projek perintis, bagi membantu perusahaan mengatasi cabaran dalam menggunakan teknologi. Pemantauan prestasi juga penting untuk memastikan usaha ini menghasilkan impak yang boleh diukur. Oleh yang demikian, petunjuk prestasi yang bersesuaian akan digunakan untuk menilai perkembangan penggunaan teknologi digital, termasuk pameran digital dan AI, serta manfaatnya kepada perusahaan.

"Kita semua mengetahui bahawa kejayaan agensi transformasi digital tidak dapat dicapai secara bersendirian. Sebaliknya, ia menuntut kerjasama bersepadu antara kerajaan, sektor swasta, institusi akademik dan masyarakat, sebagai satu usaha bersama dalam merealisasikan aspirasi Digital Brunei 2030. Dalam hubungan ini, apa yang kita hasratkan ialah agar



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

setiap dasar dan inisiatif yang dilaksanakan adalah praktikal dan mesra pemiagaan, teknologi dapat diakses dengan kos yang bersesuaian, dan pengetahuan serta kemahiran digital akan dapat terus diperkembangkan," jelas Yang Berhormat lagi.

Tegas Yang Berhormat, Digital Brunei 2030 bukan sekadar mengenai teknologi, tetapi mengenai manfaat yang dapat dihasilkan melalui teknologi. Matlamat kita adalah untuk memastikan setiap perusahaan, tanpa mengira saiz, dapat memanfaatkan teknologi digital untuk menjadi lebih produktif, lebih inovatif dan lebih berdaya saing, bukan sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam, bahkan di peringkat serantau. Teknologi adalah alat. Ukuran kejayaan kita ialah sejauh mana alat tersebut dapat meningkatkan produktiviti, membuka peluang dan membawa manfaat yang nyata kepada rakyat serta perusahaan tempatan.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



TAHUN MELAWAT BRUNEI 2027 PEMACU EKONOMI, IDENTITI NEGARA

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Awang Haji Abas



YANG Berhormat Menteri Penyalaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

tempatan, mewujudkan pekerjaan berkualiti, dan mempercepatkan kepelbagaian ekonomi.

Inisiatif Tahun Melawat Brunei 2027 dilihat sebagai salah satu pemacu utama kepada perubahan tersebut. Inisiatif ini amat signifikan dan bertepatan kerana tahun 2027 akan menyaksikan dua acara kenegaraan yang saling melengkapi, iaitu Sambutan Jubli Intan Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena 60 Tahun Menaiki Takhta dan Tahun Melawat Brunei 2027.

Ini dinyatakan oleh Menteri Penyalaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Kenyataan Menteri: 'Memperkasa Industri Pelancongan Sebagai Pemangkin Kepelbagaian Ekonomi Negara dan Seterusnya

Menjayakan Inisiatif Tahun Melawat Brunei (Visit Brunei Year) 2027' pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat Menteri Penyalaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, kementerian telah menetapkan sasaran sekitar satu juta pelancong dengan unjuran hasil pendapatan pelancongan sekitar BND630 juta menjelang tahun 2027. Walau

bagaimanapun, kejayaan tidak akan dinilai melalui dua angka dan KPIs ini sahaja.

Tambah Yang Berhormat, pengukuran perlu turut melihat tempoh purata penginapan, perbelanjaan bagi setiap pelawat, kadar penghunian premis-premis penginapan pelancong, penyertaan perusahaan tempatan, penggunaan produk tempatan, peluang pekerjaan yang diwujudkan dan sejauh mana manfaat ekonomi sampai kepada komuniti di seluruh negara.

Untuk mencapai matlamat ini, jelas Yang Berhormat, pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-

Nation bukanlah sekadar ungkapan, ia perlu menjadi kaedah kerja dan model pelaksanaan.

Selanjutnya, terang Yang Berhormat lagi, Whole-of-Government bermaksud setiap kementerian dan agensi memahami peranan masing-masing dalam perjalanan pelawat dan menyelesaikan isu secara bersama manakala Whole-of-Nation pula bermaksud sektor swasta, institusi kewangan, syarikat telekomunikasi, pengendali pengangkutan, perusahaan tempatan, pemimpin akar umbi dan masyarakat turut mengambil pemilikan terhadap peluang yang diwujudkan.



SEKITAR Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Penyelarasan bersepadu perkukuh industri pelancongan negara

JELAS Yang Berhormat, penyelarasan rapat dengan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Intan juga penting bagi menyatukan usaha dalam memastikan acara nasional, kapasiti industri dan inisiatif promosi saling melengkapi, bukannya bergerak secara berasingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Menteri Penyalaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata isu-isu seperti kesalinghubungan udara dan laut, kelancaran proses di pintu masuk, pengangkutan domestik, kemudahan awam dan kebersihan, penyelarasan kalendar acara, kemudahan

pembayaran tanpa tunai (cashless payments), ketersediaan produk yang boleh ditempah secara digital, standard perkhidmatan serta keupayaan perusahaan tempatan merupakan isu rentas kementerian dan rentas sektor. Sekiranya satu bahagian daripada rangkaian ini lemah, keseluruhan pengalaman pelawat turut terjejas.

Yang Berhormat Menteri Penyalaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi,

Perdagangan dan Industri menekankan perkara tersebut semasa Kenyataan Menteri: 'Memperkasa Industri Pelancongan Sebagai Pemangkin Kepelbagaian Ekonomi Negara dan Seterusnya Menjayakan Inisiatif Tahun Melawat Brunei (Visit Brunei Year) 2027' pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, pagi tadi.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan oleh yang demikian, Jawatankuasa Pandu Tahun Melawat Brunei 2027 yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Penyalaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, serta Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan keahlian dari sektor awam dan swasta berfungsi bukan sahaja sebagai platform penyelarasan acara, tetapi sebagai mekanisme pelaksanaan bersepadu dan juga komitmen pelbagai pihak untuk menangani masalah di setiap

peringkat.

Jelas Yang Berhormat, penyelarasan rapat dengan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Intan juga penting bagi menyatukan usaha dalam memastikan acara nasional, kapasiti industri dan inisiatif promosi saling melengkapi, bukannya bergerak secara berasingan.

"Sebagai langkah awal dalam memperkenalkan dan mempromosi kempen ini, Majlis Pra-Pelancaran Tahun Melawat Brunei 2027 telah berjaya dilaksanakan pada 20 Jun 2026 bertempat di Jerudong Park Garden. Majlis Prapelancaran ini

telah diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah merupakan satu penghormatan yang mencerminkan sokongan padu, sekali gus menyuntik impak yang signifikan kepada agenda pelancongan negara. Di majlis tersebut, pelancaran logo rasmi serta maskot 'Awang' dan 'Dayang' telah menandakan titik permulaan bagi strategi pemasaran dan promosi secara menyeluruh di peringkat domestik mahupun antarabangsa," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan tersebut.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



UNISSA PERKUKUH SOKONGAN KEPAKARAN DALAM INDUSTRI HALAL



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Peranan Pusat

Penyelidikan Halalan Tayibban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sememangnya boleh terus dipertingkatkan lagi bagi membantu pihak industri memastikan proses pengeluaran makanan termasuk penyembelihan, memenuhi keperluan halal dan hukum syarak.

Dalam hubungan ini, kerjasama antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dan UNISSA telah pun dilaksanakan melalui memorandum persefahaman yang dimeterai pada 2 Februari 2023.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya menerangkan, bahawa menerusi Projek Rakan Penyelia Halal yang memberi peluang kepada pelajar UNISSA menjalani latihan industri sebagai penyelia halal dalam latihan premis-premis industri halal di bawah pemantauan Bahagian Kawalan Makanan Halal.

PPHT ujar Yang Berhormat lagi, boleh menyumbang melalui kepakarannya dalam penyelidikan dan *scientific analysis* termasuk pengesahan bahan mentah, kaedah pelalihan dan penyembelihan halal serta

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Muhammad Asri Awang Haji Abas

kajian berkaitan sistem jaminan halal, keselamatan makanan dan teknologi halal bagi memenuhi keperluan pihak berkuasa dan industri.

Bagi proses pensijilan halal pula, UNISSA tidak mempunyai bidang kuasa untuk meluluskan sijil dan permit halal. Namun, UNISSA boleh membantu pengusaha sebelum permohonan rasmi dikemukakan.

Antaranya melalui kursus dan latihan berkaitan halal, khidmat nasihat, semakan kesiapsiagaan dokumentasi dan pematuan serta pembangunan sistem jaminan halal. Langkah ini dapat membantu pengusaha membuat persediaan yang lebih baik dan mengurangkan kekurangan dalam permohonan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, fungsi pemeriksaan pengawalseliaan, penguatkuasaan serta kelulusan sijil dan permit halal kekal di bawah pihak berkuasa yang



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

ditetapkan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dengan pembahagian peranan ini, kepakaran UNISSA dapat dimanfaatkan untuk menyokong proses pensijilan halal tanpa mengambil alih fungsi pengawalseliaan.

BAGI proses pensijilan halal pula, UNISSA tidak mempunyai bidang kuasa untuk meluluskan sijil dan permit halal. Namun, UNISSA boleh membantu pengusaha sebelum permohonan rasmi dikemukakan.

Kementerian Pendidikan terus perkasa kemahiran hidup, kesiapsiagaan pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Kementerian Pendidikan terus memberi perhatian kepada perkembangan kemahiran hidup dalam melahirkan pelajar yang cemerlang, sekali gus berkeupayaan menghadapi cabaran kehidupan sebenar.

Pada masa ini, elemen keselamatan, kesihatan, pengurusan risiko dan kesiapsiagaan telah pun diserapkan secara merentas kurikulum menerusi pelbagai mata

pelajaran seperti Melayu Islam Beraja, Pengetahuan Ugama Islam, Sains, Social Studies, Pendidikan Jasmani, Teknologi Maklumat dan Komunikasi ataupun ICT, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris serta Bahasa Arab.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis

Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Kali Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Antara kandungan yang diterapkan dalam mata pelajaran-mata pelajaran ini tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan, adalah elemen keselamatan di rumah, di sekolah dan keselamatan siber, pematuan kepada peraturan dan undang-undang serta tanggungjawab sebagai ahli masyarakat.

Sementara itu, elemen tersebut juga diperkukuhkan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah. Aktiviti kokurikulum ini dilaksanakan bersama dengan agensi-agensi

berkaitan sebagai pendedahan kepada kemahiran pertolongan cemas dan keselamatan kebakaran. Untuk itu, telah ditubuhkan pasukan-pasukan beruniform di sekolah-sekolah seperti Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah, Kadet Bomba dan Penyelamat, Kadet Polis serta Kadet Tentera.

Sebanyak enam buah sekolah menengah kerajaan mempunyai pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, manakala 12 buah sekolah

menengah kerajaan lagi mempunyai Pasukan Bulan Sabit Merah dengan harapan pelajar-pelajar ini dapat bertindak sebagai *first responder* dalam situasi kecemasan di sekolah. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 hingga 2025 termasuklah Latihan Peralatan Asas Pertolongan Cemas, Pertandingan Kemahiran Kebommbaan serta Bengkel Sukatan Kadet Bulan Sabit Merah.

ANTARA kandungan yang diterapkan dalam mata pelajaran-mata pelajaran ini tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan, adalah elemen-elemen keselamatan di rumah, di sekolah dan keselamatan siber, pematuan kepada peraturan dan undang-undang serta tanggungjawab sebagai ahli masyarakat.



SEBAHAGIAN yang hadir pada persidangan berkenaan.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

MEMPERKUKUH JARINGAN PROFESIONAL, AKADEMIK ANTARA NBD, KANADA



PESURUHJAYA Tinggi Kanada di NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan Majlis Resepsi bagi mengalu-alukan kumpulan terbaharu penerima Program Canada-ASEAN Scholarships and Educational Exchanges for Development (SEED - 2) bagi Sesi Akademik 2026 - 2027, di samping mengeratkan kembali hubungan dengan Komuniti Alumni Kanada - NBD yang semakin

berkembang.

Majlis Resepsi tersebut telah menghimpunkan kira-kira 50 orang, termasuk penerima biasiswa SEED, alumni dan rakan-rakan Kanada. Malah majlis ini menjadi wadah untuk meraikan pertukaran pendidikan, memperkukuh jaringan profesional dan akademik serta mengeratkan hubungan antara rakyat NBD dan Kanada yang telah terjalin sekian lama.

Pada tahun ini, tujuh pelajar dari universiti-universiti di NBD telah dianugerahkan biasiswa berkenaan bagi Sesi Akademik 2026 - 2027.

Penerima pada tahun ini ialah Dayang Nur Fa'izah binti Haji Ibrahim, Natalie Jia Xin Goh, Lee Huan Zhi, Awang Muhammad Bazli Taib Mahmud, Pengiran Nur Ameerah Barizah binti Pengiran Amir Faisal dan Awang Muhammad Nadzre Adzremeen Amir dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) serta Dayang Nur Iffwah binti Ariffin dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Para penerima biasiswa dijangka mengikuti Program Pertukaran Akademik di Lakehead University, University of Alberta, Memorial University of Newfoundland dan Kwantlen Polytechnic University, dengan pengajian dan penyelidikan dalam bidang termasuk kewangan, kejuruteraan mekanikal, matematik gunaan, ekonomi dan keselamatan makanan. Penyertaan mereka akan menyumbang kepada pertukaran ilmu serta terus memperkukuh kerjasama akademik antara NBD dan Kanada. Sejak NBD menyertai program ini pada tahun 2022, seramai 36 pelajar dari universiti-universiti tempatan telah mendapat manfaat daripada program biasiswa tersebut.

Pendidikan kekal menjadi salah satu tonggak penting dalam perkongsian yang semakin kukuh antara NBD dan Kanada, di samping memupuk kerjasama akademik yang berterusan serta hubungan bermakna antara rakyat kedua-dua buah negara.

Dalam ucapan Pesuruhjaya Tinggi Kanada di NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy menjelaskan bahawa kekuatan hubungan antara NBD dan Kanada terletak pada hubungan antara rakyat kedua-dua buah negara.

Melalui pengalaman mereka di Kanada tambah Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy, para penerima biasiswa dan alumni SEED menjadi duta persahabatan yang membawa pulang perspektif baharu, membina jambatan profesional dan kebudayaan serta mewujudkan jaringan yang merentasi sempadan.

"Kami berbesar hati mengalu-alukan para penerima biasiswa tahun ini dan

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad**

meraikan komuniti alumni kami, yang pengalamannya terus memperkayakan hubungan antara rakyat Kanada dan NBD yang telah terjalin sekian lama," ujar TYT Dr. Tamer Mansy lagi.

Majlis Resepsi yang berlangsung di Suruhanjaya Tinggi Kanada di NBD itu, turut meraikan pencapaian para alumni, yang kebanyakannya telah kembali selepas menjalani pertukaran akademik dan berada di Kanada, dan terus menyumbang kepada institusi serta komuniti masing-masing.

Pengalaman mereka telah membantu memperdalam kefahaman antara NBD dan Kanada, di samping memperluas hubungan profesional, akademik dan kebudayaan yang terus berkekalan

selepas tamat tempoh pengajian.

Dalam pada itu, Program SEED-2 dibiayai oleh Kerajaan Kanada melalui Global Affairs Canada sebagai sebahagian daripada Canada's Indo-Pacific Strategy. Program ini menyediakan peluang kepada pelajar dari Negara-Negara Anggota ASEAN, negara-negara kepulauan Pasifik dan Mongolia untuk mengikuti pengajian atau menjalankan penyelidikan jangka pendek di institusi pendidikan pasca-menengah di Kanada.

Melalui kerjasama akademik dan mobiliti pelajar, Program SEED-2 menyokong usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampaan, di samping memperkukuh kerjasama pendidikan serta hubungan antara rakyat Kanada dengan rakyat di rantau ASEAN.



ANTARA yang hadir pada Majlis Resepsi tersebut.

2 pesakit Republik Demokratik Timor-Leste jalani prosedur jantung di Gleneagles JPMC

JERUDONG, Isnin, 10 Ogos. - Gleneagles JPMC terus memperkukuh kerjasama kesihatan serantau dengan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste susulan rawatan terhadap dua pesakit lelaki dari Republik Demokratik Timor-Leste yang menjalani prosedur jantung di hospital berkenaan pada Julai 2026.

Kedua-dua pesakit berkenaan telah dirujuk untuk mendapatkan rawatan di bawah kerjasama kesihatan antara Kerajaan Timor-Leste dan Gleneagles JPMC melalui Kedutaan Republik Demokratik Timor-Leste di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diwakili oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres.

Seorang pesakit berusia 58 tahun menjalani prosedur penggantian injap Aortic dan penggantian Ascending Aorta secara serentak, manakala seorang lagi pesakit berusia 41 tahun menjalani prosedur penggantian injap Aorta.

Prosedur - prosedur berkenaan dikendalikan oleh pasukan pembedahan kardiotorasik yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Pembedahan Jantung dan Pakar Perunding Kanan Pembedahan Kardiotorasik Gleneagles JPMC, Pengiran Dr. Md. Nadzir bin Pengiran Mohd. Juanda.

Kedua-dua pesakit kini berada dalam keadaan stabil dan dijangka pulang ke negara asal dalam masa terdekat.

Inisiatif berkenaan mencerminkan

perkembangan kerjasama antara Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste dan Gleneagles JPMC dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia kepada negara-negara jiran di rantau ini.

Kejayaan prosedur yang dijalankan turut mencerminkan komitmen hospital terhadap kecemerlangan klinikal serta peranannya sebagai sebuah institusi penjagaan kesihatan yang dipercayai.

Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay, menyampaikan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste kerana memilih Gleneagles JPMC sebagai rakan penjagaan kesihatan yang dipercayai untuk menjalankan prosedur terhadap kedua-dua pesakit berkenaan.

"Kami berharap kerjasama ini dapat membuka peluang kepada lebih banyak rujukan dari Republik Demokratik Timor-Leste bagi mendapatkan rawatan dan prosedur berkaitan jantung. Proses pemulihan kedua-dua pesakit ini membuktikan kemahiran dan dedikasi pasukan kardiotorasik kami, di samping sistem sokongan yang kami sediakan untuk para pesakit," katanya.

Beliau turut menambah bahawa pihak hospital amat berbangga dapat menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan pesakit dari rantau ini, sambil menegaskan bahawa kerjasama dengan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste mencerminkan komitmen bersama

dalam meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan serta hasil rawatan yang lebih baik.

Jelasnya lagi, kami amat berbangga kerana dapat menjadi sebahagian daripada perjalanan rawatan jantung mereka dan akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang kepada semua.

"Saya mendoakan agar mereka selamat dalam perjalanan pulang dan terus dikumiikan kesihatan yang baik," ujarnya lagi.

Sementara itu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, menzahirkan rasa bangga dan penghargaan yang mendalam kerana berpeluang menyaksikan kumpulan pertama pesakit dari Republik Demokratik Timor-Leste berjaya menerima rawatan jantung di Gleneagles JPMC, NBD.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan, para doktor, jururawat dan seluruh pasukan perubatan atas profesionalisme, dedikasi serta penjagaan yang diberikan.

"Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos Horta, serta Pejabat Presiden, yang memberikan sokongan kewangan yang besar sehingga inisiatif penting ini dilaksanakan dan mencerminkan komitmen yang teguh terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat kami," ujar Tuan Yang Terutama

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN
Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"lawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres semasa sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Gleneagles JPMC

lagi. Dengan kumpulan pertama pesakit dari Republik Demokratik Timor-Leste menerima rawatan di Gleneagles JPMC melalui inisiatif berkenaan, Tuan Yang Terutama Abel Guterres berharap agar kerjasama berkenaan menjadi permulaan kepada sebuah hubungan yang berterusan dan berkekalan, sekali gus membuka ruang kepada kerjasama lanjut dalam bidang rawatan khusus, kepakaran perubatan, pertukaran profesional serta kerjasama penjagaan kesihatan yang lebih meluas.

Seiring dengan usaha berterusan

Gleneagles JPMC dalam memperkukuh kedudukannya sebagai pusat rawatan jantung *tertiary* terkemuka, hasil positif daripada prosedur-prosedur berkenaan menjadi bukti kepada keberkesanan kerjasama rentas sempadan serta kecemerlangan klinikal.

Pihak hospital kekal teguh dalam misinya untuk menyediakan rawatan jantung yang cemerlang dan meningkatkan hasil rawatan pesakit, bukan sahaja memulihkan kesihatan jantung, malah membawa perubahan positif kepada kehidupan keluarga dan masyarakat.

Sembahyang Sunat Fajr Dan Sunnah Berbaring Selepasnya

KELUARAN KEDUA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SELEPAS selesai mengerjakan sembahyang sunat Fajr, sunat membaca doa berikut sebanyak tiga kali dalam keadaan duduk :

اللَّهُمَّ رَبَّ جَبْرَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَغُلَّافِيلَ صَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَغُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya : Ya Allah! Tuhan Jibril, Israfil, Mika'il dan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam, aku berlindung denganMu daripada api neraka.

Amalan di atas adalah berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Ibn as-Sunni, al-Hakim dan lain-lain dan dinilai sebagai hadits *hasan* oleh Imam Ibn Hajar al-Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nata'ij al-Afkar*.

Setelah membaca doa di atas, disunatkan pula untuk berbaring bagi memisahkan di antara sembahyang fardhu Subuh dengan sembahyang sunat Fajr. Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah*, tuntutan sunat berbaring ini boleh dilakukan dengan apa cara sekalipun. Walau bagaimanapun, melakukannya dengan mengiring ke kanan sambil muka dan badan menghadap ke arah qiblat adalah lebih utama.

Hal ini juga bertepatan dengan perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sepertimana yang diriwayatkan dalam hadits-hadits, antaranya hadits yang diriwayatkan daripada 'A'isyah Radhiallahu 'anha, beliau berkata :

Maksudnya : Bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam apabila telah (selesai) mengerjakan sembahyang dua rakaat Fajr, Baginda berbaring (mengiring) di atas lambung kanan Baginda.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, adapun hikmah disunatkan berbaring dengan kaifiat sedemikian adalah bagi mengingatkan dirinya bagaimana dia akan berbaring dalam keadaan yang serupa di dalam kubur kelak. Dengan mengingati mati pada permulaan hari, ia akan mendorongnya memenuhi hari tersebut dengan ketaatan dan amal *shalih* serta menjauhi maksiat.

Jika tuntutan berbaring ini sukar dilakukan di tempat dia berada ketika itu, maka bolehlah dia berpindah ke tempat lain yang dia boleh melakukannya.

Tuntutan sunat berbaring selepas sembahyang sunat Fajr ini tidak terbatas dalam sembahyang tunai sahaja. Bahkan menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, ia juga dituntut dalam sembahyang fardhu Subuh yang dikerjakan secara qadha. Oleh yang demikian, orang yang terlepas mengerjakan sembahyang fardhu Subuh secara tunai, sekiranya dia mengerjakan qadha sembahyang sunat Fajr sebelum mengerjakan qadha sembahyang fardhu Subuh, dia tetap disunatkan berbaring selepas mengerjakan qadha sembahyang sunat Fajr itu.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah* lagi, berbaring selepas sembahyang sunat Fajr juga dituntut sekalipun sembahyang sunat Fajr itu dikerjakan selepas sembahyang fardhu Subuh. Oleh yang demikian, bagi orang yang tidak sempat mengerjakan sembahyang sunat Fajr sebelum sembahyang fardhu Subuh, contohnya ketika sampai ke masjid imam sudah mula mengerjakan sembahyang fardhu Subuh, sekiranya dia mengerjakan sembahyang sunat Fajr selepas itu, sunat atasnya berbaring selepas mengerjakan sembahyang sunat Fajr.

Imam asy-Syibramallisi, Imam asy-Syarwani *Rahimahumallah* dan sebahagian yang lain pula cenderung mengatakan bahawa bagi orang yang mengerjakan sembahyang sunat Fajr

selepas mengerjakan sembahyang fardhu Subuh, dia disunatkan berbaring sebelum mengerjakan sembahyang sunat Fajr bagi memisahkan di antara sembahyang fardhu Subuh dengan sembahyang sunat Fajr. Walau bagaimanapun, pendapat yang muktamad ialah ia disunatkan selepas sembahyang sunat Fajr, sama ada sembahyang sunat Fajr itu dilakukan sebelum atau selepas sembahyang fardhu Subuh.

Tuntutan sunat berbaring hendaklah ditunaikan dan jangan ditinggalkan selagi mampu. Jika tidak dapat melaksanakannya kerana sesuatu sebab, maka memadai dia memisahkan di antara sembahyang sunat Fajr dengan sembahyang fardhu Subuh itu dengan cara bercakap-cakap. Termasuk juga dalam maksud bercakap-cakap itu ialah berzikir atau membaca al-Qur'an atau berdoa kerana tujuan melakukan semua itu ialah bagi membezakan atau memisahkan antara sembahyang yang telah didirikan (sembahyang sunat Fajr) dengan sembahyang yang akan didirikan (sembahyang fardhu Subuh).

'A'isyah Radhiallahu 'anha berkata :

Maksudnya : Bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam apabila telah selesai menunaikan sembahyang dua rakaat, sekiranya ketika itu aku sedang terjaga, Baginda berbicara denganku, dan jika tidak, Baginda berbaring.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Walaupun bagaimanapun, menurut Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*, sekiranya seseorang itu memisahkan antara keduanya dengan cara bercakap-cakap, janganlah dia bercakap tentang hal keduniaan kerana perbuatan tersebut adalah makruh.

Selain bercakap-cakap, dia juga boleh memisahkan di antara sembahyang sunat Fajr dengan sembahyang fardhu Subuh itu dengan cara berpindah dari tempat dia mengerjakan sembahyang sunat Fajr atau lain-lain perbuatan.

Timbul persoalan, sekiranya seseorang



IRSYAD HUKUM

جِبَانٌ فِيهِ كَلْبَانٌ
جِبَانٌ فِيهِ كَلْبَانٌ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

itu belum berbaring tetapi telah bercakap-cakap atau berpindah tempat selepas mengerjakan sembahyang sunat Fajr, adakah gugur tuntutan sunat berbaring?

Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah*, sekalipun seseorang itu telah bercakap-cakap dan seumpamanya selepas sembahyang sunat Fajr, yang demikian itu tidak menggugurkan tuntutan sunat berbaring. Bahkan tetap sunat atasnya untuk berbaring sekalipun dia telah bercakap-cakap atau seumpamanya dan dia tetap mendapat ganjaran dengan perbuatan berbaringnya itu.

Demikian penjelasan mengenai sembahyang sunat Fajr dan sunnah berbaring selepasnya. Khusus mengenai sembahyang sunat Fajr ini sekalipun hanya sunat, namun keutamaan dan ganjarannya sangat besar kerana Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sendiri mengerjakannya secara istiqamah sebagaimana yang disebut dalam riwayat. Oleh itu, jadikanlah sembahyang sunat Fajr ini amalan harian dan jangan diabaikan tuntutan-tuntutan sunatnya termasuk sunnah berbaring selepasnya sebagai *ittiba'* serta bagi meraih keutamaan dan ganjaran yang lebih besar.

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولان قوسه دعوه اسلاميه

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Furqaan terjemahan makna ayat 62 :

"Dan Dialah yang menjadikan malam dan siang silih berganti untuk sesiapa yang mahu beringat (memikirkan kebesaran-Nya), atau mahu bersyukur (akan nikmat-nikmat-Nya itu)".

Umat manusia hendaklah bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Di antara sifat ketakwaan itu ialah dapat memanfaatkan masa dengan mengerjakan segala perintah-Nya sama ada yang bersifat Fardhu 'Ain mahupun Fardhu Kifayah. Untuk mengatur atau membahagikan masa kita tidak boleh sama sekali mengabaikan masa yang ada agar ianya tidak berlalu begitu sahaja.

Cepat sekali masa berlalu meninggalkan kita. Begitulah sifat masa yang sentiasa bergerak dan akan terus bergerak tanpa henti. Setiap manusia hanya mempunyai masa sebanyak 24 jam sehari. Namun begitu ada segelintir golongan manusia yang tidak mempunyai masa yang cukup untuk menguruskan kehidupan seharian sehingga banyak perkara dan keperluan hidup mereka tidak dapat dipenuhi. Manakala segelintir manusia pula mempunyai masa yang cukup dan dapat memenuhi keperluan hidup dengan sempurna.

Perkara ini terjadi adalah kerana

Utamakan masa dalam kehidupan seharian

mereka tahu bagaimana untuk mengurus dan mengatur masa mereka dengan sempurna dan teratur. Dan sebaliknya akan rugi jika tidak dapat mengurus masa dengan baik. Seperti kata pepatah Arab yang berbunyi maksudnya :

"Masa itu seperti pedang, jika kamu tidak memotongnya nescaya ia akan memotong kamu".

Memandangkan betapa pentingnya masa tersebut, maka agama Islam memberikan perhatian yang berat terhadap pengurusan masa yang mana umat manusia akan ditanya di akhirat kelak tentang apa masa-masa yang kita guna dan habiskan di sepanjang kehidupan kita di dunia ini.

Allah Subhanahu Wata'ala ada mengingatkan setiap hamba-Nya tentang masa melalui firman-Nya dalam Surah Al Ashr terjemahan makna ayat 1 hingga 3 :

"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran".

Dalam Al-Quran telah dijelaskan sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah mengingatkan kepada umat manusia itu sentiasa berada dalam kerugian sekiranya mereka tidak tahu menguruskan masa dengan baik dan menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti berhibur, lepak yang tak bermanfaat, suka berangan-angan, menabur fitnah, mengadu domba dan sebagainya. Walau bagaimanapun bagi

mereka yang beriman dan beramal salih akan sentiasa memperolehi keuntungan sama ada di dunia mahupun akhirat.

Agama Islam menyeru kepada seluruh umatnya agar mempergunakan masa dengan amalan baik secara berterusan dan bukan hanya terhad di hari-hari tertentu kerana amalan secara berterusan inilah yang amat digalakkan oleh Islam.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menyebutkan dalam beberapa surah yang menyentuh tentang kepentingan masa, antaranya dalam Surah Al Fajr terjemahan makna ayat 1 - 2 :

"Demi waktu fajar; dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah) ..."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Lail terjemahan makna ayat 1 - 2 :

"Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap gelitanya), Dan siang apabila ia lahir terang benderang ..."

Agama Islam tegas menghendaki umatnya melakukan kerja yang bersungguh-sungguh sehingga menghasilkan sesuatu secara berterusan, tekun, ikhlas, sabar dan berkualiti. Inilah yang diistilahkan sebagai istiqamah.

Banyak perkara-perkara kebaikan yang boleh diamalkan oleh umat manusia untuk diisi ke dalam aturan masa yang bermanfaat dan berfaedah antaranya :

- Sentiasa memperbanyakkan amalan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan tanpa jemu.

- Mengisi masa untuk menimba ilmu

pengetahuan.

- Menunaikan tuntutan Fardhu 'Ain seperti mengerjakan sembahyang, puasa dan sebagainya.

- Masa untuk memikir dan merancang masa depan.

- Masa untuk bersama ahli-ahli keluarga dan masyarakat setempat.

- Sentiasa memanfaatkan masa dengan berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan menghukum manusia yang melakukan kemungkaran selamanya sekiranya mereka mula insaf, mahu bertaubat kepada-Nya dan menyesali akan perbuatan yang dilakukan. Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memerhatikan manusia dari masa ke semasa. Dia tidak akan membiarkan orang yang melakukan kemungkaran itu terjerumus lebih mendalam, malah diberikan berbagai hidayah untuk menyedarkan manusia dari semasa ke semasa. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Faathir terjemahan makna ayat 45 :

"Kalaupun Allah menyiksa manusia disebabkan usaha mereka (yang jalan), tentulah Dia tidak akan membiarkan tinggal di muka bumi sesuatu makhluk yang bergerak. Tetapi (Dia tidak bertindak dengan serta merta, bahkan) Dia memberi tempoh kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu; kemudian apabila sampai tempoh mereka (maka Allah akan membalas masing-masing dengan adii-Nya), kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya".



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

**Syarat - Syarat Dan Peraturan
Dalam Menyertai Sebut Harga
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01-07 /
2026-2027
12 Months Term Contract For
Janitorial Cleaning /
Housekeeping Works At Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 Rabiulawal 1448H / 1
September 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



**Syarat - Syarat Dan
Peraturan Dalam Menyertai
Sebut Harga
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan**

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PE / 01-07 /
2026-2027
12 Months Term Contract For
Grass Cutting And Landscaping
Maintenance Works At Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PE / 02-07 /
2026-2027
12 Months Term Contract For
Operation And Maintenance
Work Of Air-Conditioning System
At Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
27 Rabiulawal 1448H / 09
September 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JPKK / JKSH2627-QTN.04 /
ADM
Membekalkan Buku Kupon
Hospital Dan Buku Resit
Kompau Polis Bagi Jabatan
Perbendaharaan, Kementerian
Kewangan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JPKK / JKSH2627-QTN.05 /
ADM
Membekalkan Barang Stor
Gunahabis (Toner Cartridge) Bagi
Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan

Tarikh Tutup / Jam :
Sabtu,
22 Ogos 2026
9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran
:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2,
Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Jalan
Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
KP (MC) SUT / 6.12 /
ASET / 01 / 2026
Perkhidmatan
Pembersihan Dalam Dan
Luar Bangunan
Kementerian
Pengangkutan Dan
Infokomunikasi, Jalan
Menteri Besar Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup dan Waktu:
Rabu,
19 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Sebut Harga:
BND5.00



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / K01 /
2026-2027
Membuka, Menghantar Dan
Memasang Penghawa Dingin
Bagi Sekolah Arab Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian
Hal Ehwal Ugama, Tahun 1448H
/ 2026M

**Bayaran Yuran Sebut
Harga:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
6 Rabiulawal 1448H / 19
Ogos 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
ITQSHHB / P / B / PK / 2006
/ 4 (26-27) - TL
Term Contract (12 Months) For
Janitorial Services At Institut
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha,
Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
ITQSHHB / P / B / PK / 2006 / 4
(26-27) - OSP
Term Contract (12 Months) For
Janitorial Services At Institut
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Block 2H
Jalan Ong Sum Ping,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu
26 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 06 /
2026 – 2027
Membekal Ulang, Membekal
Dan Menghantar Buku-Buku Teks
Persekolahan Ugama Darjah IV
Hingg VI, Bagi Sesi Pembelajaran
Tahun 2027, Jabatan Pengajian
Islam, Kementerian Hal Ehwal
Ugama, Tahun 1448H-1449H /
2026M-2027M

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
6 Rabiulawal 1448H
/ 19 Ogos 2026M,
tidak lewat jam
2.00 Petang.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-07
The Supply, Delivery,
Installation, Testing, And
Commissioning Of
Airport Network Switches
For Various Locations At
Brunei International Airport

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga /
Tawaran :**
Rabu
12 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga /
Tawaran :**
Selasa
25 Ogos 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga /
Tawaran :**
Rabu
26 Ogos 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 04 /
2026-2027
Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku Akademik Untuk
Kegunaan Pra U, Bagi Sekolah
Tinggi Arab Hassanal Bolkiah
(STA HB), Sesi Pembelajaran
Tahun 2027, Jabatan Pengajian
Islam, Kementerian Hal Ehwal
Ugama, Tahun 1448H-1449H /
2026M-2027M

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 05 /
2026-2027
Mencetak, Membekal Dan
Menghantar Buku-Buku Kompilasi
Pendidikan Islam Bagi Tahun 5
Dan Buku Pendidikan Islam, Sesi
Pembelajaran Tahun 2027,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1448H-1449H /
2026M-2027M

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 06 /
2026-2027
Mencetak Ulang, Membekal
Dan Menghantar Buku-Buku Teks
Persekolahan Ugama Darjah IV
Hingga VI, Bagi Sesi
Pembelajaran Tahun 2027,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1448H-1449H /
2026M-2027M

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
06 Rabiulawal 1448 H / 19
Ogos 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam




KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 54 (8)
The Supply Of Liquefied Petroleum (Gas) And Welding Gas – (5) Five Years Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Isnin, 24 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Tutup
Dilanjutkan Pada:**
Selasa
18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam Saliran
Di Jalan Bunga Simpung (PS2),
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0035 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Penyewaan Mesin Fotokopi
Untuk Jabatan Perikanan,
Serasa Muara
Selama 7 Bulan
(September 2026
Sehingga Mac 2027)

Tarikh Tutup :
Khamis,
20 Ogos 2026


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 037 / 2026
Menaiktaraf 11KV Metalclad
Switchgear & Pengukuhan
Rangkaian Bagi Stesen
Pensuisan E-Government (Recall)

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0034 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Soil Investigation Works For New
Proposed Seawater Intake
System At Lot 22563,
Kg Telisai, Mukim Telisai,
Daerah Tutong

Tarikh Tutup :
Khamis,
20 Ogos 2026


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**Pemberitahuan Iklan
Kementerian Pendidikan**

**Sebut Harga Bagi
Rancangan Pemakanan
Sekolah Dan Program
Harapan 2026**

**DA / JKSH / 92 / 2026 / 2027
[SV-OGOS-2026]**

**Sebut Harga
Bagi
Pembelian Dua (2)
Unit interactive Flat Panel
(Smart TV)
Bagi Dewan-Dewan Persidangan
Pusat Serantau SEAMEO
VOCTECH**

**Bayaran
Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu
Sebut Harga:**
Sabtu,
22 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi


**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
KEPI / BKSM / JKSH / ADMIN /
3 / 2026-2027

Membekalkan Satu (1) Unit
Kamera Dan Beberapa Aksesori
Berkaitan Bagi Kegunaan
Kementerian Ekonomi,
Perdagangan Dan Industri

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis
27 Ogos 2026,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBBSB / SH / 2026-2027 / 18 /
SPPP / 02

Three (3) Months And 15 Days
Term Contract Daily Cleaning
Of Tamu Kianggeh Complex
And Surrounding Areas



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 17

Tajuk Tawaran:
Storytelling Workshop For
Tourist Guide – Brunei Heritage
River Cruise Trail


**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN**
**Pemberitahuan
Iklan**

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
JPES / FIN / 6 /
SH.UMUM / 04

Kerja-Kerja Bagi Interior
Painting Of Office Wall Di
Jabatan Perancangan
Ekonomi Dan Statistik
Tingkat 2,
Kementerian Ekonomi,
Perdagangan Dan Industri

Tarikh Tutup:
Isnin,
17 Ogos 2026,
Jam 9.00 Pagi



(16 August Until 30 November
2026)

Tarikh Tutup:
Khamis,
13 Ogos 2026,
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 13 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

MENDUKUNG PEMBANGUNAN NEGARA YANG MAMPAN, BERDAYA TAHAN



SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pengerusi JKPK SDGs, hadir selaku tetamu kehormat majlis. Majlis pembukaan tersebut turut dihadiri oleh UNDP Resident Representative for Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Edward Vrkic.

**Oleh : Nooradini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan (JKPK) Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) bagi Negara Brunei Darussalam, melalui Pejabat Wawasan Brunei sebagai Sekretariat Jawatankuasa, pagi tadi mengadakan Majlis Pembukaan Forum SDGs Brunei: SDGs Beyond Limits dan Dialog Belia SDGs Kali Ke-3 bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara. Forum dan Dialog tersebut dikendalikan dengan kerjasama

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan, institusi-institusi pengajian tinggi dan Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), dengan sokongan oleh United Nations Development Programme (UNDP) for Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, selaku Pengerusi JKPK SDGs. Majlis turut dihadiri oleh UNDP Resident Representative for Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Edward Vrkic. Dalam ucapan alu-aluannya,

tetamu kehormat menekankan bahawa pembangunan mampan bukan hanya mengenai pencapaian sasaran, tetapi berteraskan rakyat dengan memastikan setiap individu mempunyai peluang untuk belajar, bekerja, mengambil bahagian dan menyumbang, selaras dengan prinsip Agenda 2030 untuk tidak meninggalkan sesiapa pun (Leave No One Behind). Tegasnya lagi, keterangkuman golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) juga perlu terus diperkukuh dengan menyediakan peluang dan ruang yang sewajarnya bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh UNDP Resident Representative for Malaysia, Singapore and Brunei

Darussalam, diikuti dengan ucapan bertajuk 'Advancing the SDGs: From Global Commitments to National Action' yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pejabat Wawasan Brunei, JPM, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, selaku Ketua Sekretariat JKPK SDGs.

Bertemakan 'SDGs Beyond Limits', forum dan dialog ini mengetengahkan pembangunan mampan yang inklusif, pendekatan pelbagai sektor dalam memacu kemajuan SDGs serta peranan aktif belia dalam menyumbang kepada perubahan yang positif dan mampan.

Usaha ke arah pencapaian SDGs turut melengkapi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat serta mendukung pembangunan negara yang mampan dan berdaya tahan.

Forum dan dialog berkenaan menghimpunkan wakil-wakil daripada kementerian dan agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan, belia, golongan OKU serta pihak-pihak berkepentingan yang lain. Sementara itu, Dialog Belia SDGs disertai seramai 44 orang peserta belia daripada pelbagai latar belakang.

Forum dan dialog tersebut berlangsung selama tiga hari, dari 10 sehingga 12 Ogos 2026, merangkumi sesi perbincangan dan perkongsian, lawatan sambil belajar ke pusat-pusat OKU serta sesi interaktif bersama golongan OKU. Hasil perbincangan akan menyumbang kepada penyediaan Pernyataan Belia SDGs (SDGs Youth Statement) dan seterusnya kepada pengisian Voluntary National Review Ke-3 Negara Brunei Darussalam pada tahun 2027.



UCAPTAMA bertajuk 'Advancing the SDGs: From Global Commitments to National Action' telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pejabat Wawasan Brunei, JPM, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, selaku Ketua Sekretariat JKPK SDGs.

Memperkukuh kompetensi, keupayaan negara menjalankan siasatan kemalangan udara, maritim



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), dengan kerjasama Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), hari ini mengadakan Bengkel Latihan Dalaman Mengenai Teknik dan Pengurusan Siasatan Kemalangan (Udara dan Maritim) yang dikendalikan oleh Transport Safety Investigation Bureau (TSIB), Republik Singapura, bertempat di Parkview Hotel, Jerudong. Hadir pada acara pembukaan berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC,

Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar. Bengkel selama lapan hari berkenaan merangkumi Aviation Investigation Techniques and Management Training yang diadakan pada 10 hingga 13 Ogos 2026, dan Marine Investigation Techniques and Management Training yang akan diadakan pada 17 hingga 20 Ogos 2026. Latihan berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kompetensi dan keupayaan negara dalam menjalankan siasatan kemalangan udara dan maritim secara bebas, objektif, profesional dan

menyeluruh, selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Keupayaan siasatan yang mantap adalah penting bagi memastikan setiap kemalangan dapat dikenal pasti punca dan faktor penyumbang secara teratur, seterusnya membolehkan pengajaran dan cadangan keselamatan diambil bagi mencegah kejadian yang sama daripada berulang. Usaha berkenaan merupakan antara langkah penting dalam memperkukuh tahap keselamatan dan daya tahan sektor pengangkutan negara. Penganjuran bengkel berkenaan juga mencerminkan kerjasama



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) hadir dan seterusnya menyampaikan ucapannya pada acara pembukaan Bengkel Latihan Dalaman Mengenai Teknik dan Pengurusan Siasatan Kemalangan (Udara dan Maritim) di Parkview Hotel, Jerudong baru-baru ini (kiri dan atas).

berterusan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama dalam Penyiasatan Kemalangan dan Insiden Pesawat Udara serta Marin yang telah ditandatangani pada 2017.

Seramai 30 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan agensi kerajaan serta pihak berkepentingan berkaitan menyertai bengkel berkenaan, termasuk Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), MPABD dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Selain mempertingkatkan kemahiran teknikal, bengkel berkenaan turut menyediakan

platform bagi perkongsian kepakaran, pengalaman dan pengetahuan, di samping memperkukuh penyelarasan dan jaringan profesional antara agensi yang terlibat dalam keselamatan dan penyiasatan kemalangan udara dan maritim.

Penganjuran bengkel berkenaan adalah selaras dengan komitmen berterusan MTIC untuk memperkukuh keupayaan dan kesiapsiagaan negara dalam bidang keselamatan pengangkutan, serta memastikan hasil dan pengajaran daripada sesuatu insiden dapat dimanfaatkan bagi penambahbaikan berterusan demi keselamatan pengguna dan kepentingan NBD.

TINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN MEMELIHARA MANUSKRIP

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kajian Manuskrip Islam telah menganjurkan Bengkel Pemeliharaan, Pemuliharaan, Pendigitalan dan Pengkatalogan Manuskrip bertempat di Bilik Kuliah, Tingkat 1, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bengkel sehari tersebut diadakan bersempena Mahrajan

Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-16 dan bertujuan untuk memberikan pendedahan serta pengetahuan praktikal mengenai kaedah penjagaan, pemuliharaan, pendigitalan dan pendokumentasian manuskrip secara sistematik.

Program ini juga menjadi wadah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara manuskrip sebagai khazanah

ilmu dan warisan intelektual Islam agar terus terpelihara serta dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Bengkel Pemeliharaan dikendalikan oleh Pegawai Sejarah, penBORNEO, Awang Muhammad Hefni bin Mahari dan Pegawai Pemeliharaan, Awang Muhammad Atailah bin Haji Julaihi.

Bengkel Pemuliharaan pula dibimbing oleh Kurator Pemeliharaan dan Pembaikan, Dayangku Amal Haziqah binti Pengiran Haji Abdul Mobeen; Pegawai Pemeliharaan, Dayang Khairunniza binti Sunny dan Pembantu Pemeliharaan / Makmal, Dayang Nurfatin Husna binti Laji.

Sementara itu, Bengkel Pendigitalan dikendalikan oleh Pegawai Arkib, Awangku Mohammad Faiz Fakhri bin Pengiran Zainal Abidin.

Bengkel Pengkatalogan pula

BENGKEL tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan serta pengetahuan praktikal mengenai kaedah penjagaan, pemuliharaan, pendigitalan dan pendokumentasian manuskrip secara sistematik (kiri dan atas kanan).



dikendalikan oleh para mahasiswa dan mahasiswi Pusat Kajian Manuskrip Islam iaitu Dayangku Siti Nur Hazimah binti Pengiran Rosli, Dayang Nur Zuhairah binti Suhaili, Dayang Amirah Syakirah binti Haji Zakaria, Dayang Nurul Hayati binti Awang Sulaiman, Dayang Nurin Khadijah @ Aina binti Haji Johari dan Awang Auza'ie Rusydi bin Suhaili.

Melalui pengisian teori dan latihan amali, para peserta didedahkan kepada teknik pengendalian manuskrip yang betul, kaedah mengenal pasti kerosakan, proses pemuliharaan

asas, penggunaan teknologi dalam pendigitalan serta penyediaan maklumat katalog bagi memudahkan proses penyimpanan, pencarian dan penyelidikan manuskrip.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen UNISSA dalam memperkasa kajian manuskrip Islam serta menggabungkan kaedah tradisional dan teknologi moden dalam usaha meneroka, memelihara dan menyebarkan khazanah ilmu sebagai pencetus pembentukan generasi Khayra Ummah.

Memartabatkan tulisan jawi sebagai khazanah ilmu, warisan Melayu Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



SEKITAR Bengkel Demonstrasi dan Membaca Tulisan Jawi serta Pertandingan Tulisan Jawi yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan Bengkel Demonstrasi dan Membaca Tulisan Jawi serta Pertandingan Tulisan Jawi bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Program yang diadakan bersempena Mahrajan Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-16 itu bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat masyarakat terhadap tulisan Jawi sebagai salah satu khazanah ilmu dan warisan penting dalam perkembangan agama, bahasa serta kebudayaan Melayu Islam.

Pada sebelah pagi, Bengkel Demonstrasi dan Membaca Tulisan Jawi telah dikendalikan oleh Pegawai Bahasa, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Raieham bin Mohd. Salleh.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta diberikan penerangan dan demonstrasi mengenai kaedah penulisan Jawi yang betul, bentuk serta penyambungan huruf, di samping latihan membaca dan menulis perkataan serta ayat dalam tulisan Jawi. Para peserta turut berpeluang mendapatkan bimbingan secara langsung daripada para fasilitator.

Pada sebelah petang, acara diteruskan dengan Pertandingan Tulisan Jawi yang menyaksikan penyertaan para peserta dalam dua kategori.

Bagi Kategori 'A', tempat pertama dimenangi oleh Dayang Lididaya Batrisyia binti Ade Mas Roney, diikuti Awang Muhammad Zaidulady bin Abdullah Ismady di tempat kedua dan Dayangku Nur Adlina Batrisyia binti Pengiran Shahri di tempat ketiga.

Sementara itu, bagi Kategori 'B', Awang Muhammad Khairul Aiman Akmal @ Yussof Almahdi bin Haji Rusli muncul sebagai johan, manakala Awang Haji Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Saldin meraih tempat kedua dan Dayang Nureen binti Mohd. Sallih di tempat ketiga.

Pertandingan tersebut menjadi medan kepada para peserta untuk mengetengahkan kebolehan serta ketelitian dalam menghasilkan tulisan Jawi yang kemas, tepat dan menarik. Pada masa yang sama, aktiviti berkenaan dapat menggalakkan generasi muda untuk terus mempelajari, menggunakan dan memartabatkan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen UNISSA dalam memelihara dan memperkasa tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada identiti Melayu Islam Beraja serta khazanah keilmuan yang perlu diwariskan kepada generasi akan datang. Usaha tersebut juga selaras dengan tema Mahrajan Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-16, 'Meneroka Khazanah Ilmu Pencetus Generasi Khayra Ummah'.

Penukaran nombor akaun Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Urus Setia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pertukaran nombor akaun Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) bagi memastikan kelancaran transaksi sumbangan dibuat dengan selamat dan betul.

Perbadanan TAIB telah mengemas kini nombor akaun Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid dari Akaun Simpanan Syarikat kepada Akaun Semasa Korporat yang telah dikuat kuasa pada 1 Januari 2026, iaitu no. akaun lama ialah 002109403102068 dengan status akaun tidak aktif. Manakala no. akaun baharu ialah 002109403149017 dengan status aktif.

Orang ramai yang berhasrat untuk membuat sumbangan ke Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, bolehlah menyumbang melalui nombor akaun baharu berkenaan.

Semoga amal jariah yang disumbangkan dibalas dengan pahala yang berlipat ganda serta diterima di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi +673 2233192 atau e-mel kepada tdbpm.jhem@gmail.com.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كشورين كمشورين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

PROGRAM KEMBARA ILMU : MEMUPUK KECINTAAN GENERASI MUDA TERHADAP MASJID

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PROGRAM Kembara Ilmu : Bilal dan Imam Cilik Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi menghimpunkan seramai 62 murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 daripada 17 buah sekolah rendah kerajaan dan 10 buah sekolah rendah swasta terpilih di seluruh negara (atas). Sementara gambar kiri, antara pengisian yang dilaksanakan termasuk antaranya lawatan di sekitar masjid dan sesi bimbingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Ke arah membentuk generasi muda yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malah memiliki akhlak mulia serta jati diri keislaman yang kukuh, terus menjadi keutamaan dalam usaha merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejajar dengan hasrat berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Sekolah Umum

(Pendidikan Islam), Jabatan Pengajian Islam (JPI), hari ini menganjurkan Program Kembara Ilmu : Bilal dan Imam Cilik Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Program yang diadakan sempena cuti penggal persekolahan ketiga berkenaan menghimpunkan seramai 62 murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 daripada 17 buah sekolah rendah kerajaan dan 10 buah sekolah rendah swasta terpilih di seluruh negara.

Program berkenaan merupakan antara usaha memperkukuh Program Bilal dan Imam Cilik yang mula diperkenalkan pada 2025,

khususnya dalam memberikan pendedahan dan pengalaman secara langsung kepada murid mengenai fungsi masjid serta tanggungjawab sebagai imam dan bilal.

Lebih daripada sekadar pembelajaran secara teori, para peserta berpeluang merasai sendiri pengalaman berada dalam suasana masjid melalui pelbagai aktiviti yang disusun sepanjang program.

Antara pengisian yang dilaksanakan termasuk penerangan mengenai tujuan dan peranan program, aktiviti *briskwalk*, lawatan di sekitar masjid, sesi bimbingan bersama imam dan bilal serta latihan dan tunjuk cara melaungkan azan dan

memimpin solat berjemaah.

Pendekatan sedemikian bukan sahaja bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal para peserta, malah menyemai keyakinan diri, disiplin dan nilai kepimpinan dalam diri mereka sejak usia muda.

Program berkenaan turut menjadi wadah untuk memupuk kecintaan generasi muda terhadap masjid serta menghayati kepentingannya sebagai pusat ibadah, pendidikan dan pembentukan sahsiah masyarakat Islam.

Melalui pengalaman yang diperoleh, para peserta diharap dapat memahami dengan lebih dekat amanah dan tanggungjawab seorang imam serta bilal, seterusnya mengembangkan

kemahiran yang dipelajari untuk diamalkan dalam kehidupan seharian dan di sekolah masing-masing.

Usaha berkenaan secara tidak langsung membuka ruang kepada lahirnya generasi pelapis yang mampu menyumbang kepada pengimaran masjid dan kesinambungan syiar Islam di negara ini.

Kembara Ilmu : Bilal dan Imam Cilik sekali gus mencerminkan pendekatan pendidikan Islam yang bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi turut memberikan pengalaman sebenar kepada murid agar nilai, kemahiran dan amalan yang dipelajari dapat terus sehati dalam kehidupan mereka.

MINDA PEMBACA

Transformasi digital dalam kehidupan harian

MAJLIS Digital Brunei telah memperkenalkan Digital Brunei 2030: The Digital Brunei Transformation Plan yang berhasrat untuk menetapkan hala tuju negara dalam pertubuhan digital menjelang 2030.

Transformasi digital bukan sekadar mengubah sistem analog ke digital menggunakan teknologi tetapi ia merupakan proses pembinaan ekosistem yang menyeluruh dan lebih mudah terutamanya dalam menguruskan urusan harian dan perhubungan.

Negara kita juga tidak ketinggalan dalam usaha transformasi digital. Contohnya, Brunei-ID diperkenalkan bagi memudahkan penduduk negara

untuk menggunakan perkhidmatan digital kerajaan. Pembayaran bil air dan elektrik juga dapat dilakukan dalam talian melalui sistem USMS. Dari segi ekonomi dan perniagaan pula, terdapat sistem pembayaran segera atau pemindahan wang melalui beberapa platform seperti Pocket dan Tarus.

Dengan adanya sistem automasi dan platform digital tersebut, berbagai urusan dan kerja harian dapat diselesaikan dengan lebih pantas. Sistem tersebut juga mudah diakses di mana saja pada bila-bila masa terutamanya bagi mereka yang mempunyai kekangan masa, ketiadaan kenderaan, atau tinggal jauh dari tempat urusan.

Selain itu, sistem-sistem tersebut juga mesra pelanggan dan mudah difahami jadi ia boleh digunakan oleh sesiapa saja tanpa mengira peringkat umur dan latar belakang.

Data dan maklumat merupakan aset penting dalam transformasi digital. Ini termasuk data pelanggan, data operasi, dan data transaksi yang digunakan untuk menganalisis corak data, perancangan strategi, dan penambahbaikan sistem. Data yang tersimpan di atas talian akan sentiasa berhadapan dengan risiko jenayah siber seperti kebocoran data peribadi, ancaman penggodaan, dan penipuan wang.

Penularan berita palsu dan penipuan media menggunakan

deepfake atau 'Generative AI' juga sering berlaku. Ini boleh menjatuhkan maruah seseorang, menyebabkan kemurungan dan masalah mental.

Transformasi digital merupakan sebuah perjalanan, bukan tujuan akhir. Ia perlu diiringi dengan pendedahan kepada budaya celik digital dan celik data secara menyeluruh. Hasrat negara Wawasan Brunei 2035 hanya akan dapat dicapai jika semua pihak bekerjasama, bukan hanya dengan membina pelbagai sistem tetapi juga dengan menambah baik semua sistem yang ada.

Nama : Dk. Siti Serbanun @ Dk. Ani
binti Pg. Hidup

No. K/P : 01-060XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ekopelancongan : Memelihara Alam, Menjana Ekonomi'. Tarikh Tutup : 12 Ogos 2026
2. 'Belia Berdaya Saing, Negara Gemilang'. Tarikh Tutup : 19 Ogos 2026
3. 'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MELAHIRKAN PENULIS MUDA BERBAKAT, BERDAYA CIPTA, BERWAWASAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengunakayahkan Program Penulis Muda 2026: Bengkel Penulisan Novel yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 12 Ogos 2026, di Balai Sarmayuda, DBP.

Bengkel tersebut dibimbing oleh Ruhaini Matdarin, penulis novel dari Sabah, Malaysia yang juga merupakan penerima Hadiah Sastera Sabah bagi sesi 2006/7, 2008/9, 2010/11, 2012/13 dan 2016/17 serta Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/18.

Majlis pembukaan bengkel telah diadakan pada pagi ini di Balai Sarmayuda dan disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny selaku tetamu khas.

Program berkenaan antara lain bertujuan mendorong penulis muda menghasilkan karya sastera yang berkualiti, membimbing mereka berkarya secara bersestematik dan terarah melalui tunjuk ajar pakar sastera dan penulis mapan dari dalam dan luar negara, serta membentuk generasi pelapis yang mampu menghasilkan karya sastera secara berterusan.

Ucapan alu - aluan disampaikan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku Pengerusi dan Pengasas Program Penulis Muda.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa program tersebut merupakan kesinambungan usaha murni

DBP dalam melahirkan penulis muda yang berbakat, berdaya cipta dan berwawasan agar kesinambungan tradisi penulisan sastera tanah air terus terjamin dan segar dalam arus zaman yang sentiasa berubah.

Dr. Haji Mohd. Ali turut menegaskan bahawa Bengkel Penulisan Novel 2026 merupakan satu lagi fasa penting dalam usaha memperkasa bakat penulis muda melalui bimbingan penulis mapan dari Malaysia, iaitu Ruhaini Matdarin. Sebelum ini, peserta Program Penulis Muda bagi Bengkel Cerpen turut mendapat manfaat daripada bimbingan penulis terkenal, Nisa Harun, sekali gus membuktikan kesungguhan DBP memastikan peserta memperoleh pendedahan terbaik daripada penulis-penulis berpengalaman di peringkat serantau.

Beliau seterusnya menyeru para peserta yang terpilih supaya memanfaatkan peluang tersebut dengan sebaik-baiknya melalui penghayatan ilmu secara mendalam, memberikan tumpuan penuh kepada bimbingan yang diberikan serta berani bertanya, mencuba dan memperbaiki karya masing-masing.

Dalam kesempatan itu, beliau turut mengemukakan beberapa saranan kepada para peserta, antaranya menjadikan disiplin menulis sebagai amalan harian kerana penulisan bukan sekadar bergantung kepada bakat, tetapi memerlukan latihan berterusan dan kesungguhan yang sebenar.

Dr. Haji Mohd. Ali juga menyarankan agar peserta memperbanyakkan pembacaan karya-karya besar dunia dan karya tempatan kerana seorang penulis yang baik lahir daripada

seorang pembaca yang tekun, di samping berani bereksperimen dengan bentuk, bahasa dan idea bagi mencipta suara penulisan yang unik dan autentik.

Selain itu, beliau menggalakkan peserta membina jaringan sesama penulis di dalam dan luar negara melalui dialog, pertemuan dan perkongsian pengalaman.

Sebagai inspirasi kepada para peserta, Dr. Haji Mohd. Ali mencontohkan tokoh sastera dunia seperti Mary Shelley yang menghasilkan novel agung 'Frankenstein' ketika berusia sekitar 19 tahun, serta F. Scott Fitzgerald yang menulis 'The Great Gatsby' pada usia awal 30-an. Menurut beliau, contoh tersebut membuktikan bahawa

usia muda bukan penghalang untuk menghasilkan karya besar dan berpengaruh.

Dalam ucapan yang sama, beliau turut menzahirkan harapan agar bengkel tersebut bukan sekadar menjadi medan latihan, tetapi menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi baharu penulis Brunei yang berwibawa, berjiwa bangsa dan mampu mengangkat kesusasteraan negara ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Program Penulis Muda merupakan projek bimbingan dan peremajaan bakat sastera yang mengangkat moto 'Tulis, Gugah Minda, Ubah Dunia', dengan sasaran penyertaan golongan muda berumur antara

15 hingga 35 tahun.

Sejak mula dianjurkan pada tahun 2019 hingga 2025, program tersebut telah berjaya membimbing 224 penulis muda menerusi tujuh kali pelaksanaan. Melalui pelbagai genre bengkel penulisan kreatif yang diunkayahkan, peserta berpeluang mendalami teknik penulisan kreatif, memperkukuh kemahiran berkarya dan menerima bimbingan secara langsung daripada pembimbing berpengalaman.

DBP akan terus komited memperkasa perkembangan bahasa, sastera dan budaya bangsa melalui pelbagai program dan kegiatan yang bermanfaat kepada masyarakat serta menyumbang kepada pemartabatan bahasa dan sastera Melayu di Negara Brunei Darussalam.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Sayur Nanas Daun Bagu Kampung Kiarong

BAHAN-BAHAN :

1 biji nenas
3 ulas bawang merah
3 ulas bawang putih
3 sudu makan lada kisar
Minyak untuk menumis
Beberapa lembar daun bagu
2 biji lada hidup

500ml air

CARA-CARA MEMASAK :

Panaskan sedikit minyak, kemudian tumis bawang merah, bawang putih dan lada kisar sehingga naik bau dan pecah minyak. Masukkan nenas yang

telah dihiris nipis. Tuangkan air dan biarkan mendidih. Masukkan daun bagu yang telah dipotong-potong. Perasakan dengan garam dan gula mengikut cita rasa. Akhir sekali, masukkan hirisan lada hidup. Angkat dan sedia untuk dihidangkan.



SUASANA pada Program Penulis Muda 2026: Bengkel Penulisan Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera, yang diadakan di Balai Sarmayuda, DBP (atas dan bawah).





Daripada Kepercayaan Mistik kepada Sains: Perjalanan panjang memahami kesihatan mental

SEKJAK sekian lama, pemahaman manusia terhadap kesihatan mental telah berkembang melalui pelbagai fasa dan pengalaman tamadun. Pada peringkat awal, perubahan emosi dan tingkah laku yang tidak biasa sering ditafsirkan melalui kepercayaan spiritual, budaya dan tradisi masyarakat setempat. Dalam konteks tersebut, keadaan sebegini kadangkala dikaitkan dengan unsur ghaib, dan pelbagai bentuk rawatan tradisional diamalkan berdasarkan keyakinan dan pemahaman ketika itu.

Walaupun bagaimanapun, perkembangan sejarah turut menunjukkan bahawa usaha memahami kesejahteraan minda tidak pernah terhenti pada satu pendekatan sahaja. Dalam beberapa tamadun awal, telah wujud usaha untuk melihat hubungan antara tubuh, minda dan keseimbangan hidup sebagai asas kesihatan manusia. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa kesejahteraan emosi bukanlah sesuatu yang terpisah, tetapi berkait rapat dengan gaya hidup, persekitaran dan keseimbangan dalaman seseorang.

Seiring perjalanan masa, kefahaman terhadap kesihatan mental semakin berkembang apabila pendekatan yang lebih berasaskan pemerhatian dan pengalaman mula diperkenalkan. Dalam fasa ini, gangguan emosi tidak lagi semata-mata dikaitkan dengan unsur luar biasa, sebaliknya mula difahami sebagai

sebahagian daripada keadaan kesihatan manusia. Pendekatan rawatan juga mula berubah kepada kaedah yang lebih berfokus kepada penjagaan diri, keseimbangan hidup dan sokongan sosial sekali gus membuka ruang kepada rawatan yang lebih berperikemanusiaan.

Namun begitu, perkembangan ini tidak berlaku secara seragam di semua tempat dan masa. Dalam sesetengah zaman, terdapat kembali kecenderungan untuk mengaitkan gangguan emosi dengan kepercayaan tertentu yang menyebabkan sebahagian individu menerima layanan yang kurang sesuai dengan prinsip penjagaan kesihatan moden. Hal ini menggambarkan bahawa kefahaman manusia terhadap kesihatan mental sentiasa dipengaruhi oleh latar budaya, pengetahuan dan keadaan sosial semasa.

Dalam masa yang sama, terdapat juga tradisi ilmu yang melihat kesihatan sebagai satu kesatuan antara jasmani dan rohani. Pendekatan ini menekankan kepentingan keseimbangan emosi, sokongan persekitaran, serta peranan gaya hidup dalam membantu proses pemulihan. Unsur seperti ketenangan, muzik, hubungan sosial dan sokongan moral telah lama digunakan sebagai sebahagian daripada usaha menjaga kesejahteraan minda, menunjukkan bahawa pendekatan holistik bukanlah sesuatu yang baharu dalam sejarah manusia.

Oleh : Mohamad Elmy Maswandi Suhaimi dengan kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Ilustrasi : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

Memasuki era moden, perkembangan sains dan teknologi telah membawa perubahan besar dalam memahami kesihatan mental. Bidang perubatan dan psikologi kini telah membolehkan kajian dilakukan dengan lebih sistematik terhadap faktor biologi, psikologi dan sosial yang mempengaruhi kesejahteraan emosi manusia. Dalam masa yang sama, pendekatan tradisional seperti meditasi dan amalan ketenangan diri turut kembali diberi perhatian dalam kajian moden sebagai kaedah sokongan kepada kesihatan mental.

Walaupun begitu, dalam arus maklumat yang semakin pantas hari ini, cabaran baharu turut timbul apabila pelbagai istilah kesihatan mental digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian. Dalam situasi ini, perbezaan antara tekanan kehidupan yang normal dan keadaan yang memerlukan bantuan profesional kadangkala menjadi kurang jelas. Oleh itu, kefahaman yang seimbang amat diperlukan, di samping rujukan kepada sumber yang sahih serta nasihat daripada pihak yang berkelayakan.

Di Negara Brunei Darussalam, usaha memperkukuh kesedaran mengenai kesihatan mental

adalah selari dengan aspirasi negara untuk membina masyarakat yang sejahtera dan berdaya tahan sebagaimana yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035. Kesejahteraan negara bukan sahaja diukur melalui kemajuan fizikal dan ekonomi, tetapi juga melalui keseimbangan mental, emosi dan rohani rakyatnya. Justeru, peranan keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti amat penting dalam menyediakan persekitaran yang menyokong kesejahteraan bersama.

Sebagai penutup, perjalanan memahami kesihatan mental ini memperlihatkan bahawa manusia sentiasa berusaha mencari keseimbangan antara pengetahuan, pengalaman dan nilai kemanusiaan. Kesedaran yang semakin meningkat pada hari ini wajar disambut dengan positif, namun ia perlu disertai dengan kefahaman yang lebih mendalam serta sokongan bersama daripada pelbagai pihak.

Pada akhirnya, kesihatan mental bukanlah tanggungjawab individu semata-mata, tetapi amanah bersama dalam membina masyarakat yang lebih prihatin, sejahtera dan harmoni.





Toleransi sesama jiran cerminkan keharmonian

KEJIRANAN didefinisikan sebagai hubungan erat dalam kalangan masyarakat yang hidup berbaik-baik, bertolak ansur, sentiasa bertegur sapa, berkongsi rezeki makanan dan bekerjasama dengan jiran tetangga dan saling membantu ketika dalam kesusahan.

Dalam hidup berjiran, kita tidak mahu hidup mementingkan diri sendiri bagaikan enau melepaskan pucuk masing-masing. Sikap individualistik akan menggugat keharmonian hidup bermasyarakat. Jiran adalah orang yang paling dekat untuk meminta pertolongan pada saat kita ditimpa bencana atau musibah seperti kebakaran, kecurian, kemalangan dan kematian.

Sebagai jiran yang baik, adalah perlu bagi kita untuk sentiasa mewujudkan suasana kemesraan melalui usaha kenal-mengenal dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Mulakan salam dan senyuman jika bertemu sesama Muslim atau ucapan penghormatan yang baik jika bertemu dengan bukan Muslim. Hendaklah sentiasa bertoleransi yang melibatkan urusan keagamaan, adat resam, budaya, cara hidup dan lain-lain lagi. Di samping itu, sikap negatif

seperti buruk sangka, iri hati, dengki, fitnah dan sebagainya perlulah dikikis dan dijauhkan. Sememangnya diakui bahawa usaha memupuk semangat kejiranan perlu dilakukan dengan gigih dan berterusan.

Pandangan dari sudut Islam dalam kehidupan berjiran

Islam menggariskan beberapa peraturan dalam hidup bermasyarakat. Antara peraturan hidup yang sepatutnya disemai dalam diri setiap anggota masyarakat ialah menghormati dan berbuat baik kepada jiran tetangga. Sebagai jiran yang baik, seseorang itu seharusnya mengenali siapa yang tinggal di persekitaran rumahnya. Ini akan memudahkan seseorang itu untuk lebih peka dengan masalah dan situasi yang dihadapi oleh jiran. Kesusahan yang ditanggung oleh jiran mereka hendaklah dibantu semampu mungkin.

Islam amat menitikberatkan hubungan kejiranan ini kerana ia adalah salah satu daripada cara hidup Islam. Jadi umat Islam berkewajipan mengekalkan hubungan baik dengan jiran, demi mewujudkan kehidupan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Ilustrasi dan Infografik : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

setempat yang aman dan harmoni.

Tuntutan supaya berbuat baik dengan jiran dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud : *"Hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh"*. (Surah An-Nisa, ayat 36).

Kehidupan berjiran yang baik tidak semestinya dengan berkongsi makanan sahaja tetapi juga apa-apa yang melibatkan hal-hal tertentu yang bagi sesetengah orang hanya perkara kecil. Umpamanya jangan menyusahkan jiran seperti meletakkan sesuatu atau meletakkan kereta yang boleh menghalang laluan ke rumah mereka kecuali setelah mendapat kebenaran dan izin daripadanya.

Betapa pentingnya hubungan kejiranan itu, apabila ia dikaitkan dengan iman. Keimanan seseorang yang tidak menghormati dan kasih jirannya adalah masih belum sempurna. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : *"Tidak sempurna iman seseorang itu, sebelum dia kasihkan jiran tetangganya, sebagaimana dia kasihkan dirinya sendiri"*. (Riwayat Muslim, 64).

Jelas di sini bahawa keimanan seseorang itu tidak sempurna jika dia menyakiti jirannya sama ada melalui celaan, fitnah, berburuk sangka dan sifat keji lain.

Hidupkan semangat kejiranan

Kemuncak hubungan kejiranan yang baik adalah apabila sanggup mengetepikan kesenangan dan kerehatan diri semata-mata untuk membantu jiran pada masa diperlukan. Pertolongan seperti ini amat diperlukan pada masa kecemasan sementara menunggu bantuan pihak-pihak berwajib atau sanak-saudara. Hanya hubungan yang kuat antara jiran dapat melahirkan suasana seperti ini.

Pengorbanan seumpama ini sememangnya tidak mudah dilupakan oleh sesiapa pun apatah lagi jiran yang terdekat. Semakin kerap kita menolong jiran maka pada masa yang sama semakin kuat pula ikatan kejiranan. Dengan sebab itu, amalan

menolong jiran adalah amalan yang paling berkesan dalam mengekalkan hubungan kejiranan yang baik sekalipun telah berpindah rumah.

Hidup rukun bersama jiran

Hidup dikelilingi jiran yang baik adalah satu rahmat dan banyak memberi manfaat kepada kita. Umpama satu rezeki yang sentiasa diharapkan, mendapat jiran yang baik akan menjadikan persekitaran kehidupan berjiran yang harmoni. Jiran yang sepakat dan bersatu padu mampu menjamin keselamatan kawasan setempat daripada ancaman kecurian, pecah rumah dan sebagainya.

Di negara kita perkara ini dapat dilakukan dengan Pengawasan Kejiranan yang dikelolakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Dengan semangat kejiranan ini akan memberikan kesempatan untuk saling mengenali di antara satu dengan yang lain dan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama insan. Kewujudan hubungan ini akan merangsang sikap pemedulian dan mengekalkan kehidupan berjiran yang harmoni dalam kalangan penduduk.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang bermaksud : *"Bertolong-tolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan"*. (Surah Al-Maidah, ayat 2).

Kesimpulan

Impian mempunyai jiran yang baik tidak akan terlaksana sekiranya kita sendiri belum menjadi seorang jiran yang baik terlebih dahulu. Walau sebesar mana sekalipun gelombang perubahan yang melanda masyarakat kita, namun semangat kejiranan tetap menjadi keutamaan. Hiduplah kita bagai aur dengan tebing, saling memerlukan, saling mengukuhkan. Sinergi dan usaha sama sebeginilah sewajarnya dijadikan panduan dan diaplikasikan dalam institusi masyarakat bagi mencetuskan semangat kejiranan yang utuh. Hidup berbaik-baik dan bersama dalam kejiranan yang sempurna adalah idaman setiap orang. Justeru marilah kita realisasikan suasana itu untuk keharmonian hidup berjiran.

Cara menjaga hubungan baik sesama jiran



Bertegur sapa : Berikan senyuman dan ucapkan salam atau apa khabar setiap kali bertembung.

Berkongsi rezeki : Berikan sedikit makanan kepada jiran sebagai tanda ingatan dan mesra.

Bantu-membantu : Hulurkan bantuan jika jiran berada dalam kesusahan atau memerlukan pertolongan. Sentiasa membantu jiran apabila ditimpa musibah.



Jaga tingkah laku : Elakkan daripada membuat bising atau perbuatan yang boleh menyakiti hati jiran. Jangan menyusahkan jiran sama ada dari segi perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku.



Sertai aktiviti : Turut serta dalam aktiviti gotong-royong atau majlis di kawasan perumahan. Ini dapat mengukuhkan lagi ukhuwah sesama jiran.

JPES LAKSANAKAN PENYENARAIAAN TEMPAT KEDIAMAN SEHINGGA 23 OGOS 2026



ORANG ramai dinasihatkan supaya mengesahkan identiti pegawai kajian dengan memeriksa pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) sedang melaksanakan Penyenaiaian Tempat Kediaman (Houselisting) bermula 3 hingga 23 Ogos 2026 melibatkan isi rumah di kawasan yang telah ditetapkan.

Penyenaiaian tersebut bertujuan untuk mengemaskinikan senarai tempat kediaman serta maklumat isi rumah di kawasan terpilih sebagai persediaan bagi Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2026 yang akan dijalankan pada 5 Oktober hingga 1 November 2026. Hasil kajian berkenaan akan digunakan oleh pihak kerajaan dalam merangka dasar-dasar ekonomi dan sosial yang lebih komprehensif dan berkesan.

Pegawai - pegawai kajian akan mengunjungi tempat-tempat kediaman bagi mendapatkan

Siaran Akhbar dan Foto / Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

maklumat yang diperlukan, termasuk nama dan nombor telefon ketua keluarga atau isi rumah, jumlah ahli isi rumah serta alamat tempat kediaman yang terpilih. Setelah proses pengumpulan maklumat selesai, pegawai berkenaan akan memasang pelekat penanda di setiap tempat kediaman yang telah disenaraikan.

Bagi memastikan proses berjalan lancar, isi rumah yang terpilih dinasihatkan supaya mengesahkan identiti pegawai kajian dengan memeriksa pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES. Isi rumah yang mempunyai haiwan peliharaan, khususnya anjing, turut disarankan menempatkan haiwan tersebut di lokasi yang bersesuaian demi keselamatan pegawai semasa menjalankan lawatan.

KTK 2026 dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 Undang-Undang Negara Brunei

Darussalam. JPES memberi jaminan bahawa semua maklumat yang dikumpulkan adalah sulit dan hanya digunakan bagi tujuan perangkaan.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sehingga BND4,000.

Sehubungan itu, JPES mengharapkan sokongan dan kerjasama semua keluarga atau isi rumah yang terpilih bagi menayakan Penyenaiaian Tempat Kediaman dan KTK 2026.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2026 boleh diajukan melalui telefon dan WhatsApp +673 7469844 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, 7.45 pagi hingga 4.30 petang), e-mel labourforce.survey@jpes.gov.bn atau melayari www.deps.gov.bn.

Operasi Kakas JIPK 2026 membendung kesalahan imigresen



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait semasa menjalankan Operasi Kakas JIPK 2026 di kawasan persekitaran Mukim Seria.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

SERIA, Isnin, 10 Ogos. - Operasi Kakas JIPK 2026 terus giat dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait bagi membendung kesalahan imigresen di Negara Brunei Darussalam.

Dalam operasi yang dijalankan di kawasan persekitaran Mukim Seria, seramai 16 warganegara asing telah diperiksa dan enam daripadanya ditahan untuk siasatan lanjut.

Menurut Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), daripada jumlah tersebut, lima orang warganegara asing dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Sementara itu, seorang lagi warganegara asing dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini selepas pas imigresennya matush.

Kesemua individu yang ditahan telah dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

Dalam perkembangan berasingan, JIPK turut memaklumkan mengenai satu sesi pendakwaan yang telah dijalankan melibatkan Norhani binti Jamudin, seorang perempuan warganegara Malaysia berumur 45 tahun.

Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama 24 bulan dan denda sebanyak BND3,500 selepas didapati bersalah atas tiga kesalahan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu Bab 36 - masuk semula ke negara ini selepas diusir secara sah; Bab 5(1) - masuk ke negara ini tanpa melalui Pos Kawalan yang diisytiharkan; dan Bab 6(1)(c) - masuk dan tinggal di negara ini tanpa mempunyai Pas Imigresen yang sah.

Tertuduh gagal membayar denda yang dikenakan dan hukuman tersebut digantikan dengan tambahan pemenjaraan selama tiga bulan, menjadikan keseluruhan tempoh pemenjaraannya 27 bulan.

Hukuman berkenaan mula berkuat kuasa pada 25 Jun 2026.

JIPK menegaskan bahawa operasi penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang imigresen serta memelihara keselamatan dan ketenteraman negara.

Meningkatkan kesedaran kaedah mengenal pasti mangsa jenayah pemerdagangan orang

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran serta memperkukuh inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengendalikan taklimat jerayawara mengenai Jenayah

Pemerdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada 22 kakitangan Kedutaan Republik Filipina di NBD yang diadakan di Jalan Kebangsaan, di sini.

Objektif utama taklimat berkenaan adalah untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran para peserta mengenai kaedah mengenal pasti individu yang berpotensi menjadi mangsa jenayah pemerdagangan orang di negara ini.

Pihak penguatkuasa dan agensi barisan hadapan disarankan agar sentiasa berwaspada serta mengenal pasti identiti individu yang berkemungkinan terjebak dan dieksploitasi sebagai mangsa pemerdagangan manusia.

Kerjasama pihak kedutaan selaku agensi berkepentingan amat diperlukan bagi memainkan peranan dalam menangani isu pemerdagangan manusia, di samping bersama-sama membantu PPDB membanteras jenayah berkenaan.



TAKLIMAT jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in Persons) telah disampaikan oleh Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei kepada 22 kakitangan Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam.



PASUKAN EKSPEDISI SAINTIFIK REPUBLIK RAKYAT CHINA BERJAYA LAKUKAN PENYELIDIKAN STESEN AIS DI PUSAT LAUTAN ARTIK

BEIJING, 11 Ogos. - Kapal pemecah ais China Xuelong 2 berjaya melakukan operasi penyelidikan stesen ais sulungnya di pusat Lautan Artik pada Ahad, sekali gus menandakan misi pasukan ekspedisi saintifik Lautan Artik ke-16 negara itu memasuki

fasa penting.

Sebelum ini, Kapal Xuelong turut berjaya menyelesaikan operasi penyelidikan stesen ais

kali ke-12 pada 7 Ogos lepas.

Operasi penyelidikan stesen ais itu melibatkan pemerhatian komprehensif dalam bidang

lapisan sempadan atmosfera, fizik ais laut, ekologi bawah ais dan lautan bawah ais, sekali gus menyediakan data pemerhatian di lokasi jangka panjang serta pengesahan bagi proses evolusi sistem interaksi antara atmosfera, ais laut dan lautan dalam konteks perubahan pesat ais laut Artik.

Pasukan ekspedisi saintifik

Lautan Artik ke-16 yang bertolak dari Dalian, wilayah Liaoning, Republik Rakyat China pada 3 Julai lepas, terdiri daripada empat kapal iaitu Xuelong, Xuelong 2, Jidi dan Tansuo 3, untuk melaksanakan misi ekspedisi yang diatur oleh Kementerian Sumber Asli China.

- ©BERNAMA

Jepun berjaya lancar roket H3 bawa satelit penentu kedudukan

TANEGASHIMA (Jepun), 11 Ogos. - Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA) pada Selasa berjaya melancarkan roket H3 dan menempatkan sebuah satelit penentu kedudukan ke orbit, menandakan kejayaan kedua berturut-turut roket utama Jepun itu selepas kegagalan pada Disember tahun lepas, lapor Kyodo News.

Rocket H3 No. 9 berlepas dari Pusat Angkasa Tanegashima di Tanegashima, sebuah pulau kecil di barat daya Jepun, awal Selasa

dengan membawa satelit penentu kedudukan Michibiki No. 7.

Satelit itu merupakan sebahagian daripada Sistem Satelit Kuasi-Zenit Jepun yang digunakan untuk menyediakan maklumat lokasi bagi telefon pintar dan sistem navigasi kenderaan.

Pelancaran itu pada asalnya dijadualkan Jumaat lepas, namun ditunda ke Isnin susulan taufan sebelum ditangguhkan sehari lagi akibat cuaca buruk di sekitar tapak pelancaran.

Pada Disember lepas, agensi itu melancarkan Michibiki No. 5 menggunakan roket H3 tetapi gagal menempatkan satelit berkenaan ke orbit, sekali gus menyebabkan pelancaran satelit No. 7 yang dirancang pada Februari turut ditangguhkan.

Kerajaan Jepun menyasarkan tujuh satelit seumpama itu berada di orbit bagi menyediakan perkhidmatan sepenuhnya tanpa bergantung kepada negara lain. - ©BERNAMA

Angka korban gempa bumi Colombia meningkat kepada 111

BOGOTA, 11 Ogos. - Angka korban akibat gempa bumi 7.4 magnitud yang melanda barat Colombia pada Isnin meningkat kepada 111 orang di seluruh negara, manakala 87 lagi cedera, kata Presiden Colombia Abelardo de la Esparilla di Bogota, lapor Xinhua.

De la Esparilla berkata gempa itu turut mengakibatkan 1,575 rumah serta infrastruktur di enam lapangan terbang rosak, serta menyebabkan operasi penerbangan komersial digantung.

Kerajaan Colombia pada Isnin mengisytiharkan bencana nasional bagi menangani kesan gempa bumi berkenaan.

Menurut Perkhidmatan Geologi Colombia, gempa berlaku pada 7.34 pagi waktu tempatan di barat negara itu.

Pusat gempa dikesan berhampiran San Jose del Palmar di wilayah Choco, pada kedalaman 96 kilometer. - ©BERNAMA

Ferrari bernilai £3.7 juta antara kenderaan disita dalam operasi polis

LONDON, 10 Ogos. - Polis menyita sebuah Ferrari edisi terhad bernilai £3.7 juta (USD5 juta) dalam operasi membanteras pemanduan antisosial di tengah London, lapor PA Media/dpa.

Polis Metropolitan memaklumkan bahawa 90 kenderaan bernilai lebih £8 juta disita dalam operasi yang menyasarkan pemanduan tanpa insurans, antisosial dan berbahaya di Kensington, Chelsea dan Hyde Park dari Jumaat hingga Ahad.

Menurut kenyataan Polis Metropolitan, Ferrari Monza SP2 itu, yang merupakan satu daripada hanya 499 unit keluaran syarikat automotif Republik Itali berkenaan, baru berada di United Kingdom selama sehari.

Polis berkata pemandunya, yang memandu kereta itu kurang daripada setengah jam sebelum ditahan, hanya memiliki lesen memandu percubaan dan tidak mempunyai insurans.

Sebuah daripada kenderaan edisi terhad itu dijual pada harga hampir USD5 juta dalam satu lelongan awal tahun ini.

Sebanyak 15 kenderaan disita mengikut kuasa baharu yang membolehkan polis merampas kenderaan terbabit tanpa mengeluarkan amaran sekiranya ia terlibat dalam perlakuan antisosial.

Ketua Inspektor Khas Geoff Tatman, yang mengetuai operasi itu, berkata pihaknya sering menerima aduan daripada penduduk tempatan yang muak dengan pemandu yang memandu secara berbahaya atau mengubah suai kenderaan sehingga mengganggu penduduk berhampiran.

"Menerusi operasi seperti ini, kami menahan pemandu terbabit dan menyita kenderaan mereka bagi memastikan jalan raya kekal selamat serta menghantar mesej yang jelas bahawa kami tidak akan bertolak ansur dengan tingkah laku

cuai dan berbahaya," katanya.

Pemeriksaan kenderaan turut membawa kepada penahanan seorang lelaki yang disyaki mengendalikan barangan curi dan terlibat dalam pengubahan wang haram selepas polis menemui 19 kad bank atas nama individu lain serta wang tunai melebihi £2,500 dalam simpanannya.

Seorang lagi lelaki yang ditahan kerana memandu tanpa insurans ditangkap kerana disyaki memiliki dadah untuk tujuan pengedaran. Seorang lagi individu pula ditahan kerana menggunakan kata-kata dan tingkah laku yang berkemungkinan menyebabkan gangguan, ketakutan dan keresahan, manakala seorang lagi ditahan atas kesalahan imigresen.

Polis berkata jumlah dan nilai kenderaan yang disita itu merupakan yang tertinggi sepanjang tempoh lima tahun operasi berkenaan dijalankan. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan di British Columbia masih belum terkawal

VANCOUVER, 10 Ogos. - Kebakaran hutan besar di wilayah British Columbia, Kanada masih belum dapat dikawal, menurut pihak berkuasa pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kebakaran itu meliputi kawasan seluas lebih 100 kilometer persegi, dengan lebih 20,000 penduduk terpaksa meninggalkan kediaman masing-masing.

Kebakaran kini merebak sehingga ke Tasik Okanagan, sekali gus menyebabkan api tidak lagi merebak seantas sebelum ini.

Pasukan kecemasan sedang berusaha melindungi kediaman di pinggir bandar Summerland yang mempunyai kira-kira 12,000 penduduk.

Arahan pemindahan bagi

ribuan penduduk masih berkuat kuasa, membabitkan kira-kira 10,000 hartanah di wilayah berkenaan.

Menurut pihak berkuasa, lebih 50 orang diselamatkan dengan helikopter selepas terperangkap akibat kebakaran.

Polis turut menyiasat laporan kemungkinan berlaku kematian, namun perkara itu masih belum disahkan dan punca kebakaran masih dalam siasatan.

Kerajaan Persekutuan Kanada turut menjanjikan bantuan termasuk menyediakan tempat penginapan kepada penduduk yang dipindahkan.

Menteri Pengurusan Kecemasan Eleanor Oliszewski menerusi X berkata permohonan bantuan daripada British

Columbia telah diluluskan.

Usaha memadam kebakaran terjejas akibat cuaca panas dan kering serta asap tebal.

Pasukan kecemasan turut menerima bantuan dari luar negara termasuk Mexico, Australia dan New Zealand.

British Columbia mengisytiharkan darurat pada Sabtu susulan banyak kejadian kebakaran hutan di wilayah itu.

Menurut laporan media, lebih 100 kebakaran hutan direkodkan baru-baru ini di British Columbia, dengan hampir separuh daripadanya masih tidak terkawal.

Wilayah lain di Kanada seperti Ontario dan Quebec turut berdepan kebakaran hutan besar tahun ini. - ©BERNAMA

Bali beri amaran banjir akibat air pasang di 6 kawasan 11 hingga 17 Ogos

JAKARTA, 10 Ogos. - Pihak berkuasa memberi amaran mengenai kemungkinan berlaku banjir akibat air pasang di enam kawasan di Bali dari 11 hingga 17 Ogos berikutan fenomena bulan yang dijangka menyebabkan peningkatan paras air laut di sekitar pulau itu.

Ketua Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) Wilayah III Cahyo Nugroho berkata fenomena itu dikaitkan dengan kedudukan Bulan yang mencapai perigee, iaitu titik paling hampir dengan Bumi dalam orbitnya pada 10 Ogos, disusuli anak bulan pada 13 Ogos.

"Banjir akibat air pasang berpotensi menjejaskan aktiviti pemunggahan dan pemuatan di pelabuhan, kegiatan di kawasan penempatan pesisir, perusahaan garam serta perikanan darat," katanya seperti dipetik Agensi Berita Antara pada Isnin.

Cahyo berkata enam kawasan yang berpotensi terjejas ialah pesisir selatan Jembrana dan Tabanan, pesisir Badung, Gianyar dan Denpasar serta pesisir selatan Klungkung.

Beliau berkata waktu dan tahap kemuncak air pasang berbeza mengikut lokasi, hari dan masa. - ©BERNAMA

Sekitar 400 orang terkandas, tanah runtuh di tengah Jepun

NAGANO (Jepun), 10 Ogos. - Polis tempatan di wilayah Nagano, tengah Jepun pada Ahad memaklumkan sebuah jambatan sementara telah dibina bagi membolehkan kira-kira 390 orang yang terkandas di sebuah pusat peranginan akibat tanah runtuh malam sebelumnya meninggalkan kawasan berkenaan, lapor Kyodo News.

Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian itu yang memutuskan satu-satunya jalan menuju ke pusat peranginan mata air panas Nakabusa Onsen di Azumino.

Kawasan mata air panas itu turut menjadi lokasi popular sebagai titik permulaan pendakian, manakala mereka yang terkandas terdiri daripada tetamu hotel serta pendaki yang menginap di pondok gunung, menurut polis.

Kerajaan wilayah memaklumkan tanah runtuh itu merosakkan sebuah jambatan di jalan yang menghubungkan pusat peranginan berkenaan dengan kawasan tengah Azumino.

Menurut Agensi Meteorologi Jepun, Azumino menerima hujan lebat dengan taburan 50 milimeter dalam tempoh sejam pada malam Sabtu. - ©BERNAMA

Mewujudkan peluang masyarakat mengamalkan gaya hidup aktif

■ Siaran Akhbar dan Foto : Titan Gym Brunei Darussalam



TITAN X telah dilancarkan secara rasmi oleh Pengarah-pengarahnya, Terrance Chan dan Awang Muhd. Raziq; bersama Pengurus Besar, Pengiran Farhana binti Pengiran Haji Bujang, serta barisan pengurusan Titan Gym Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Titan Gym Brunei Darussalam (TGBD) secara rasminya telah melancarkan Titan X, sekali gus menandakan satu lagi pencapaian penting serta membuka lembaran baharu dalam perkembangan jenama berkenaan dalam industri kecergasan, sukan dan kesejahteraan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perjalanan TGBD ditubuhkan dengan visi untuk menyediakan persekitaran kecergasan yang mudah diakses, mesra dan progresif untuk masyarakat tempatan. Seiring dengan perkembangannya, TGBD terus memperluaskan kehadirannya di NBD sambil membina komuniti kecergasan yang semakin berkembang serta terus meningkatkan kemudahan, program dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada para ahli.

Bermula sebagai sebuah pusat kecergasan, TGBD kini berkembang menjadi sebuah platform yang lebih menyeluruh merangkumi kecergasan, sukan dan kesejahteraan, termasuk latihan peribadi, program senaman berkumpulan, latihan fungsional, aktiviti sukan, program kesejahteraan korporat serta pelbagai inisiatif komuniti.

Pembangunan Titan X merupakan fasa seterusnya dalam perjalanan berkenaan dan mencerminkan aspirasi organisasi untuk terus meningkatkan pengalaman serta standard kecergasan di NBD. Kepimpinan dan visi perkembangan berterusan TGBD dan Titan X diterajui oleh Pengarah-pengarahnya, Terrance Chan dan Awang Muhd. Raziq; bersama Pengurus Besar, Pengiran Farhana binti Pengiran Haji Bujang, serta barisan pengurusan TGBD.

Di bawah kepimpinan mereka, TGBD terus memberi tumpuan kepada pembangunan sebuah jenama yang bukan sahaja menyediakan kemudahan gim, malah turut membuka lebih banyak peluang dalam bidang kecergasan, sukan, kesejahteraan, penglibatan korporat dan pembangunan komuniti.

Pihak pengurusan turut menghargai komitmen seluruh kakitangan, jurulatih, tenaga pengajar, rakan kerjasama, kolaborator serta para ahli yang telah memberikan sokongan sepanjang perjalanan dan perkembangan TGBD.

Memperkenalkan Titan X yang terletak di Kiulap, Titan X dibangunkan sebagai sebuah destinasi kecergasan, sukan dan kesejahteraan yang lebih menyeluruh dengan menghimpunkan pelbagai konsep latihan dan pengalaman di bawah satu bumbung.

Kemudahan yang ditawarkan merangkumi latihan kekuatan dan kardio, latihan peribadi, program Les Mills, kelas freestyle, latihan fungsional dan gaya HIYOX, berbasikal, yoga serta pelbagai aktiviti kecergasan dan kesejahteraan.

Salah satu komponen utama konsep Titan X ialah Titan X Arena, yang memperluaskan pengalaman Titan melangkaui konsep gim tradisional dengan menyediakan ruang untuk aktiviti seperti bola keranjang, bola jaring, bola tampar, badminton, pickleball dan futsal, selain penganjuran acara sukan serta aktiviti korporat dan komuniti.

Titan X juga menyediakan beberapa studio dan ruang latihan khusus untuk memenuhi keperluan pelbagai jenis aktiviti kecergasan, termasuk kawasan kecergasan persendirian khusus untuk wanita.

Menurut Pengiran Farhana, Titan X bukan sekadar pembukaan sebuah kemudahan kecergasan baharu, tetapi merupakan satu evolusi kepada perjalanan dan visi TGBD. Titan X melambangkan evolusi TGBD. Visi kami adalah untuk membangunkan sesuatu yang lebih daripada sekadar sebuah gim.

Jelasnya lagi, kami mahu mewujudkan sebuah destinasi di mana kecergasan, sukan, kesejahteraan dan komuniti dapat disatukan di bawah satu bumbung dan kami mahu Titan X menjadi tempat untuk semua daripada mereka yang baharu memulakan perjalanan kecergasan, sehinggalah kepada atlet berpengalaman, keluarga, organisasi korporat serta masyarakat secara keseluruhannya.

Titan X juga akan terus memperluaskan kerjasama dengan pemiagaan tempatan, organisasi korporat, penyedia perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan, komuniti sukan serta rakan strategik bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk masyarakat mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat dan aktif.

Melangkah ke hadapan, TGBD akan terus memperkukuh program, kemudahan dan penglibatan bersama masyarakat dalam usaha menyumbang kepada pembentukan budaya kecergasan dan kesejahteraan yang lebih kukuh di NBD.

Dengan kepimpinan Terrance Chan dan Awang Muhd. Raziq, bersama Pengiran Farhana serta seluruh warga TGBD, organisasi berkenaan optimis untuk membawa TGBD ke fasa perkembangan yang seterusnya.

Pelancaran rasmi Titan X bukan sahaja melambangkan perkembangan jenama TGBD, malah memperkukuh komitmennya dalam membantu membina masyarakat NBD yang lebih kuat, sihat dan aktif.

PCHS : BANTU PENGURUSAN BERAT BADAN MELALUI PENDEKATAN GAYA HIDUP SIHAT



SESI bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Program Cara Hidup Sihat (PCHS) Kohort 3 yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan baru-baru ini mengadakan Majlis Pelancaran Program Cara Hidup Sihat (PCHS) Kohort 3 yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

PCHS berkenaan merupakan inisiatif di bawah PPK, Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk membantu peserta yang mengalami obesiti dalam pengurusan berat badan melalui pendekatan gaya hidup sihat selama enam bulan.

Program berkenaan mengamalkan pendekatan menyeluruh dan berstruktur yang menumpukan kepada peningkatan kesihatan fizikal, pemakanan yang sihat dan kesejahteraan kesihatan

mental melalui pendidikan kesihatan, preskripsi senaman dan sesi senaman berkumpulan, serta strategi perubahan tingkah laku, disokong dengan pemantauan dan bimbingan berterusan.

Peserta juga diberikan jam tangan digital untuk menjejaki aktiviti harian dan status kesihatan.

Pelaksanaan Kohort 3 berkenaan merupakan kesinambungan kepada kejayaan kohort terdahulu dalam menyokong usaha pencegahan penyakit tidak berjangkit, dan diharapkan dapat membantu peserta membina tabiat sihat yang berkekalan serta diteruskan dalam kehidupan seharian walaupun selepas program berakhir.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh

Awang Muhammad Nor Azizi Asri bin Noor-Asmali.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus PCHS, Pegawai Perubatan, Dr. Norhanani Nadzirah binti Haji Md. Taib.

Beliau menjelaskan objektif dan hala tuju PCHS Kohort 3 dalam membentuk masyarakat yang lebih sihat dan produktif.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video pelancaran yang memaparkan PCHS serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pakar-pakar dalam bidang perubatan sukan dan senaman, psikologi, pemakanan dan senaman.

PPK, Kementerian Kesihatan berharap agar PCHS Kohort 3 berkenaan dapat memberi manfaat berpanjangan kepada para peserta dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan kesihatan rakyat negara ini.

Skuad U17 Kayans FC tingkat intensiti hadapi persaingan di Sabah

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Kelab Bola Sepak Bawah 17 Tahun Kayans

KOTA KINABALU, SABAH, Isnin, 10 Ogos. - Pasukan Kelab Bola Sepak Bawah 17 Tahun (U17) Kayans menimba pengalaman dan meluaskan pendedahan yang sangat bermakna menerusi dua perlawanan persahabatan di Kota Kinabalu, Sabah.

Menurut Ketua Jurulatih Kayans FC, Awang Haji Mohd. Rosanan Abdullah Samak, perlawanan berkenaan merupakan sebahagian daripada program latihan luar negara Kelab Bola Sepak U17 Kayans sebagai pendedahan terbaik, di samping meningkatkan keyakinan pemain dalam

memberikan saingan kepada pasukan di peringkat serantau.

Jelasnya lagi, pendedahan berkenaan memberikan peluang terbaik kepada para pemain untuk merasai corak permainan, intensiti serta tekanan perlawanan yang lebih mencabar dan kompetitif.

"Kita akan terus berusaha memperkukuh prestasi serta meningkatkan pembangunan pemain-pemain, sekali gus membentuk pasukan ini menjadi lebih mantap sebagai persiapan menyertai kejohanan-kejohanan di peringkat domestik mahupun serantau," katanya lagi.

Kayans FC berjaya memberikan saingan menarik kepada Pasukan Bola Sepak Kebangsaan U19 Sabah (Sabah FC) dan menunjukkan prestasi yang membanggakan selepas berjaya mengejutkan pasukan Kinabalu Knight FC dengan kemenangan 3-0.

Ketua jurulatih mengakui pasukannya mempunyai peluang untuk memperbaiki kelemahan serta meningkatkan prestasi dan reputasi para pemain.

"Inilah proses pembelajaran dan peluang untuk kita menilai sejauh mana perkembangan pasukan dan seterusnya mengatur lebih banyak perancangan bagi pembangunan pasukan ini," ujarnya lagi.



PASUKAN Kelab Bola Sepak Bawah 17 Tahun (U17) Kayans ketika bergambar kenangan bersama Pasukan Bola Sepak Kebangsaan U19 Sabah (Sabah FC).



ePaper Pelita Brunei



PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN NBD KE SUKMA XXII, SELANGOR 2026



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyerahan bendera negara kepada Dayang Noorfairuzah Hani binti Haji Mohamad @ Haji Zaini selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke SUKMA XXII, Selangor 2026 di Dewan Di-Gadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) XXII yang akan diadakan di Selangor, Malaysia bermula pada 15 hingga 24 Ogos 2026.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen NBD Ke SUKMA XXII, Selangor 2026 telah diadakan bertempat di Dewan Di-Gadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku tetamu kehormat.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap, KKBS, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Beliau antara lain berkata, penyertaan NBD dalam kejohanan SUKMA pada tahun ini

merupakan penyertaan ke-14 sejak mula menyertai kali pertama pada tahun 1996.

Menurutnya, SUKMA merupakan kejohanan penting yang menyediakan platform yang berharga bagi para atlet muda negara untuk mengembangkan bakat, menguji keupayaan serta meningkatkan tahap prestasi dan daya saing dengan aspirasi untuk meraih pingat dan mencatat kejayaan yang membanggakan untuk negara.

Pada masa yang sama, jelas beliau, penyertaan berkenaan turut memperkukuh hubungan erat dan kerjasama yang sekian lama terjalin antara NBD dan

Malaysia.

"Berkaitan dengan persediaan para atlet, sesi pemilihan dan pembangunan atlet remaja telah dilaksanakan secara berterusan sejak penyertaan negara pada SUKMA Ke-21 pada tahun 2024.

"Atlet-atlet yang dikenal pasti kemudiannya mengikuti program latihan di bawah kendalian jurulatih Jabatan Belia dan Sukan secara berterusan.

"Sementara itu, latihan intensif telah mula dilaksanakan seawal bulan Januari tahun ini," katanya.

Majlis diteruskan dengan penyerahan bendera NBD yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Dayang

Noorfairuzah Hani binti Haji Mohamad @ Haji Zaini selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke SUKMA XXII, Selangor 2026.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Hadir sama ialah Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Abdul Munir Lutfi bin Said; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KKBS; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; pegawai-pegawai kanan KKBS; wakil-wakil Persatuan Sukan Kebangsaan serta ahli keluarga atlet.

SUKMA ialah temasya sukan peringkat kebangsaan di Malaysia anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia bersama Majlis Sukan Negeri yang diadakan setiap dua tahun sekali.

Bagi temasya SUKMA Ke-22 Tahun 2026 ini, kontinjen NBD akan diwakili oleh seramai 84 orang, terdiri daripada 53 orang atlet yang akan bersaing dalam 11 acara sukan yang dipertandingkan iaitu Akuatik Renang, Badminton, Olahraga, Catur, Golf, Lawan Pedang, Karate, Pencak Silat, Sepak Takraw, Taekwondo dan Wushu.

Manakala barisan pegawai kontinjen seramai 31 orang, terdiri daripada Chef de Mission, Assistant Chef de Mission, pegawai urus setia, pegawai perubatan, pengurus dan jurulatih.

Rombongan kedua kontinjen negara berlepas ke SUKMA XXII



PEMANGKU Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Noorfairuzah Hani binti Haji Mohamad @ Haji Zaini hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat kepada para atlet.

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Selasa, 11 Ogos. - Seramai lima ahli terdiri dari dua atlet Sukan Catur serta dua Pegawai Urus Setia dan seorang Jurulatih telah berlepas dalam rombongan kedua kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Selangor, Malaysia bagi menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) XXII dijadual berlangsung secara rasminya bermula 15 hingga 24 Ogos 2026 di Selangor, Malaysia.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada petang tadi bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat ialah Pemangku Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Noorfairuzah Hani binti Haji Mohamad @ Haji Zaini.

Majlis didahului dengan bacaan Doa Selamat, diselajurkan dengan ucapan

nasihat kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

NBD dalam temasya SUKMA ini akan menyertai dalam 11 acara sukan yang dipertandingkan iaitu Akuatik Renang, Badminton, Olahraga, Catur, Golf, Lawan Pedang, Karate, Pencak Silat, Sepak Takraw, Taekwondo dan Wushu.

Atlet-atlet Catur negara akan mula bertanding pada Khamis, 13 Ogos 2026 bertempat di Dewan Seri Bernam dalam acara Individual Rapid dan Individual Standard.

Hadir sama ialah pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, wakil Persekutuan Catur Brunei dan keluarga atlet. Sementara itu, rombongan ketiga akan bertolak ke Selangor, Malaysia pada Rabu, 12 Ogos 2026.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENUNTUT ILMU BUKAN SAHAJA SATU KEWAJIPAN, MALAH IBADAH YANG MULIA